DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU
MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEPULUH

PADA 12 DAN 13 SEPTEMBER 2000
BERSAMAAN 13 DAN 14 JAMADILAKHIR 1421

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT DEWAN UNDANGAN NEGERI
TERENGGANU

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS

daripada:

SETIAUSAHA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
TERENGGANU

PERSIDANGAN

PADA HARI SELASA, 12 SEPTEMBER 2000

PERSIDANGAN

PADA HARI SELASA, 12 SEPTEMBER 2000

Hari Selasa,
12 September, 2000

KANDUNGAN

1.	Nama Ahli-ahli	[Muka 1]
2.	Doa	[Muka 3]
3.	Ucapan Yang Berhormat Yang Dipertua	[Muka 3]
4.	Kertas-kertas Kerja dan Laporan-laporan	[Muka 7]
5.	Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:	
	- Soalan Bertulis	[Muka 9]
	- Soalan Lisan	[Muka 10]
6.	Usul Menurut Fasal 30 Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan	[Muka 26]
7.	Usul Yang Telah Diberi Notis:	
	Anggaran Pembangunan (Tambahan Bil.1) 2000	[Muka 76]
8.	Rang Undang-Undang:	
	1. Enakmen Perbekalan Tambahan (2000)(No.1) 2000	[Muka 77]
	2. Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (Pindaan) 2000	[Muka 80]
	3. Enakmen Tabung Amanah Warisan Negeri (Pindaan) 2000	[Muka 82]

12 September 2000

PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA PADA PUKUL 9.30 PAGI

H A D I R:

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Haji Husain bin Awang, JP.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Haji Awang
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhomat Haji Harun bin Taib
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong
WAKIL BATU BURUK

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Chik
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Tun Dato' Dr. Haji Mohd Salleh bin Abas
SSM.,PMN.,SPMT.
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Encik Yahaya bin Ali, PJC.
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Abdullah, PJC.
WAKIL TEPUH

Yang Berhormat Haji Awang bin Jusoh, JP.,PJK.
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Encik Wan Hassan bin Mohd Ramli
WAKIL SURA

Yang Berhormat Haji Ismnail bin Haji Mamat, PJK.
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Haji Nik Muhammad Zawawi bin Salleh
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Abdullah bin Mat Dan
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Dr. Haji Mamad bin Puteh
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Haji Shapawi bin Abdul Rani
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Dr. Haji Sulaiman bin Abdullah
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Haji Mohamad bin Hitam
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Encik Shaharizukirnain bin Abd. Kadir
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Haji Ismail bin Harun
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Hassan bin Mohd Salleh
WAKIL BUKIT PAYUNG

Yang Berhormat Haji Abdul Aziz bin Haji Abas
WAKIL KAMPUNG RAJA

Yang Berhormat Haji Mehamad bin Sulong
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Haji Roslan bin Haji Ismail
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Encik Rozali bin Muhammad
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Encik Md. Azmi bin Lop Yusof
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah,
SPMT.,DSMT.,PJN.,JSM.,PJC.,PPN.,PJK.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Mulia Tengku Putera bin Tengku Awang
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali,
DPMT.,AMT.,AMN.,PJK.
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Encik Rosol bin Wahid
WAKIL AJIL

12 September 2000

HADIR MENURUT FASAL XIII (3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Senara Muda (Dato' Haji Mazlan @ Mohd Nanri bin Hashim),
DPMT.,ASM.,KMN.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Dato' Haji Ab. Karim bin Ab. Rahman,
DPMT.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Y.M. Dato' Ku Abdul Azah bin Syed Alwee,
DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik Osman bin Muda, PJK.

12 September 2000

D O A

UCAPAN YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA DEWAN

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

الحمدلله رب العالمين. والعاقبة للمتقين. اشهدان لااله الاالله
وأشهد أن محمدا عبده ورسوله. اللهم صل وسلم وبارك
على رسولك ونبيك محمد وعلى اله وصحبه أجمعين .

Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Dato'-Dato', Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-pegawai, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Terlebih dahulu marilah sama-sama kita memanjatkan kesyukuran kehadrat Allah s.w.t. di atas limpah kurnia-Nya dan anugerah, nikmat kurnia yang tidak ternilai oleh kita maka sekali kita berada di Dewan yang mulia ini. Ingatlah setinggi manapun kedudukan kita, sekuat manapun daya dan tenaga yang ada pada kita dan sebijak manapun pemikiran kita pastinya ianya pemberian dan anugerah Allah bukannya ciptaan kita dan bukannya buatan kita sendiri. Sesungguhnya bersyukur dalam erti kata yang sebenar-benar dengan hati yang penuh insaf dan penuh keimanan yang mendalam itulah nikmat yang hakiki dimiliki oleh orang-orang yang beriman kepada adanya hidup dan mati dan kepada adanya perhitungan di hari kemudian. Di sanalah nanti setiap kita mendapat penilaian hakiki.

Dewan yang mulia ini salah satu pentas untuk kita berbakti kepada Allah bukan untuk berlakon dan bersendiwara. Gunakanlah ia ke arah yang menjamin untuk kita mendapat penilaian hakiki itu. Allah s.w.t. telah mengarahkan kita supaya sentiasa berlumba-lumba ke arah kebajikan dan kebajikan *fastabikukhirat*. Apakah persepsi kebaikan dan kebajikan itu? Ahli-ahli Yang Berhormat tentu yakin ke arah manakah haluan dan hala tuju yang pastinya membawa kepada kebaikan dan kebajikan hakiki itu.

12 September 2000

Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tidaklah berhajat untuk memanjangkan ucapan ini. Cuma saya ingin mengingatkan kembali bahawa kata-kata dan ucapan ataupun ungkapan kita sebenarnya cermin kepada keperibadian, sikap malah iman kita sendiripun sebahagiannya diukur daripada kata-kata dan ungkapan. Maka dalam Mesyuarat Kali Kedua Penggal Persidangan Yang Kedua Dewan Undangan Negeri Kesepuluh ini, saya kali lagi mengajak Ahli-ahli yang Berhormat melaksanakan tanggungjawab sebagaimana yang telah digariskan oleh pimpinan agung kita, Rasulullah s.a.w.:

الدين النصيحة, قلنا : لمن يارسول الله ؟ قال : لله ولرسوله ولكتابه ولائمة المسلين وعامتهم.

Agama adalah nasihat, kami bertanya kepada siapakah Ya Rasulullah, bagi siapakah Ya Rasululllah. Sabda Rasululllah s.a.w: Bagi Allah dan Rasul-Nya, dan Kitabnya dan pimpinan orang-orang Islam dan juga bagi seluruh orang awam. Nasihat membawa erti teguran, pandangan dan juga saranan. Itulah tanggungjawab kita berada dalam Dewan yang mulia ini.

Akhirnya saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih di atas kerjasama yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dalam sidang-sidang yang lalu. Dalam sidang ini saya memohon kerjasama yang serupa demi kebaikan dan kebajikan kita bersama serta masyarakat dan rakyat yang mengamanahkan kita urusan mereka.

Sekian, walbillahi taufik wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Kertas-kertas Kerja dan Laporan-laporan yang dibentangkan ialah:

1. Peruntukan Tambahan Anggaran Perbekalan Tahun (2000) (No. 1) 2000.

(D.U.N. Bil. 7/2000)

2. Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) 2000 Perbelanjaan 2000.

(D.U.N. Bil. 8/2000)

3. Penyata Kira-Kira Tahunan Majlis Daerah Marang Bagi Tahun 1998.

(D.U.N. Bil. 9/2000)

4. Laporan Tahunan Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) Tahun 1998.

(D.U.N. Bil. 10/2000)

5. Laporan Ketua Audit Negara Bagi Negeri Terengganu Tahun 1998.

(D.U.N. Bil. 11/2000)

6. Penyata Kewangan Negeri Terengganu Bgi Tahun 1998.

(D.U.N. Bil. 12/2000)

7. Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu Bagi Tahun 1998.

(D.U.N. Bil. 13/2000)

8. Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu Bagi Tahun 1997.

(D.U.N. Bil. 14/2000)

9. Penyata Kewangan Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu Bagi Tahun Berakhir Pada 31.12.1997.

(D.U.N. Bil. 15/2000)

10. Penyata Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu Bagi Tahun 1999.

(D.U.N. Bil. 16/2000)

11. Laporan Tahunan Lembaga Muzium Negeri Terengganu Bagi Tahun 1998.

(D.U.N. Bil. 17/2000)

12 September 2000

SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS

SOALAN-SOALAN BERTULIS
[Lampiran A]

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat, jawapan-jawapan kepada Soalan-soalan Bertulis yang telah diberi notis dan dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ialah soalan-soalan daripada:

1. Y.B. Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali
   (Wakil Kemasik)

2. Y.B. Encik Rosol binWahid
   (Wakil Ajil)

3. Y.B. Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah
   (Wakil Seberang Takir)

SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sekarang kita masuk kepada Soalan-soalan Lisan. Dipersilakan Yang Berhormat Wakil daripada Kemasik mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bismillahi rahmani rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang pertama -

Sila nyatakan Perlembagaan Negeri yang digunakan oleh Kerajaan PAS bagi memerintah Negeri Terengganu hari ini.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Bismillahi rahmani rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1957.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Sila Yang Berhormat terangkan sekali lagi, tak berapa jelas.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu 1957.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Tidakkah undang-undang tersebut merupakan undang-undang yang sama dengan undang-undang yang di bawah Barisan Nasional dahulu.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Tak jelas.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Tidakkah undang-undang tersebut merupakan undang-undang yang sama di bawah kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional dahulu.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Kalau sama tanya buat benda.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya tanya, adakah undang-undang tersebut merupakan undang-undang yang sama dengan kerajaan dahulu.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Ialah ... kalau sama, tahu dah tanya buat apa benda.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya nak pengesahan. Saya nak tanya adakah sama undang-undang tersebut dengan undang-undang dahulu.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Tidak berbangkit Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan telahpun dijawab.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Tak jawab lagi Yang Dipertua. Saya tanya, adakah undang-undang hari ini yang ditadbirkan kerajaan hari ini sama dengan undang-undang dahulu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya kata kalau dah tahu, kalau dah sama tanya buat apa.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bermakna undang-undang yang ditadbirkan oleh kerajaan hari ini sama dengan undang-undang yang ditadbirkan oleh kerajaan dahulu. Kalau sama, sama nak petik satu ayat dalam Amanat Haji Hadi .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Soalan berkaitan dengan Perlembagaan Negeri yang digunakan oleh kerajaan sekarang telahpun dijawab bahawa ianya mengguna Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu 1957, telah dijawab.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Jadi, saya nak perjelaskan bahawa ada satu perkara yang menimbulkan keraguan berhubung dengan Perlembagaan ini .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Keraguan mengenai Perlembagaan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang digunakan oleh PAS hari ini. Sebab dalam Amanat Haji Hadi yang dikeluarkan beberapa tahun dahulu ada menerangkan, dengan izin kalau diberi kebenaran oleh Yang Dipertua, saya baca.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sekarang ini soalan mengenai Perlembagaan Negeri bukan mengenai Amanat Haji Hadi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Ada kaitan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Apakah tak kena dengan Perlembagaan itu? Sila kemukakan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Sebab ada kaitan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Amanat Haji Hadi dengan Perlembagaan ada kaitan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Ada kaitan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Itu soalan di luar daripada soalan ini. Saya minta Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya nak baca .....

YANG BEHORMAT YANG DIPERTUA: Saya tak izinkan Yang Berhormat baca kerana ia tidak ada kaitan dengan Perlembagaan ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Ada kaitan dengan Perlembagaan yang digunakan pada hari ini. Saya minta izin daripada Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, supaya dapat saya memperjelaskan dalam Dewan yang mulia ini berhubung dengan kekeliruan yang timbul akibat dengan Amanat Haji Hadi berhubung dengan Perlembagaan yang digunakan.

Dalam amanat tersebut saya petik: Saudara-saudara sekalian percayalah .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, saya minta supaya timbulkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Perlembagaan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Mengikut apa yang diperkatakan Amanat ini ....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Itu amanat bukan Perlembagaan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Ada disebut Perlembagaan di dalam.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya minta Wakil daripada Kemasik, sila duduk. Kalau ada soalan yang lain, sila kemukakan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan saya yang kedua saya ditolak – soalan yang ketiga -

> *Adakah Kerajaan bercadang untuk menutup semua syarikat-syarikat Anak milik Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu yang menjalankan urusan perniagaan dalam pembinaan, hartanah, perkayuan dan kuari?*

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menutup semua syarikat-syarikat anak milik PMINT yang menjalankan urusan perniagaan dalam pembinaan, hartanah, perkayuan dan kuari. Apa yang sedang berlaku ialah suatu kajian yang menyeluruh sedang dibuat oleh pihak PMINT dengan kerjasama UPEN untuk melihat anak-anak yang sedang sakit dan sakit ini sudah berlarutan lama kerana Tok Bomoh dulu tak pandai berubat. Jadi, oleh kerana itu dalam kajian kita akan mempastikan mana-mana yang sakit tapi boleh disembuhkan, insya Allah kita akan teruskan, mana-mana yang dikira sakit tenat, sukar untuk disembuhkan, tak ada jalan mengikut perhitungan, kajian kita barangkali yang itu kita tutuplah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Yang Dipertua, bilakah kajian tersebut akan selesai dilaksanakan.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Kita sedang berada dalam peringkat akhir sekarang ni, insya Allah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Boleh Yang Berhormat terangkan syarikat mana yang akan diteruskan dan syarikat mana yang akan ditutup.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Kadang-kadangpun saya tak faham orang yang bertanya, saya kata sedang kaji ... lepas kaji tu baru tahu. Belum selesai nak tahu macam mana.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT TUAN YANG DIPERTUA: Dipersilakan Wakil Telemong -

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Terima kasih Tuan Yang Dipertua, soalan pertama –

Bila tarikh atau tarikh-tarikh, penerbangan MAS melebihi sebelas trip/sebelas trip ke Terengganu sehari?

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Wakil daripada Telemong ingin tahu berhubung dengan bila tarikh atau tarikh-tarikh penerangan MAS melebihi sebelas trip ke Terengganu sehari. Jawapannya setakat ini tidak ada penerangan MAS melebihi sebelas trip sehari. Bagaimanapun MAS daripada masa ke semasa membuat jadual termasuk mengkaji semula jadual penerbangan yang sedia ada. Umpamanya mengikut jadual penerbangan yang dikeluarkan berkuatkuasa dari 26 Mac – 28 Oktober 2000, kekerapan penerbangan ke Kuala Terengganu adalah seperti berikut:

Hari Isnin hingga Jumaat	-	Kekerapan 4 kali sehari
Hari Sabtu hingga Ahad	-	Kekerapan 5 kali sehari

Walau bagaimanapun, MAS ada membuat jadual penerbangan tambahan bergantung kepada cuti umum dan juga atas permintaan penumpang, umpamanya untuk pakej pelancongan. Sebagai satu contoh, pada 31 Ogos baru-baru ini sebanyak 10 kali sehari iaitu penerbangan tambahan ke Kuala Terengganu.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Soalan tambahan Tuan Yang Dipertua, sedarkah Yang Berhormat suatu pembohongan telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam ucapan terima kasih Kerajaan Negeri dalam majlis di Istana Maziah bulan Jun yang lalu. Dalam ucapan rasmi Kerajaan Negeri menyatakan penerbangan MAS ke Terengganu melebihi sebelas trip sehari.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya maklumkan pada 31 Ogos tu sepuluh kali sehari semuanya dari KLIA yang MAS beri. Tapi daripada Subang dua kali jadi 12 tu, Wakil Telemong tak reti kira.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya reti Yang Berhormat. Yang Berhormat lain jawab tu tak reti kira. Ucapan dibuat bulan Jun, penerbangan sepuluh kali 31 Ogos itu pun tak sampai 11 kali. Kalau tak reti tak usah jawab. Ini di Istana ucapannya, pembohongan kepada rakyat umum, pada Tuanku Al-Sultan bahawa 11 trip sehari menunjukkan laku sangat. Ini saya nak tahu, bukan jawapan seperti mana Wakil Manir yang tidak berkaitan pun diberi jawapan.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhoramt Tuan yang Dipertua, kaitan dok kaitan awak dok mengaji politik, dalam Dewan ni bila soalan dikemukakan jadi hak semua. Kena mengaji politik, ni budak-budak dok mengaji politik susah ni ...

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tuan Yang Dipertua, ...

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dengar dulu saya nak cakap ni. Saya nak beri penjelasan, sepuluh kali daripada KLIA, daripada Subang dua kali pula 7.30 pagi – 7.30 petang, jadi dua belas. Cakap molek-molek sikit.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya tanya, betul ke jawapan Manir tu Exco yang sepatutnya jawab, dok jawab.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Tak dok masalah siapa yang jawab, sekarang ni saya cuma sebut cara umum bahawa tambahan penerbangan sepuluh kali sehari itu adalah ke Kuala Terengganu melalui KLIA, saya tak tambah lagi daripada Subang tapi kita gaduh sangat.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Soalan tambahan Yang Dipertua, adakah sebelum Jun terdapat 11 penerbangan ke Terengganu, saya tak kira KLIA, Subang dari Kuala Lumpur ke Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Kalau tak percaya, *check* dengan MAS sendirilah. Kita dah beri jawapan secara bertanggungjawab, buat apa lagi kita nak macam tu sekali.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Bermakna jawapan yang diberi tadi hanya 31 Ogos sepuluh kali sehari. Maknanya tidak ada jawapan yang diberikan oleh Exco tadi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Ini contoh, saya sebut tadi contoh. Terima kasih.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya tak tanya contoh, saya tanya jawapan. Maknanya inilah sendiwara sebenarnya Exco ni Kerajaan Negeri pada hari ini. Saya nak beritahu kepada Yang Dipertua Dewan, ini suatu kenyataan yang tidak bertanggungjawab dan pembohongan besar yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri melalui Menteri Besar. Terima kasih, soalan yang kedua -

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Saya minta penjelasan, apa yang bohongnya? Apa yang bohong besar, apa dia? Cakap betul-betullah.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Ucapan rasmi dilaporkan 11 kali, jawapannya tidak ada. Tidakkah ini satu pembohongan?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dah bohong apa macam tu.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Rakyat Terengganu dan seluruhnya memang tahu perkara ini, soalan yang kedua Yang Dipertua –

> *Berapa jumlah bilangan penerima dan kewangan yang terlibat daripada Operasi Pemotongan Bantuan Kebajikan Masyarakat yang dibuat oleh Kerajaan PAS?*

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Tuan Yang Dipertua, jumlah penerima bantuan kebajikan yang terlibat dengan penamatan ialah seramai 1,492 daripada jumlah 16,814 orang penerima bantuan. Dan jumlah kewangan yang terlibat ialah RM89,520.00 daripada jumlah RM1,132,255.00 yang diterima sebelum daripada penamatan.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Soalan tambahan Yang Dipertua, saya ingin tahu pemotongan dibuat adakah penerima selebih ataupun ... 16,814 ditolak dengan 1,492 orang ini telah menerima bayaran yang melebihi daripada bayaran biasa selepas pemotongan 1,492 dibuat.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Bagi mereka yang tidak terlibat dalam pemotongan kita telahpun membuat bayaran tambahan mengikut kadar baru yang telah kita luluskan, iaitu untuk pengetahuannya ialah seramai 15,322 orang yang diteruskan pemberian bantuan yang telahpun kita bayaran berjumlah sebanyak RM1,640,555.00 ini mengikut kadar baru yang telah kita kuatkuasakan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Soalan tambahan lagi Yang Dipertua. berapakah kadar minima ke atas seorang penerima dengan kadar yang baru.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Bagi orang tua yang tidak ada mana-mana sumber tanggungan kadar minima ialah RM100.00, iaitu kita telah naikkan daripada RM60.00 daripada pemerintahan Barisan Nasional dulu kepada RM100.00. Kemudian bagi keluarga yang mempunyai anak yang ramai kita telah naikkan daripada RM150.00 yang maksima dulunya kepada RM250.00, iaitu berdasar kepada bilangan anak yang dulunya masa Barisan Nasional RM20.00 saja bagi setiap orang kanak-kanak kemudian kita naik kepada RM60.00 bagi setiap anak-anak dalam jumlah 5 orang dalam satu keluarga. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan - Daripada jumlah yang dinyatakan oleh Yang Berhormat, orang yang dipotong bantuannya adakah terdapat bantuan daripada Kerajaan Persekutuan di dalamnya.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Kita memang dasar pemutihan yang kita buat ialah kepada semua orang yang menerima bantuan sama ada yang disalurkan bantuan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri kerana sama-sama merupakan tanggungjawab bersama di antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan. Jadi, kita mengambil garis panduan yang sama diletakkan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya sangat berterima kasih di atas soalan dijawab dengan baik oleh Exco ini. Soalan tambahan terakhir, ada dibawa oleh JSR di merata-rata kampung dan tidak ada menafian, mengikut JSR bahawa pemotongan ini dibuat oleh Barisan Nasional. Saya nak minta pengesahan pada Yang Berhormat Exco.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Cuba sebut di mana berlakunya perkara itu.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Di banyak tempat, 80 peratus malah di semua kampung di kawasan Telemong dan Hulu Terengganu oleh kerana pemimpin PAS mengajar setiap perkara adalah sendiwara maka pemotongan inipun orang bawah kata sendiwara jugak, Kerajaan Barisan. Saya minta pengesahan.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Saya minta supaya spesifik kes, kalau dalam mahkamah dia nak beri kes itu. Sebab kita dalam pertimbangan ni bertindak sebagai hakim, jadi kita nak kes tu di mana kita tak nak kes secara amum itu.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Soalannya Yang Dipertua, pemotongan dan proses pemutihan ini dibuat oleh Kerajaan PAS pada hari ini, betul ataupun tidak.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Ialah memang betulah, kerana kita dapati bahawa selama ini tidak berlaku suatu keadilan .....

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Terima kasihlah.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Dipersilakan Wakil Seberang Takir, maaf Wakil Ajil.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bismillahi rahmani rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, Ahli-ahli Dewan, hadirin hadirat yang dirahmati Allah sekalian, soalan yang pertama –

Berapa ramaikah guru-guru Kementerian Pendidikan yang dipinjamkan berkhidmat di Sekolah-sekolah Menengah Agama Negeri? Sila nyatakan mengikut jurusan.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, jawabnya seramai 128 orang, 82 orang jurusan umum, 46 orang jurusan agama.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tuan Yang Dipertua kurang jelas, boleh Yang Berhormat ulang lagi sekali.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Bilangan guru-guru yang dipinjam dari Kementerian Pendidikan di sekolah-sekolah agama negeri adalah seramai 128 orang, guru mata pelajaran umum 82 orang, guru mata pelajaran agama 46 orang.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan Tuan Yang Dipertua, sehingga berapa lamakah pergantungan ini akan diteruskan.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dok berapa jelas, semula.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Sampai bila proses pinjaman ini dilakukan.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Selama mana Kerajaan Persekutuan nak beri pinjam, kita terima pinjaman ini. Dia berhenti pinjam kita cari yang lain.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tuan Yang Dipertua, apakah tindakan yang dilakukan oleh kerajaan untuk menyediakan guru-guru sekolah agama negeri dengan kursus ataupun Diploma Pendidikan.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dok berapa jelas, biar lancar sikit, tergagat-gagat saya tak reti.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Sejauh mana pihak kerajaan bersedia membuat persiapan untuk menyediakan guru-guru ini dengan kursus asas, maknanya guru-guru ini saya difahamkan banyak guru-guru yang mengajar sekolah-sekolah agama negeri ini tidak mempunyai kelulusan iktisas. Faham dah tu dok? Jadi, sejauh mana telah bersedia?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Maksudnya tidak ada diploma ke?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Ya.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kita dah jalan dah, semua guru-guru yang belum ada sijil Diploma Pendidikan, sekarang ini kita sudah menjalankan kursus-kursus secara bersiri di hujung minggu dan musim-musim cuti dengan kerjasama pihak KUSZA dan jugak pihak Maktab Perguruan di Negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, daripada jawapan yang diberikan oleh Ahli yang Berhormat yang berkenaan, terdapat kenyataan bahawa seramai 46 orang guru-guru yang dipinjam oleh Kementerian Pendidikan ke sekolah-sekolah menengah agama Negeri Terengganu adalah guru-guru agama. Adakah difikirkan masih perlu guru-guru agama ini ataupun adakah difkirkan belum mampu Kerajaan Negeri menggantikan guru-guru agama dengan guru-guru negeri.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Sejumlah guru-guru yang dipinjam itu dipinjam oleh kerajaan yang lalu jadi kita yang baru ni tak pinjam lagi. Sekiranya guru-guru itu ditarik balik oleh pihak Persekutuan, kita banyak siswazah yang masih menunggu kerja, yang tak dak kerja lagi, seluruh Malaysia ni banyak lagi. Jadi sebab itu kita tidak ada masalah untuk mendapat guru-guru baru, sekarang pun boleh dikatakana tiap-tiap minggu orang datang ke pejabat saya ... para siswazah kita yang belum dapat kerja minta nak jadi guru. Kita sekarang ni belum menghadapi masalah nak cari guru.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, tidakkah memanjangkan tempoh meminjam guru agama menggambarkan bahawa ketidakmampuan kita menggantikan guru-guru agama di sekolah-sekolah menengah agama negeri.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, pinjaman itu bukan dibuat oleh kerajaan yang baru, yang lama lagi yang dipinjam. Kalau tidak salah ingat saya masa Yang Berhormat Wakil Seberang Takir jadi Pengerusi Pendidikan. Jadi masa kita ni, kita belum pecat atau belum tolak seorangpun daripada mereka ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kalau kerajaan dulu memang tidak mampu tapi kerajaan sekarang pun nampaknya tidak mampu juga. Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tuan Yang Dipertua, itu anggap melesetlah, kalau kerajaan dulu tak mampu jangan anggap kerajaan sekarang tak mampu. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, jangan anggap kerajaan sekarang macam kerajaan Barisan Nasional.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih, Tuan Yang Dipertua. Tuan yang Dipertua, soalan kedua -

> *Berapakah jumlah guru-guru Sekolah Menengah Agama Negeri yang berkhidmat secara kontrak selepas bersara? Nyatakan mengikut bidang pengkhususan.*

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Guru-guru sekolah menengah agama negeri yang berkhidmat secara kontrak selepas bersara adalah seramai 8 orang sebagaimana pecahan berikut:

Pengetua Maahad Tahfiz, Padang Midin Guru Bahasa Arab berkelulusan Bahasa Arab dan Agama	-	1 orang
PK 1 Maahad Tahfiz iaitu guru mata pelajaran umum	-	1 orang
Bidang Bahasa Arab	-	5 orang
Bidang Umum (Bahasa Inggeris)	-	1 orang
Jumlah:		8 orang

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tambahan Tuan Yang Dipertua, adakah kesemuanya di Maahad Tahfiz 8 orang.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya sebut tadi semua 8 orang ini dalam bidang Bahasa Arab dan seorang guru kontrak Bahasa Inggeris seperti tersebut di atas, yang ini berkhidmat di Maahad Tahfiz.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tuan Yang Dipertua, saya difahamkan di sekolah-sekolah agama negeri juga ada Guru Agama yang berkhidmat secara kontrak selepas bersara. Pohon penjelasan Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tuan Yang Dipetua, yang saya jelaskan yang sekarang, yang lepas dia ada kontrak tapi dia tamat kontrak dia, dalam penyambungan yang belum disambung, yang itu saya tak sebut Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tuan Yang Dipertua, sebab saya difahamkan ada di kalangan guru-guru ini pada dasarnya pihak Kerajaan Pusat cuma menyambung kontrak guru-guru dari segi jurusan Sains dan Bahasa Inggeris saja. Tadi dikatakan oleh Yang Berhormat bahawa ramai guru agama yang datang ke pejabat beliau untuk menjadi guru. Jadi saya dak faham kenapa guru-guru ini masih disambung kontrak sedangkan ramai lagi yang mohon menjadi guru.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kontrak ni dia ada jangka, dua tahun tak tamat lagi kita tak berhentilah. Kalau kita berhenti orang kata berhenti dengan tidak tentu arah pulak. Jadi nanti cukup masa, kita dak sambung lagi boleh ambil guru baru. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Wakil Ajil tu dia bekas cikgu dia lebih faham.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Ni sandiwara Tuan Yang Dipertua, ada hak dok habis kontrak dia tamat, hak ni pulak dia kata kontrak dok habis. Jadi, walau bagaimanapun terima kasih tuan Yang Dipertua.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang ketiga

Nyatakan jenis kursus yang disediakan, jumlah pelajar dan jumlah kakitangan akademik di Kolej Antarabangsa Terengganu (ICT) dan apakah perancangan masa depan kolej tersebut?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan ... saya dok ingat baca soalan tadi: Nyatakan jenis kursus yang disediakan, jumlah pelajar dan jumlah kakitangan akademk di Kolej Antarabangsa Terengganu (ICT) dan apakah perancangan masa depan kolej tersebut?

Jadi, yang pertamanya kursus yang sedang dijalan jumlah ICT adalah seperti berikut:

Program Pra TATI	-	44 orang
Pra Sains kerjasama dengan TESDEC	-	41 orang
Sijil Pengaturcaaan Komputer KUSZA	-	15 orang
Sijil Teknologi Maklumat KUSZA-ICT	-	26 orang
Sijil Teknologi Multimedia	-	11 orang
Jumlah	-	137 orang

Seramai 23 orang kakitangan ICT yang sedang berkhidmat sebagai pensyarah ataupun kakitangan akademik.

Manakala perancangan masa depan ICT adalah untuk menjalankan 7 program pada peringkat Sijil dan Diploma mulai sesi 2001/2002 seperti berikut:

1. Kekalkan program sesi 2000/2001
2. Sijil Bahasa Inggeris satu tahun
3. Sijil Bahasa Arab
4. Sijil Bahasa Mandarin
5. Sijil Pengajian quran dan Sunnah
6. Sijil Pengajian Syariah
7. Diploma Teknologi

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): soalan tambahan Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, daripada kursus-kursus yang dinyatakan itu manakah kursus-kursus yang baru diperkenalkan mulai tahun 2000 ini.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, yang baru diperkenalkan di ICT ialah Sijil Pengaturcaraan Komputer KUSZA dengan ICT, Sijil Teknologi Maklumat KUSZA ICT, Sijil Teknologi Multimedia juga dengan KUSZA.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, adakah sijil-sijil yang dikeluarkan oleh ICT ini diiktiraf oleh Lembaga Akreditasi Negara.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sijil-sijil memang sedang diusahakan untuk mendapat pengiktirafan tapi oleh sebab semua kursus itu di*joint* dengan pusat pengajian yang lain, iaitu dengan TATI, bila habis di sini dia boleh masuk TATI, dia boleh masuk KUSZA, dia boleh masuk TESDEC. Jadi, sekarang tidak ada masalah berhubung dengan pengiktirafan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Soalan tambahan Tuan Yang Dipertua, adakah Yang Berhormat bagi pihak kerajaan merasa berpuas hati dengan menjadi kolej ini sebagai tempat untuk mengajar dan mengeluarkan sijil-sijil saja.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kalau kita tengok sejarah lama memang Kolej Matrikulasi saja. Oleh sebab itu Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, memandangkan institusi pengajian peringkat diploma di Negeri Terengganu sudah banyak, iaitu di antaranya TYT, Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) dan lain-lainnya, maka dengan sebab itu tidak menjadi satu keaiban dan kekurangan bagi ICT menyediakan ... tugasnya menyediakan kader-kader untuk ke pusat-pusat pengajian yang saya sebutkan tadi. Dan kita bercadang lagi untuk ICT ini menjalankan satu kursus yang berkaitan dengan pra diploma, sebab banyak pelajar-pelajar kita yang tak layak masuk pusat pengajian tinggi kerana Inggerisnya kurang, Bahasa Arabnya kurang, mata pelajaran agama Islamnya kurang, menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk melayakkan pelajar-pelajar ini ke pusat-pusat pengajian tinggi. Dan salah satu daripada agensi yang bekerja keras dalam bidang ini ICT. ICT juga sedang berusaha untuk mengeluarkan diploma dan ijazah, insya Allah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya tidak menimbulkan masalah keaiban yang saya timbulkan adalah kerajaan berpuas hati, bukan kerajaan merasa aib kerana menjalankan kursus-kursus di peringkat sijil. Maksud saya adakah kerajaan berpuas hati dengan menjalankan hanya kursus-kursus di peringkat sijil ataupun lebih banyak kursus-kursus di peringkat sijil. Itu yang saya maksud Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Buat masa ini kita telah berpuas hati buat masa ini, yang telah berjalan berpuas hati dan akan rancang lagi yang lebih baik untuk masa akan datang.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Manir): Tambahan Tuan Yang Dipertua, apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi serama 137 orang. Berapakah jumlah kemampuan sebenar yang mampu dimuatkan oleh ICT.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kita mampu muat lebih daripada 137.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Lebih tu berapa, 1,000 ke, 2,000 ke, 10,000 ke? Perlu spesifik.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Lebih daripada tu ikut orang minta, kalau orang minta 1,000 kita ambil 1,000, dok muat situ kita buat hak lain lagi bangunan, payah apa.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tambahan Tuan Yang Dipertua, disebutkan Kolej Antarabangsa, apakah perancangan pihak Kerajaan Negeri untuk

mengambil pelajar-pelajar luar negara sebagaimana yang dilakukan oleh Universiti Islam Antarabangsa, sebab ada perkataan 'Antarabangsa'.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Buat masa ini bergantung kepada permohonan, kalau permohonan tu datang daripada dalam negeri kita terima dalam negeri. Jika ada permohonan daripada luar negara, kita akan terima pelajar-pelajar daripada luar negara, insya Allah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Soalan tambahan Tuan Yang Dipertua, apakah yang dimaksudkan dengan 'keantarabangsaan'nya kolej ini.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, nama ni nama hak orang dulu, jadi saya nak ubah takut hilang sejarah. Jadi untuk mengekalkan sejarah tu kita tak ubah. Baru ni LAN minta kita ubah ... kata tak boleh ni sejarah Barisan dulu nanti kerajaan Barisan marah dekat kita pula, kita ubah banyak-banyak jadi kekal juga satu hak tu. Jadi, antarabangsa semua orang tahulah ... antarabangsa tu maknanya orang tahu, semua negara-negara ... sebut negara tu antarabangsa, saya nak terang lagi dok munasabah.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tuan Yang Dipertua, saya dengar lebih daripada 5 kali doh, hak dulu, hak dulu maknanya hak ni dok mampu masih mengikut hak dulu.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kita zaman Islam dulu ditawan Rome dok kan nak ubah semua sekali bangunan -bangunan kerajaan Rome. Ni kita tawan Barisan Nasional daripada kerajaan Negeri Terengganu dok kan nak rombak bangunan-bangunan ni, mana yang ada kita gunalah. Kita bukan lawan bangunan, bukan lawan sekolah, lawan Kerajaan Barisan Nasional.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tuan Yang Dipertua, sebenarnya betulah kata Yusof al-Qadawi, kelemahan umat hari ini adalah disebabkan oleh dua perkara, yang pertama pentingkan diri, yang kedua menyalahkan orang lain.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat nak beri soalan tambahan, ke nak berucap tu?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Jadi, saya rasa ... terima kasih Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Persilakan Yang Berhormat Wakil Seberang Takir --

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang kedua --

> *Apakah syarat-syarat yang dikenakan kepada seseorang Khatib Tamu? Berapa orangkah Ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu dan Ahli Parlimen dari Terengganu yang telah ditauliahkan sebagai Khatib Tamu?*

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalannya – Apakah syarat-syarat yang dikenakan kepada seseorang Khatib Tamu? Berapa orangkah Ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu dan Ahli Parlimen dari Terengganu yang telah ditauliahkan sebagai Khatib Tamu?

Jadi, pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu tidak menetapkan apa-apa syarat untuk memberi kebenaran kepada Khatib Tamu. Mengikut Seksyen 169(1) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986, Pesuruhjaya mempunyai kuasa membenarkan seorang menjadi khatib setelah dikenal pasti yang beliau berkebolehan membaca khutbah.

Hanya seorang sahaja Ahli Dewan Undangan Negeri yang telah diberi tauliah atau Surat Kuasa bertindak sebagai Khatib/Imam iaitu ADUN Permaisuri.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Tuan Yang Dipertua, sebagai pengesahan adakah jawapan itu mengesahkan dengan sendirinya bahawa yang lain-lain tidak ditauliahkan untuk menjadi khatib tamu, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, itu yang saya jawab tu yang tauliah. Adapun Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang lain dan juga Ahli Parlimen yang turut berkhutbah di masjid-masjid yang dibenarkan ialah kerana mereka itu membuat permohonan khas pada hari-hari yang tertentu daripada pihak Jabatan Hal Ehwal Agama. Jadi seramai 17 orang Ahli Dewan Undangan Negeri dan 4 orang Ahli Parlimen pernah diberi kebenaran membaca khutbah di masjid-masjid mengikut permohonan mereka. Jadi Ahli Parlimen nak pergi melawat masjid kalau dia berhasrat berkhutbah, dia boleh minta kebenaran daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu. Dan kalau Jabatan Hal Ehwal Agama merasakan dia orang boleh berkhutbah maka dibenarkan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, bolehkah saya faham bahawa kelulusan kepada permohonan itu merupakan tauliah?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, hak saya faham lagu lain, tauliah lain kebenaran lain.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sebelum jadi ADUN Permaisuri pun, ADUN ni pun dulu diberi tauliah dah khatib tamu.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, ADUN mana? Kalau ADUN hak ... maksud dia, saya ke? *Sorry* ... Permaisuri tu memang hak ada tauliah dulu dah, kitapun makanya beri semula dah dia ada lagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan - Adakah Yang Berhormat bagi pihak kerajaan berpuas hati dengan hanya mengeluarkan kelulusan kepada permohonan tapi tidak memberikan tauliah seperti yang saya fahamkan dikehendaki oleh Pejabat Hal Ehwal Agama.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, setakat ini kita berpuas hati dengan keadaan yang berlaku itu. Oleh sebab itu, siapa-siapa yang berhasrat untuk berkhutbah dia boleh minta dengan Jabatan Hal Ehwal Agama dan Jabatan Hal Ehwal Agama boleh memberinya, insya Allah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat mengatakan tadi tidak terdapat sebarang syarat yang dikenakan. Adakah Yang Berhormat berpuas hati bahawa tidak mengenakan sebagai syarat ini boleh kita teruskan keadaannya begitu.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tuan Yang Dipertua, saya katakan syarat, kelulusan, ijazah dan sebagainya memang itu tidak disyaratkan. Tapi walau bagaimanapun saya telah menerangkan jika Pesuruhjaya berpuas hati orang yang berkenaan boleh berkhutbah. Jadi untuk dia puas hati tu, boleh dia *interview*, diuji dan sebagainya sebelum mengeluarkan surat itu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, adakah Yang Berhormat bagi pihak kerajaan menyokong permohonan yang dibuat oleh ahli-ahli pembangkang untuk tujuan yang sama.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, jika ada ahli pembangkang yang nak berkhutbah sila buat permohonan, kita akan pertimbangkan dan insya Allah, kalau perlu kita *interview*.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan Tuan Yang Dipertua, adakah kebenaran yang diberi ini berkala ataupun sepanjang masa.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya telah beza tauliah sepanjang masa, keizinan biasa ini ialah sementara, kes demi kes, satu demi satu.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tuan Yang Dipertua, sementara tu sama ada sekali nak baca khutbah sekali minta kebenaran ataupun sekali setahun, ataupun sekali lima tahun.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Itu semua kita serah kepada budi bicara Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama. Jadi kalau minggu ini Yang Berhormat Wakil Ajil minta dia benar, kemudian minggu depan Wakil Ajil nak khutbah sekali lagi, Wakil Ajil boleh jumpa Pesuruhjaya ... Pesuruhjaya kata cukup hak sedia tu, cukuplah itu budi bicara dia saja.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tuan Yang Dipertua, nampaknya tidak ada satu dasar yang dibuat untuk memperkemaskan pentadbiran Hal Ehwal Agama. Sepatutnya pihak kerajaan menentukan dasar sama ada beri sekali untuk setahun, untuk sekali khutbah dan sebagainya. Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): *Flexible*, itupun dasar juga. Dasar *flexible* dari masa ke semasa boleh ubah itu sebagai dasar kita.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan saya pohon izin Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, untuk meminta pengesahan daripada Yang Berhormat Wakil Manir bahawa sesungguhnya tidak ada sebarang syarat dikenakan kepada permohonan-permohonan untuk menjadi khatib tamu, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya sudah sebut bahawa syarat secara bertulisnya tidak disebut tapi diberi kepada budi bicara Pesuruhjaya, sebagaimana saya sebut tadi, saya ulang – jika sekiranya Pesuruhjaya berpuas hati bahawa orang yang berkenaan boleh membaca khutbah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Tuan Yang Dipertua, kalau syarat secara bertulis tidak ada, adakah terbayang bahawa ada kemungkinan syarat yang tidak bertulis ada dalam kepala Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, dalam kepala saya tak ada, dalam kepala Pesuruhjaya saya tidak tahu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Tuan Yang Dipertua, oleh kerana kenyataan-kenyataan, jawapan-jawapan dibuat dalam Dewan ini merupakan yang rasmi sebab itu saya minta pengesahan supaya dibuat secara sahih oleh pihak yang menjawab. Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih kepada Yang Berhormat Seberang Takir dan juga terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan-soalan lisan.

YANG BERHORMAT DR. HAJI SULAIMAN BIN ABDULLAH (Wakil Ladang): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya memohon izin untuk mendapat kebenaran Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua untuk menangguhkan Dewan yang mulia ini sementara daripada acara biasa di bawah Peraturan 30, Aturan dan Perintah Dewan Negeri Terengganu bagi membincangkan suatu perkara yang khusus yang perlu disegerakan dan bagi kepentingan Dewan ini.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila kemukakan kertas cadangan.

[Kertas cadangan diserahkan kepada Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua]

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat cadangan menangguhkan persidangan Dewan untuk merundingkan perkara yang tertentu dan mustahak untuk kepentingan orang ramai telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Ladang . Sebelum cadangan ini dikemukakan untuk mendapatkan sokongan saya terlebih dahulu ingin membuat penelitian terhadap cadangan ini maka dengan ini saya tangguhkan Dewan ini selama setengah jam dan akan disambung semula pada tepat pukul 11.00 pagi.

Marilah kita tangguhkan dengan *tasbih khifarak.*

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.30 PAGI.

PUKUL 11.00 PAGI

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula dan marilah kita mulakan dengan umul Quran, Al-Fatihah.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum Dewan ini ditangguh sebentar tadi satu cadangan telah dikemukakan untuk menangguhkan persidangan Dewan bagi merundingkan perkara yang tertentu dan mustahak serta berkepentingan orang ramai. Setelah meneliti cadangan itu, pada pandangan saya cadangan itu adalah mustahak, memang menepati dengan kehendak Perkara 30, Peraturan Tetap Dewan iaitu mustahak dan untuk kepentingan orang ramai iaitulah Usul yang berbunyi:

> *"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan untuk mengutuk sekeras-kerasnya pencabulan prinsip demokrasi dan konsep sistem kerajaan berpersekutuan (federalisma) oleh pimpinan Kerajaan Pusat terhadap rakyat dan Kerajaan Negeri Terengganu, dan menyeru supaya pimpinan Kerajaan Pusat menghentikan tindakan menindas dan menzalimi rakyat dan Kerajaan Negeri Terengganu semata-mata atas perbedaan dasar perjuangan dan pemerintahan serta kembali melaksanakan tanggungjawab mengikut kaedah dan ketetapan yang telah dipersetujui bersama berdasarkan peruntukan undang-undang dan perjanjian khususnya dalam soal royalti petroleum."*

Jadi oleh itu, dengan ini saya meminta kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyokong terhadap cadangan Usul ini supaya berdiri di tempat duduk masing-masing untuk menandakan sokongan.

> *Usul ini dihadapkan kepada mesyuarat dan persetujui dengan suara terbanyak untuk dibahaskan.*

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Cadangan ini telah mendapat sokongan yang melayakkan ianya dibahas. Oleh itu, sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat yang mencadangkan tadi untuk mengemukakan Usul.

YANG BERHORMAT DR. HAJI SULAIMAN BIN ABDLLAH (Wakil Ladang): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar dan seterusnya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Usul tersebut berbunyi:

> *"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mengutuk sekeras-kerasnya pencabulan prinsip demokrasi dan konsep sistem kerajaan berpersekutuan oleh pimpinan Kerajaan Pusat terhadap rakyat dan Kerajaan Negeri Terengganu, dan menyeru supaya pimpinan Kerajaan Pusat menghentikan tindakan menindas dan menzalimi rakyat dan Kerajaan Negeri Terengganu semata-mata atas perbedaan dasar perjuangan dan pemerintahan serta kembali melaksanakan tanggungjawab mengikut kaedah dan ketetapan yang telah dipersetujui bersama berdasarkan peruntukan undang-undang dan perjanjian khusus dalam soal royalti petroleum."*

Tuan Yang Dipertua, ketetapan ini perlu dibuat berdasarkan faktor-faktor berikut:

Demokrasi memberi kebebasan kepada rakyat memilih kerajaan yang mereka kehendaki. Selama berpuluh-puluh tahun rakyat Negeri Terengganu memilih parti Barisan Nasional untuk memerintah mereka dan selama itu tidak ada sebarang diskriminasi dilakukan terhadap Kerajaan Negeri Terengganu oleh Kerajaan Pusat. Tetapi apabila Kerajaan Negeri Terengganu diambil alih oleh Parti Barisan Alternatif yang dipimpin oleh PAS dan telah melaksanakan polisi baru yang memberikan manfaat kepada rakyat di antaranya menghapuskan tol di Jambatan Sultan Mahmud, menghapuskan cukai pintu rumah kediaman, menaikkan elaun Imam dan Bilal, menaikkan Bantuan Kebajikan Masyarakat kepada orang miskin dan orang kurang upaya, memberikan kemudahan pinjaman kenderaan dan rumah kepada kakitangan kerajaan dan agensinya tanpa riba dan tanpa keuntungan, memberikan kemudahan Cuti Bersalin selama 3 bulan kepada kakitangan wanita dengan dibayar gaji penuh, membuka semula permohonan tanah kepada rakyat yang sudah dibekukan berpuluh-puluh tahun, membuka tapak kediaman dan penternakan, menyusun semula aspek-aspek pendidikan agama sama ada di sekolah-sekolah kerajaan atau yang diuruskan oleh rakyat, menekankan konsep pembangunan yang menyeluruh dan bersepadu berteraskan kepada Konsep Pembangunan Insan, penubuhan Suruhanjaya Hisbah iaitu satu-satunya yang belum pernah ditubuhkan di Malaysia, satu mekanisme bagi menjamin terlaksananya ketelusan, keadilan, akauntabaliti dan *the good government* yang menyeluruh dan merata bagi kepentingan rakyat tanpa mengira perbedaan kaum, agama dan politik.

Semua perubahan ini dilihat oleh pimpinan Barisan Nasional sebagai satu ancaman kepada pengaruh dan kekuatan mereka bukan sahaja di Terengganu tetapi juga di luar Terengganu. Ketakutan dan kepentingan politik inilah yang mendorong mereka melakukan diskriminasi dan penindasan secara terancang terhadap Kerajaan Negeri Terengganu sekarang. Oleh itu, atas nama hak dan keadilan, usul ini perlu mendapat sokongan padu termasuk juga dari puak pembangkang.

Sekian saja, wallahualam.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sekarang saya buka untuk perbahasan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bismilllahi rahmani rahim ...

Yang dihormati Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli Majlis Mesuarat Kerajaan Negeri Terengganu, Yang Berhormat-Yang Berhormat, pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan sekalian dan juga pemerhati yang hadir pada pagi yang mulia ini.

Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh. Saya menyokong usul yang dibawa oleh sahabat saya daripada Ladang yang membawa satu usul supaya Dewan ini menyokong dengan usul yang dibawa bagi kepentingan dan kelangsungan Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman dan agar kita seia-sekata dan bersatu padu berdiri teguh di belakang kepimpinan yang memerintah Negeri Terengganu hari ini. Dan inilah merupakan satu sikap yang perlu kita pupuk dan kita gambarkan untuk dilihat oleh kepimpinan Kerajaan Pusat yang hari ini memerintah dan cuba menggambarkan kezaliman dan ketidakadilan untuk merampas hak rakyat Negeri Terengganu Darul Iman. Yang mana, kita sedia maklum berpuluh tahun Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman mendapat bayaran royalti dari Petronas ianya bukan satu bayaran ihsan, yang baru-baru ini mula wujudnya kalimah 'ihsan'. Kita pun tak fahamlah macam mana daripada royalti ... sebut royalti bunyi 'ihsan'. Walaupun di zaman pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional perkara ini tidak pernah diungkitkan tetapi setelah

pemerintahan pimpinan PAS dan Barisan Alternatif. yang merupakan pilihan rakyat dari segenap peringkat. semua lapisan rakyat telah memberi sokongan dan dokongan penuh kepada pemerintahan yang ada sekarang tetapi kita melihat sikap kerajaan pimpinan Pusat cuba untuk mencabuli perjanjian yang telah diadakan Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman dengan Syarikat Petronas yang sebenarnya telah mengadakan perjanjian untuk memberi royalti tahunan ... memberi royalti sebanyak 5 peratus daripada hasil minyak daripada Negeri Terengganu Darul Iman ini sendiri.

Kerana itulah di dalam hal ini. cuba kita melihat bagaimana suasana dan perkembangan sejarah yang sepatutnya kita teliti, di mana sejarah perjanjian yang menghasilkan Persekutuan pada tahun 1948 yang sepatutnya semagnat federalisma ini diakui dan diiktiraf oleh Kerajaan Pusat sendiri. Bagaimana tahun 1948, Negeri Terengganu dan juga beberapa negeri yang lain, Johor, Kelantan, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang dan Selangor telah bersetuju dan bersepakat menubuhkan sebuah Negeri-negei Bersekutu dengan nama Persekutuan Negeri-Negeri Tanah Melayu yang ianya kekal dengan nama Persekutuan Tanah Melayu. Dan kemudian pada tahun 1957, pada 31 Ogos Negeri Terengganu dan juga negeri-negeri lain telah mendapat kemerdekaan Malaya daripada Inggeris kemudian menjadi sebuah negara yang berdaulat. Dan pada 16 haribulan September 1965 dengan persetujuan Inggeris, Negeri Sarawak, Sabah, Singapura telah menyertai Persekutuan Tanah Melayu yang kemudian menubuhkan nama Persekutuan Malaysia dengan panggilan Malaysia.

Itulah sebenarnya semangat federalisme yang telah dipupuk dan diwujudkan sejak sekian lama menggambarkan bahawa Kerajaan Pusat itu sendiri sebenarnya berdiri di atas keanggotaan kerajaan-kerajaan ataupun negeri-negeri yang berlindung di bawah Persekutuan Tanah Melayu ataupun Malaysia itu sendiri. Maknanya Kerajaan Pusat itu merupakan kerajaan yang tidak ada bumi ia juga bergantung kepada negeri-negeri, bumi-bumi yang sedia ada, Kerajaan Negeri Terengganu juga tidak ketinggalan. Di dalam hal inilah kita melihat sepatutnya semangat federalisme, seorang bapak dengan anak yang sepatutnya tidak melakukan sikap ataupun cadangan cuba untuk menarik royalti daripada bayaran hasil minyak kepada Negeri Terengganu Darul Iman yang sudah sekian lama disalurkan sejak pemerintahan Barisan Nasional dahulu.

Dan juga dalam masa yang sama kita melihat bahawa sebagai sebuah negara yang berdaulat telah mengamalkan sistem demokrasi dan Raja Berperlembagaan sebagai asas pemerintahan negara dan ianya dapat kita lihat bagaimana asas pemerintahan negara dan kuasa pemerintahan itu diperolehi melalui pilihan raya 5 tahun sekali. Dan kerana itulah kita melihat apa yang berlaku bahawa perjalanan pemerintahan dan pentadbiran negara itu adalah merupakan hasil dan aspirasi rakyat itu sendiri dalam memilih kepimpinan. Dan di dalam kepimpinan itulah pemerintahan dan pentadbiran yang berdasarkan undang-undang dan keadilan lalu melalui kuasa Parlimen, Akta Kemajuan Petroleum 1974 telah diluluskan dan diterima pakai sebagai suatu Akta yang sah sejak 26 tahun lalu yang telah menjadi amalan yang diterima pakai. Kalaupun tidak ada undang-undang, kesepakatan inilah yang merupakan hak dan kepentingan bersama ke atas sumber petroleum sama ada dijumpai di daratan ataupun di lautan, ataupun di dataran benua telah diserahkan kepada Petronas. Dan sebagai pembalasannya kepada Kerajaan Negeri Terengganu yang telah menyerahkan semua hak dan kepentingan buat selama-lamanya ke atas sumber petroleum, Petronas akan membuat bayaran secara tunai dengan kadar 5 peratus kepada Negeri Terengganu dan Kerajaan Persekutuan walaupun Kerajaan Persekutuan tidak ada balasan yang diberikan apa-apa kepada Petronas tetapi walau macam manapun ianya telah dikurniakan juga kepada Kerajaan Persekutuan.

Dan satu perjanjian telah dimeteraikan antara Kerajaan Negeri Terengganu dengan Petroleum Nasional Berhad ataupun Petronas di bawah Seksyen 4, Akta Kemajuan Petroleum 1974 di mana dengan jelas cara bagaimana 5 peratus itu akan dibayar. Tuan Yang Dipertua, suka saya

membaca antara isi perjanjian yang telah ditandatangani oleh Wakil Kerajaan Negeri Terenganu yang dahulu iaitu Wan Mokhtar bin Ahmad dengan Menteri Petroleum Nasional yang telah diadakan pada 22 haribulan Mac 1975, yang berbunyi antaranya:

> *Petronas hendaklah membayar wang tunai*, dia tidak sebut projek di situ ataupun diganti dengan pembangunan dan sebagainya, *kepada kerajaan secara bayaran tahunan sebanyak yang setara dengan 5 peratus*, dengan jelas tidak ada perkataan ihsan di situ, *dari nilai petroleum yang didapati dan diperolehi di Terengganu dan dijual oleh Petronas atau agen-agen kontraktor-kontraktornya dalam tempoh yang diperuntukkan dalam Fasal 2.*

Kerana itulah, antaranya juga disebut dalam perjanjian ini:

> *Pembayaran wang tunai yang kena dibayar di bawah perjanjian ini hendaklah dibayar pada tiap-tiap setengah tahun. Pembayaran bagi petroleum yang didapati, diperolehi dan dijual dalam tempoh setengah tahun yang pertama hendaklah dibuat pada atau sebelum 1 haribulan September. Dan pembayaran mengenai petroleum yang didapati, diperolehi dan dijual dalam tempoh setengah tahun yang kedua hendaklah dibuat pada atau sebelum 1 haribulan Mac dalam tahun yang berikutnya.*

Tuan Yang Dipertua, saya dimaklumkan sehingga saat ini walaupun hari ini kita bersidang di Dewan ini yang bertarikh pada 12 September ini, sehingga hari ini perjanjian ini masih lagi belum dipenuhi dan kita juga telah masuk dalam bulan September sebagaimana perjanjian ini disebut bahawa hendaklah dibayar pada atau sebelum 1 haribulan September. Ini merupakan satu perjanjian yang diadakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu dengan Syarikat Petronas.

Walau macampun kita mengucapkan ribuan terima kasih kerana Syarikat Petronas dengan jujur sejak tahun 1975 walaupun dahulunya Kerajaan Negeri Terengganu diperintah oleh Barisan Nasisonal, dengan jujur membayar royalti tersebut secara tetap dan berterusan. Dan sehinggalah apabila isu ini ditimbulkan, kita berterima kasih kepada Presiden Petronas, Hassan Merican pada 30 Jun yang lalu telah memberi kenyataan bahawa sesungguhnya 5 peratus itu merupakan royalti yang menjadi hak kepada Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman. Tetapi apa yang menyedihkan kita mutakhir kita melihat bagaimana suara-suara sumbang yang cuba untuk menyingkirkan ataupun menghapuskan royalti yang diberi itu dan cuba untuk diganti sebagai bayaran ihsan yang tidak diberikan kepada Kerajaan Negeri Terengganu untuk disalurkan melalui JPP. Kita mengharapkan cadangan ini tidak diteruskan kerana ianya merupakan satu perjanjian yang telah dijanjikan. Dan kita sebagai seorang Islam seharusnya sedar bahawa perjanjian ini merupakan satu perjanjian yang perlu ditunai dan dilaksanakan. Kerana ini merupakan hak orang ramai dan merupakan hak rakyat Negeri Terengganu sendiri yang telah memberi kepercayaan kepada pimpinan yang ada.

Sikap yang digambarkan oleh pemimpin Pusat khususnya dari kalangan pemimpin-pemimpin UMNO untuk menggambarkan keangkuhan mereka bagi merampas hak ini sepatutnya mereka menyedari bahawa perjanjian yang dibuat, yang dilakukan itu merupakan satu perjanjian yang sah yang diakui dan iktiraf sama telah lagi Petronas merupakan satu syarikat korporat yang mempunyai imej sehingga peringkat antarabangsa sepatutnya akur dengan suasana dan keadaan seperti ini dan kerana ini merupakan hak dan tuntutan kita sendiri dan juga hak rakyat Negeri Terengganu Darul Iman ini sendiri. Kerana itulah banyak persoalan-persoalan yang

ditimbulkan seolah-olah menggambarkan jika sekiranya wang disalurkan kepada Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman ini masalah pengurusan dan pentadbiran tidak mereka dapat ataupun tidak mendapat penjelasan yang sewajarnya. Sedangkan kita sedia maklum bahawa setiap tahun Audit Negara mengadakan auditnya kepada sistem kewangan yang berjalan di Negeri Terengganu ini sendiri, sama telah lagi ianya dibentangkan dalam sidang Dewan ini bagaimana pergerakan dan pengaliran sistem kewangan yang berlaku. Adakan berpuluh-puluh tahun yang lalu sejak tahun 1975, kewangan yang disalurkan oleh Petronas itu disalah gunakan oleh pemimpin-pemimpin yang lalu. Kita pun tidak tahu sehingga hari ini apabila kerajaan yang baru yang mempimpin dan memerintah Negeri Terengganu lalu mereka mencadangkan supaya ianya tidak disalurkan dengan kerajaan yang sedia ada. Baru 8 bulan kita memerintah mereka mengukur seolah-olah sifat yang memerintah hari ini sama dengan sifat-sifat mereka yang terdahulu untuk menggunakan hasil dan kepentingan royalti yang diberikan oleh Petronas itu untuk kepentingan politik mereka semata-mata.

Kerana itulah dalam hal ini, ianya dilihat dan diperhatikan oleh rakyat keseluruhannya. Kerana itu sikap awal yang telah ditunjukkan oleh rakyat Negeri Terengganu sendiri pada 29 haribulan November 1999 telah menumbangkan kepimpinan yang ada. Dan kerana itulah kita mengharapkan atas nama semangat demokrasi mereka sepatutnya akur dengan hasrat rakyat yang telah memilih kepimpinan yang sedia ada sekarang. Kerana itulah di dalam hal ini, kita semasa pembangkang dahulu tidak pernah mengusulkan dan mencadangkan royalti ini ditarik. Tetapi dari dahulu lagi kita berhasrat supaya royalti ini ditambah daripada 5 peratus kepada 20 peratus. Tetapi malangnya apabila kegagalan pemimpin UMNO mengekalkan kuasa Negeri Terengganu Darul Iman, mereka telah merancang satu strategi yang cukup kotor supaya menarik semua kemungkinan-kemungkinan yang boleh membantu, sumber-sumber yang boleh membantu kerajaan yang ada untuk meneruskan pemerintahan yang baik sehingga sekarang.

Walapun dalam tempoh 8 bulan pemerintahan yang kita ada telah banyak perubahan-perubahan yang dilakukan yang telah dibentangkan oleh sahabat saya ADUN Ladang sebentar tadi. Dan kerana itulah ia merupakan ... datang diantaranya sumber-sumber kewangan daripada royalti petroleum yang kita agih dan salurkan kepada rakyat bawahan yang sepatutnya dan sewajarnya menerima hasil mahsul daripada nikmat yang dikurniakan oleh Allah Taala di atas muka bumi dan khususnya di Negeri Terengganu ini. Tetapi di kalangan pimpinan Pusat sendiri merasakan bahawa ianya perlu dihentikan dan ini menggambarkan mereka menahan. Sikap mereka yang dahulunya menggambarkan bahawa mereka membela hak rakyat tetapi hari ini hak rakyat itu mereka ingin cabut yang sepatutnya dimiliki dan dirasai oleh rakyat.

Tuan Yang Dipertua, kita mengharapkan supaya cadangan atau gembar gembur untuk menarik royalti dan diganti dengan ihsan supaya tidak dilaksana ataupun tidak dilakukan oleh pimpinan Kerajaan Pusat. Kerana ianya menggambarkan implikasi negatif daripada cadangan yang digambarkan itu kerana menggambarkan bahawa pemimpin Pusat tidak memahami prinsip demokrasi dan mencabuli prinsip demokrasi itu sendiri. Dia yang memperjuangkan demokrasi tapi dia jugalah yang mencabuli asas-asas demokrasi yang merupakan Kerajaan Negeri Terengganu ini dlantik dan dipilih 2/3 daripada pilihan rakyat. Hampir keseluruhan Negeri Terengganu Darul Iman merupakan pemimpin-pemimpin yang dipilih dan dilantik daripada Barisan Parti Alternatif kecuali 4 yang baki di pihak pembangkang.

Kerana itulah kita mengharapkan bahawa supaya kerajaan pimpinan Pusat mengekalkan imej supaya menjaga prinsip demokrasi ini sendiri. Dan juga menggambarkan bahawa pemimpin-pemimpin mengamalkan dasar *autoterian* iaitu dasar kuku besi dalam masa yang sama bersifat talam dua muka. Kita menyedari bahawa pemimpin Pusat di peringkat antarabangsa menggambarkan imej mempertahankan negeri-negeri khususnya negara-negara ketiga yang dari kalangan negara-negara miskin yang sepatutnya mendapat pembelaan daripada negara-negara kaya, kita menyedari pemimpin Pusat di mana saja mencanangkan hak dan keadilan

yang sepatut diberi oleh negara-negara kaya, di blok-blok yang kaya tapi malangnya di peringkat Malaysia sendiri dia menjadi seolah-olah negara kaya di dunia yang menekan negara-negara yang merupakan anak-anaknya sendiri termasuklah Negeri Terengganu dan juga Negeri Kelantan. Kerana itulah kita mengharapkan supaya pihak Kerajaan Pusat tidak mengamalkan imej talam dua muka ini supaya keadilan itu bukan hanya dipertahankan di peringkat antarabangsa tapi dalam masa yang sama di peringkat Negeri Terengganu dan juga di negara Malaysia ini kita sendiri.

Dalam masa yang sama juga ia juga mencemarkan imej dan kewibawaan pimpinan Pusat sendiri yang cuba untuk menggagalkan perjanjian yang telah dilakukan antara Kerajaan Negeri Terengganu dan juga Petronas. Sedangkan imej Petronas ini sendiri merupakan satu imej yang melibatkan antarabangsa dan ini juga menggambarkan sikap kepimpinan Kerajaan Pusat yang tidak mengamalkan antara apa yang diperintah dan disalurkan ataupun diajarkan oleh sunnah Rasulullah s.a.w. sendiri yang memungkiri janji yang telah dilaksanakan, yang telah ditandatangani. Di mana Rasulullah s.a.w. bersabda:

آية المنافق ثلاث اذا حدث كذب , واذائتمن خان

واذاخاصم فجر .

Dan sesungguhnya tanda munafik itu ada tiga, apabila dia berkata dia bohong dan apabila dia berjanji, mengadakan perjanjian dia mungkir, dan apabila diserahkan amanah dia melakukan pengkhianatan.

Kerana itulah sikap menggambarkan membelas dendam pimpinan Pusat kepada Negeri Terengganu Darul Iman ini sepatutnya dihakis dan dikikis daripada sanubari pemimpin-pemimpin Pusat supaya pembayaran yang telah dilakukan yang diadakan itu dibayar dengan selayak dan seadil-adilnya kerana gambaran atau imej yang sepatutnya dipilih oleh pemimpin Pusat untuk melakukan keadilan kepada semua rakyat di Malaysia sendiri walaupun rakyat di Negeri Terengganu tidak memberi sokongan kepada pemimpin-pemimpin UMNO di peringkat Pusat. Ingatlah akan firman Allahu Taala:

ولايجرمنكم شنآن قوم على الا تعدلوا اعدلوا هواقرب

للتقوى.

Dan janganlah kerana dari kalangan kamu yang tidak menyukai akan satu kaum yang lain yang menyebabkan kamu tidak berlaku adil. Hendaklah kamu berlaku adil sesungguhnya ia hampir kepada ketakwaan.

Dalam masa yang sama saya turut merasa sedih dengan sikap dari kalangan pemimpin-pemimpin UMNO sendiri khususnya di Terengganu yang telah menggemburkan isu ini dan menggambarkan pengkhianatan mereka sendiri yang cuba untuk menghalang ataupun mendorong kerajaan pimpinan Pusat dari kalangan pemimpin-pemimpin mereka sendiri supaya tidak menyalurkan kewangan kepada Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman ini tetapi menyalurkan kepada institusi-institusi lain yang boleh mereka guna pakai bagi kepentingan politik mereka sendiri.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya dengan ini menyokong usul yang dibawakan oleh saudara saya daripada Ladarg tadi dan memohon supaya Dewan yang mulia ini menerima usul

tersebut dan membuat ketetapan seperti yang terkandung dalam usul tersebut dan akan mendapat sokongan dan menggambarkan bahawa kita seia-sekata dengan kepimpinan yang ada untuk membela hak, hasrat Negeri Terengganu dan juga rakyat keseluruhannya supaya ianya menggambarkan kewajipan kita dan amanah yang telah diserahkan oleh rakyat kepada kita untuk kita pikul amanah ini dan perkara tersebut akan dipersoalkan di hari akhirat moga-moga kita terlepas daripada amanah dan tanggujawab Allah s.w.t. itu.

Wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Paka dan saya masih buka kepada perbahasan seterusnya.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan dan pemerhati sekalian.

Terima kasih kepada Yang Dipertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk sama-sama dalam membahaskan usul yang telah dibawa oleh Wakil Ladang. Daripada apa yang dibentangkan dapatlah difahamkan bahawa Kerajaan Pusat telah membuat satu keputusan untuk tidak terus memberikan hasil yang dulunya dipanggilnya sebagai royalti petroleum sekarang dia tukar kepada ihsan, kepada kerajaan yang sah dipilih oleh rakyat Negeri Terengganu ini. Tapi ianya dicadangkan supaya disalurkan melalui satu jawatankuasa yang akan ditubuhkan oleh Kerajaan Barisan Nasional di peringkat Pusat. Yang mana Barisan Nasional di peringkat Negeri Terengganu ini telah ditolak oleh lebih daripada 2/3 rakyat negeri ini telah menolak kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional. Tetapi cara yang hendak digunakan ialah cara yang akan direka ataupun yang akan diuruskan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang kita kira sudah tidak relevan lagi untuk Negeri Terengganu ini. Dengan alasan bahawa mereka bimbang kerajaan yang ada pada hari ini. Kerajaan Negeri Terengganu tidak menggunakan duit ini untuk kepentingan dan kebajikan rakyat Negeri Terengganu.

Di sini timbul satu persoalan, selama lebih daripada 20 tahun Kerajaan Negeri Terengganu telah menggunakan hasil royalti minyak ini untuk memerintah dan mentadbir Negeri Terengganu. Tapi kita perhatikan sehingga ke hari ini walaupun Negeri Terengganu disebut sebagai negeri yang kedua terkaya di Malaysia tetapi masih lagi menjadi negeri yang kedua termiskin dalam negara ini. Dan daripada maklumat ataupun yang dibentangkan soalan yang dijawab oleh Yang Berhormat Wakil Tepuh sebentar tadi menyatakan bahawa kita ada lagi golongan yang menerima bantuan am kebajikan masyarakat sekitar 16,000 orang pada masa ini. Dan baru-baru ini kita dikejutkan dengan satu perkara pada tahun lalu saja penerima bantuan fakir miskin daripada Jabatan Agama melebihi 40,000 orang. Ini menggambarkan bahawa di negeri kita ini masih ramai lagi yang miskin, yang daif. Ke manakah duit selama ini disalurkan yang dikatakan dipandai tadbir untuk membantu golongan miskin. Ke manakah duit tersebut? Atas ketidakpercayaan rakyat inilah kita lihat pada pilihan raya yang lalu rakyat telah tidak memberi undi kepada Barisan Nasional dan telah memilih Barisan Alternatif yang dipimpin oleh PAS untuk mentadbir negeri ini. Kerana apa? Kerana rakyat tidak lagi percaya pimpinan Barisan Nasional, UMNO boleh menguruskan hasil mahsul negeri ini dengan sebaik-baiknya bagi membantu golongan miskin.

Di atas dasar inilah Tuan Yang Dipertua, maka Kerajaan Negeri Terengganu di bawah pimpinan PAS telah berusaha untuk membela golongan daif ini dengan meningkatkan kadar bantuan am dari minima RM60.00 dahulu kepada minima RM100.00 dan maksima daripada RM150.00 kepada RM250.00 sebulan. Ini melibatkan pertambahan perbelanjaan yang sangat

besar untuk membantu golongan ini. Dengan pertambahan kadar baru ini dan insya Allah, lebih kurang 4,000 lagi permohonan-permohonan baru sedang kita proses dan insya Allah akan diluluskan, dia akan melibatkan tambahan perbelanjaan RM11 juta lagi dan kita memerlukan RM24 juta setahun untuk membantu golongan miskin. Inilah yang kita gunakan duit minyak ini untuk membantu golongan yang daif. Di samping itu, peruntukan itu juga ditambah kepada agensi-agensi kerajaan yang memberi bantuan dalam program Jayadiri untuk memberi bantuan kepada mereka-mereka yang boleh berusaha untuk berdikari supaya dapat keluar daripada kepompong kemiskinan ini. Dan kita harap dengan program-program ini kita akan dapat membantu secara langsung golongan susah dan golongan yang daif ini.

Tapi malangnya ... sungguh malang sekali bagi rakyat Negeri Terengganu sedang kerajaan yang ada pada hari ini berusaha bersungguh-sungguh untuk membela golongan daif dan miskin ini Kerajaan Pusat Barisan Nasional telah berusaha pula untuk menidakkan hak mereka ini dengan cara yang begitu zalim sekali. Tuan Yang Dipertua, kita cukup bimbang dengan keadaan ini kerana pada hari ini Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan Pusat khususnya telah menunjukkan satu contoh dan teladan yang sangat tidak baik, di mana mereka dengan angkuhnya boleh mengenepikan segala perjanjian dan peraturan. Cuba kita fikir dan kita bayangkan apa akan jadi kalau rakyat pula tidak mengikuti undang-undang dan peraturan negara ini? Maka berlakulah huru hara, ketidaksejahteraan, gangguan keselamatan dan kestabilan negara. Jadi, janganlah kita menjadikan perbezaan politik ini sehingga kita menunjukkan kepada rakyat, kerajaan boleh membelakangkan undang-undang dan peraturan. Janganlah kita meneruskan agenda ini akhirnya akan menimbulkan kegawatan di kalangan rakyat kita sendiri dan akan menyusahkan bukan saja kepada pimpinan kerajaan juga kepada rakyat dan juga hina di mata masyarakat dunia pada hari ini.

Oleh itu, saya menyerulah kepada kepimpinan BN, Kerajaan Pusat supaya kembalilah kepada perjanjian dan peraturan yang telah dipersetujui iaitu dengan kembali menyalurkan duit royalti petroleum kepada kerajaan yang dipilih secara sah oleh rakyat Negeri Terengganu ini dan bukan melalui jalan-jalan yang selama ini telah ditolak sepenuhnya oleh rakyat Negeri Terengganu. Jadi dengan itu saya menyokong usul yang dibawa oleh ADUN Ladang semoga kita mendesak Kerajaan Pusat supaya tidak meneruskan agenda yang sangat merugikan mereka dan juga merugikan rakyat Negeri Terengganu ini.

Sekian, wabillahi taufik wahidayah wasalamaulaikum warahmatullahi wabarokatuih. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil dari Bukit Tunggal. Sila Wakil dari Kemasik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bismillahi rahmani rahim, Assalamualaikum warhmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian. Sebelum saya pergi lebih lanjut bagi membangkang usul ini dikemukakan di dalam sidang Dewan yang mulia ini, suka saya kemukakan satu soalan kepada pihak kerajaan terutamanya kepada pihak Yang Amat Berhormat Menteri Besar, iaitu sudahkah pihak Kerajaan Negeri Terengganu telah menerima kaedah-kaedah secara terperinci berhubung dengan perisytiharan Kerajaan Persekutuan berkaitan dengan penyaluran bantuan ihsan ini? Saya nak jawapan ini, sebelum saya meneruskan ucapan perbahasan saya. Saya nak tahu adakah pihak Kerajaan Negeri telah menerima kaedah-kaedah secara terperinci berhubung dengan apa yang kita bincangkan pada pagi ini.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengakalan Berangan): Penjelasan, adakah perlu saya jawab sekarang ataupun kemudian saya jawab.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tidak perlu, sekarang bukan masa untuk soalan lisan. Soalan lisan telah habis tempoh, sekarang masa untuk perbahasan terhadap usul. Yang Berhormat, kalau sekiranya Yang Berhormat tidak yakin kepada perkara ini Yang Berhormat boleh mengemukakan fakta-fakta tentang ketidaksahihan peristiwa yang berlaku begitu bukan persoalan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Sebabnya, saya katakan Kerajaan Negeri belum lagi menerima kaedah, peraturan secara terperinci disebabkan kenyataan yang dibuat oleh Menteri Besar bahawa pengumuman yang dilakukan oleh pihak Kementerian Kewangan merupakan satu 'surat layang', tidak ada hitam putih kepada kerajaan.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Yang Dipertua, penjelasan. Sepatutnya Yang Berhormat menumpukan kepada usul yang dikemukakan hari ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Ya, saya akan pergi ke arah itu sebelum dari itu saya nak tahu, sebab hari ini kita bawa ke Dewan, sedangkan secara terperincinya belum lagi diterima oleh pihak kerajaan. Pihak kerajaan sendiri mengaku bahawa kerajaan belum lagi menerima hitam putih, apa yang dibaca melalui akhbar dan televisyen dan ianya bersamaan dengan 'surat layang', itu kata kerajaan. Tapi hari ini kita berbincang, kita membawa usul dalam Dewan yang mulia ini.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Penjelasan, Tuan Yang Dipertua, ucapan Perdana Menteri itu adalah ucapan rasmi, kita boleh ambil kira juga.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Ucapan rasmi?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya sekadar untuk menjelaskan sedikit oleh kerana minta sangat. Tadi dah sewaktu pembentangan telah disebut sepatutnya royalti ini dijelaskan dua kali setahun, Februari dan paling lewat September. Ini yang telah dipersetujui dalam perjanjian antara Kerajaan Negeri dengan Petronas dan saya mempunyai perjanjian-perjanjian itu. Melainkan Yang Berhormat maksudkan lain daripada apa yang sedang kita bahaskan sekarang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bermakna pihak kerajaan belum menerima hitam putih dan pihak kerajaan belum juga membincangkan dengan Kerajaan Pusat berhubung dengan perkara ini.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengakalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya tak faham apa benda hak dia bercakap ni?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Kalau tak faham pasal apa bawa benda ni ke Dewan?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakil Kemasik, diminta supaya tumpukan perbahasan terhadap usul ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya kemukakan .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Kemukakan apa-apa perkara yang tidak relevan dengan usul ini, nyatakan fakta-fakta untuk diterima oleh Dewan ataupun untuk ditolak oleh Dewan. Bukan untuk membuat hujah dan mengemukakan persoalan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

Tindakan Kerajaan Pusat untuk mengadakan pembiayaan wang ihsan ini .....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, minta penjelasan - Ihsan ke royalti?

YANG BERHROMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Ihsan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dah dia tulis 'r o y a l t y' kenapa bunyi 'ihsan'.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya tak habis lagi Yang Berhormat, Yang Berhormat yang sebut seolah-olah Yang Berhormat tak tahu membaca. Saya sebut ... kalau nak beri peluang, beri peluang saya bercakap.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Silakan –

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Pemberian ini bukan suatu kezaliman sebagaimana yang dituduh oleh Wakil Paka tadi. Wakil Paka kata, bantuan ini merupakan satu tindakan yang zalim yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan terhadap Kerajaan Negeri seolah-olah bahawa wang ihsan ini tak sampai kepada rakyat sedangkan matlamat Kerajaan Pusat membina ataupun membiayai wang ini untuk terus sampai kepada rakyat. Wang ini tidak akan disalurkan kepada kerajaan-kerajaan lain, wang ini akan terus disalurkan kepada rakyat Negeri Terengganu disebabkan ada beberapa perkara yang hari ini menimbulkan keraguan Kerajaan Persekutuan terhadap kepimpinan Kerajaan Negeri Barisan Alternatif ataupun PAS.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Minta penjelasan, dia salur ikut mana tu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya akan cerita, tunggu. Yang Berhormat ni lebih teruk daripada orang duduk di hulu-hulu kampung, macam tak berpelajaran.

Saya sebut tadi, disebabkan Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai kepercayaan kepada Kerajaan Negeri yang ada hari ini. Yang pertama, Kerajaan Negeri telahpun menerima bantuan yang pertama sejumlah RM432 juta pada bulan Februari yang lalu tapi sehingga hari ini kita masih belum menerima apakah yang telah dibelanjakan dengan wang yang sebegitu banyak.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya ingin penjelasan. Perbelanjaan memang diaudit, sekarang ni audit hak

depan kita ni tahun 1998. Yang dibelanja oleh kerajaan dulu baru diaudit, 1999 belum diaudit kan lagi jadi bulan tiap-tiap bulan diminta laporan ni. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, inilah satu daripada usaha yang dilakukan oleh pihak-pihak pemimpin ... UMNO di Terengganu ni yang suara besarnya minta supaya dalam perhimpunan agung UMNO, UMNO Terengganu cadang supaya tarik rolayti minyak ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, biar Exco jawab masa jawab nanti.

Yang kedua .....

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Dipertua, kalau ucapan yang tidak sopan mesti dijawab dengan tidak sopan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya kemukakan apa yang berlaku, apakah itu kurang sopan?

Yang kedua, pemecatan 1,462 orang penerima bantuan kebajikan masyarakat. Apakah perkara ini dilakukan setelah mengambil semua aspek .....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Tuan Yang Dipertua, saya minta penjelasan. Apa yang dimaksudkan 'pemecatan'? Yang sebenarnya kita buat penilaian semula kepada mereka-mereka yang dapati sudah tidak layak .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Nanti saya habis dulu.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): ... menerima. Ini harus difahami benar-benar kerana kita mempunyai garis panduan dan syarat-syarat dan pegawai kita semua profesional membuat penilaian ini. Kenapa ni nak diungkitkan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Biar kerajaan jawab, Exco berkenaan ada.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Tuan Yang Dipertua, saya tidak sebut pemecatan, tak ada pemecatan. Tak ada seorangpun daripada penerima bantuan ni dipecat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Ditamatkan.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Tuan Yang Dipertua, bahasa apa ni? Saya dak faham.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Ditamatkan pembayaran dia.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tuan Yang Dipertua, saya ingat tak usah beri kacaulah. Biar ADUN Kemasik meneruskan hujah beliau.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Pasal apa takut sangat ni?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ada beberapa perkara penjelasan yang diminta, cuma itu terpulang Wakil Kemasik untuk memberi ataupun tidak. Silakan –

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Tamatnya bayaran kepada 1,462 orang, ni yang zalim. Kita kena ingat, bantuan ini akan disalurkan terus oleh Kerajaan Pusat kepada rakyat. Tak timbul rakyat tidak akan dapat pembangunan. Sebab apabila yang diumumkan oleh Kerajaan Pusat boleh dikatakan seluruh rakyat Negeri Terengganu menyambut baik keputusan yang dibuat kecuali pemimpin-pemimpin dan penyokong-penyokong PAS.

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Tuan Yang Dipertua, saya nak tanya - Wakil Kemasik ni dah buat *survey* ke belum yang dia kata hampir seluruh rakyat Terengganu sokong akan cadangan Kerajaan Pusat tu? Dak buat *survey* ke belum?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Kita dah tanya.

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Mana dah tanya, kalau tanya mesti ada statistik. Rakyat Terengganu ada satu juta orang, berapa orang dah .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila –

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya nak tanya balik, adakah pihak Kerajaan PAS hari ini buat kajian ke belum sama ada rakyat terima ke tidak bantuan ihsan ini?

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Tadi, Yang Dipertua Wakil Kemasik kata dia buat kajian, dia kata .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakil Bandar sila minta keizinan daripada .....

YANG BERHORAMT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Tuan Yang Dipertua, kadang-kadang panas jugak jadi gitulah.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: .... minta izin daripada Speaker, kemudian saya minta Wakil Kemasik sama ada nak beri laluan atau tidak, maka hendaklah tuju kepada saya, jangan ajak bertengkar.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Kita telah dapat maklum balas daripada rakyat dan saya tidak tahu sama ada Kerajaan PAS juga mendapat maklum balas daripada rakyat mengatakan wang itu manfaat kepada rakyat.

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Tuan Yang Dipertua, minta izin sekali lagi nak tanya. Rakyat yang dimaksud oleh Wakil Kemasik tu, buat *survey* ke belum. Jadi hak dia terima tu tahu dah hak kerajaan baru ni 2/3 rakyat Negeri Terengganu pilih Kerajaan Alternatif. Hak dia kata tu boleh jadi hak sekerat hak dia tahu saja, kebanyakan rakyat ... kalau betul-betul dia kata dia ada kajian, bawa dekat di sini statistik dalam rakyat satu juta ni 800,000 dah saya tanya orang, dalam 800,000 ni 600,000 dia kata setuju dengan cadangan Kerajaan Pusat ni. Barulah betul, minta maaf Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Dah Kerajaan Negeri dah buat bancian kepada rakyat yang ada pada hari bahawa rakyat tidak bersetuju menerima bantuan ihsan ini?

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Tuan Yang Dipertua, izin saya sekali lagi. Kita ni 32 orang Wakil Rakyat, 28 ni Wakil Rakyat yang rakyat pilih dan kita adalah wakil kawasan kita. Jadi kalau 28 wakil ni kata rakyat tak setuju ....

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya ingat kalau nak bersyarah ruang ada sedikit lagi.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila duduk. Teruskan Wakil Kemasik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, yang ketiga mungkin disebabkan wujudnya bayaran ihsan ini disebabkan kerajaan yang ada hari ini terlalu menekan rakyat melalui JSR. JSR yang ditubuhkan hari ini begitu angkuh di tiap-tiap kampung.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya menarik perhatian Wakil Kemasik, ayat 'barangkali' satu andaian. Sila kemukakan fakta jangan buat andaian dengan tidak ada fakta.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya kata, setengah-setengah JSR yang dilantik mewakili kampung-kampung begitu angkuh. Ada yang beri kebenaran kepada anak buah supaya menerokai tanah secara haram, ada yang mengambil kesempatan daripada pemberian lesen-lesen balak yang ada pada hari ini, ada yang ambil kesempatan dengan mengambil tanah-tanah kerajaan, pasir maksud saya, dibekalkan kepada konrtraktor-kontraktor yang akan melaksanakan jalan keretapi daripada Kertih ke Kemaman. Banyak kawasan pasir di kawasan saya, apabila saya tanya soalan secara bertulis hanya 4 kawasan sahaja yang diluluskan oleh pihak kerajaan untuk diberi lesen mengambil pasir. Dan saya dapati bahawa jawapan yang saya terima pagi ini tidak ada di sebut kawasan pengambilan pasir di sekitar kawasan Kertih. Tapi hari ini kawasan yang saya maksudkan itu telah rosak begitu teruk sehingga sebahagian besarnya telah menjadi kolam tapi tidak mendapat kebenaran daripada pihak kerajaan. Ini perbuatan daripada Pengerusi-pengerusi JSR.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tuan Yang Dipertua, kita bercakap bab minyak bukan bab pasir ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Ya, minyak dia mari dalam pasir.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Minyak dalam laut ni bukan dalam pasir.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Dalam pasir bukan dalam air, di bawah pasir minyak ditarik.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, cuba kita kembalikan kepada sejarah pemberian ihsan ini dulu nama royalti, sebagaimana Yang Berhormat Paka kata tadi .....

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Yang Dipertua, tu iktiraf hak baru tu ... iktiraf tahun 2000 ihsan ni sebab 25 tahun dah terima royalti. Minta maaf, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): ..... ketika itu atas dasar bahawa Kerajaan Negeri Terengganu ketika itu miskin, tidak ada pembangunan. Lepas itu disalurkan peruntukan ini untuk membangun Negeri Terengganu setaraf dengan negeri-negeri lain terutamanya negeri-negeri di Pantai Barat. Hari ini kita lihat Negeri Terengganu seimbang pembangunannya dengan negeri-negeri lain yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional dengan wang ihsan ini.

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, minta izin sekali lagi Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, dia kata pembangunan .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wakil Kemasik nak izin dok tu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Biar saya teruskan, dia ada peluang nak bercakap.

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Saya nak minta penjelasan saja, dia kata pembangunan banyak tu ...

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Diminta kedua-duanya duduk ... diminta kedua-duanya duduk dulu. Saya tidak izin kepada siapapun bercakap. Silakan Wakil Kemasik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya sambung. Pembangunan sebagaimana saya sebut tadi seimbang dengan negeri-negeri lain, cuma jalan keretapi tidak ada di Terengganu sebagaimana Yang Berhormat Bandar kata dulu. Tak ada stadium, stadium Barisan Nasional nak buat dulu tapi ditarik balik oleh kerajaan yang ada pada hari ini, Kompleks Sukan. Kalau Kompleks Sukan tu ada stadium bola sepak tu ada pasukan Negeri Terengganu yang dipimpin oleh Yang Berhormat tadi tetap boleh menang. Jadi hari ini dengan wang ihsan ini Negeri Terengganu membangun, semua ada yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu. Tapi sejak PAS memerintah kita tengok satu pun bangunan yang dibina oleh PAS naik di Negeri Terengganu.

Jadi sudah sampai masanya wang ihsan disalurkan terus kepada rakyat supaya rakyat akan dapat menikmati pembangunan secara berterusan, rakyat akan terima pembangunan daripada Kerajaan Pusat secara telus. Akan dapat menjamin bahawa seluruh bangunan yang akan dilaksanakan di Terengganu akan berjalan dengan baik tak timbul lagi fahaman politik sebagaimana yang berlaku hari ini, tak timbul lagi diskriminasi terhadap rakyat dan kakitangan kerajaan. Tak timbul lagi pemberhentian bantuan kepada penerima-penerima bantuan am kebajikan masyarakat dan ini akan terus memberi jaminan bahawa pembangunan di seluruh Negeri Terengganu akan dapat berjalan dengan lebih baik. Sebab itulah pembiayaan wang ihsan ini akan dikendalikan sendiri oleh Kerajaan Pusat untuk menjamin bahawa pembangunan Negeri Terengganu ini akan berterusan.

Saya Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, membangkang usul yang dibawa oleh Dewan pada pagi ini. Sekian, wassalamualikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tuan Yang Ddipertua, tadi Wakil Kemasik nak jawab tadi dia kata tangguh dulu, nak salur ikut mana, saya tanya dia soalan ni sekali lagi. Sebab tadi dia kata saya dok sekolah, ni tanya orang sekolah ni, nak salur ikut mana duit tu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Akan disalurkan sebagaimana yang dicadangkan oleh Kerajaan Pusat. Satu

Jawatankuasa telah pun ditubuhkan oleh Kerajaan Pusat untuk memantau pembayaran wang ihsan ini.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tuan Yang Dipertua, saya nak tahu ADUN Kemasik ni faham dok perjanjian yang saya baca tadi ... tadi baca doh. Dalam perjanjian ni cukup jelas disebut 'Kerajaan', Petronas kena bayar kepada kerajaan ... doh bakpa orang UMNO ingat dia merintah lagi ke Terengganu ni ... sakit sungguh.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat sakit pergi hospital.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya akan buka lagi perbahasan terhadap usul ini kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, dan saya minta kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sila tumpukan perhatian kepada usul dan saya beri masa kepada Yang Berhormat untuk bercakap sekitar 10 minit seorang.

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Bismillahi rahmani rahim .....

Segala puji bagi Allah yang berfirman di dalam kitab-Nya yang mulia, katakanlah hai Muhammad. Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan, Engkaulah yang memberi kuasa pemerintahan kepada siapa yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan daripada siapa yang Engkau kehendaki. Engkaulah juga yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang menghina sesiapa yang Engkau kehendaki. Dalam kekuasaan Engkaulah saja segalanya kebaikan, sesungguhnya Engkau Maha Kuasa di atas setiap sesuatu.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, yang saya hormati Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan, assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Saya berdiri di sini kerana sebelum ini saya memanglah menyokong sekuat-kuatnya usul ini. Izinkan saya di dalam Dewan ini. Dewan yang mulia ini untuk menanyakan rakan saya yang sebelah sana nu ... rakan lama, sejak Parti Alternatif memerintah Negeri Terengganu ini bermacam-macam sandiwara dilakukan oleh rakan-rakan saya dan kawan-kawannya di pihak Persekutuan sana. Kita diceki, dianiaya, diserang, dikerat, dikutir ... macam-macam, bos rakan saya Dr. Maha itu membuat kita di sini.

Saya sangat tertarik tadi apabila Wakil Kemasik kata, kita kembali kepada sejarah. Kalau kita kembali kepada sejarah, sejarahnya terletak kepada *agreement*. *Agreement* ini ialah satu *agreement* Kerajaan Negeri Terengganu iaitu hak rakyat Negeri Terengganu, di sini disebutkan *Computation of Royalti Payment to the government of the State of Terengganu by Petronas for the production of petrol*. Di sini disebut royalti, macam mana wang ihsan itu keluar dan selama ni Kerajaan Barisan Nasional memerintah di sini telah membelanjakan wang royalti dan mereka mengetahui yang pendapatan negeri ini 75%nya datang daripada wang royalti ini, tak dok ihsan ... ihsan, kita tidak minta ihsan, kita tidak minta kasihan daripada Kerajaan Pusat, kita minta ialah keadilan. Itu tak minta PAS lagi tu, baru minta keadilan baru. Keadilanpun saya tak nampak.

Saya tertariklah dengan kata wakil mereka Menteri Undang-Undang, Rais. Dato' Rais ni kata, dengan izin Yang Dipertua: *The agreement could not be considered a illegally binding right to royalty payments by the peninsular states. The term royalti .....*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Dato' Rais tidak beri kenyataan dalam Bahasa Melayu ke?

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Saya baca ni Yang Dipertua, keratan akhbar Inggeris.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Ataupun apa Yang Berhormat Bandar ni .....

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Sebab saya Yang Berhormat Yang Dipertua, saya ingat ... dia ada jawi, ada rumi tapi saya hak bahagian ...

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Nanti sekejap.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): .... lebih pandai daripada orang lain dalam Bahasa Inggeris.

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Saya tak maksud begitu Yang Dipertua, cuma saya baca keratan ini, jadi keratan ni kita boleh tafsirlah. Sebab saya nak sebut tadi dia kata *term* royalti, jadi Rais ni dia cakap kat luar dia cakap orang putih, sebab tulah banyak bahasa orang putih dia buat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya rasa Rais memberi kenyataan dalam Bahasa Melayu dan di dalam surat khabar Melayupun ada. Yang saya hairan mengapa Wakil Bandar membaca keratan tu ataupun sedutan dalam Bahasa Inggeris, nak menunjukkan apa.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Dipertua, saya sendiri dengar Rais cakap dalam bahasa orang putih.

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Yang Dipertua, boleh saya teruskan?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila teruskan.

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Jadi, Dato' Dr. Rais kata begitu, saya sangat sedihlah kerana ada keratan juga dia kata ... saya bawa keratan ni nak buat guana saya ... memang dia kata *only Sabah and Sarawak had binding right to payment*. Jadi, kalau dia kata *only Sabah and Sarawak had the binding right to the payment*, Terengganu ni bukan dalam Malaysia. Tiada perbezaan di antara Sabah, Sarawak dan Terengganu. Seksyen 3, *Petroleum Development Act 144*, dengan izin Yang Dipertua, *all rights to explore continental shaft for petroleum shell be vested in Malaysia but exessable by federal government*, kuasa di dalam kerajaan. Jadi kita nak tahu siapa ... apa dia Malaysia? Artikel 1 *Federal Constitution* mengatakan: Negeri-negeri Persekutuan termasuk kesemua 13 negeri termasuk Sabah dan Sarawak. Jadi Terengganu ni di dalam Malaysia, dari situ manakah ada perbezaan sebab *rights was vested in Malaysia*, dengan izin kuasa hanya diagih oleh Kerajaan Persekutuan. Kerana mengikut penyusunan pembahagian kuasa di antara Kerajaan Negeri dengan Pusat, *ownership* kepada Malaysia termasuk Terengganu sebab dia kata *ownership* kepada Malaysia, Tereneggganu ni di dalam Malaysia.

Petroleum Development Act 144, Seksyen 2 (1) mengatakan dengan izin, *the entire ownership of petroleum weather on-shore or off-shore shall be vested in Petronas a company incorporated under the Company Act 1965.* Sebab itu Negeri Terengganu serah *ownership* kepada kerajaan, kerajaan tubuh Petronas. Sebab itu Kerajaan Negeri Terengganu menandatangani perjanjian dengan Petronas. Serah balik *ownership* itu dinyatakan melalui Suratcara yang telah ditandatangani di bawah seksyen 2, *Petroleum Development Act*. Jadi dengan serah harta kepada orang apa habuan kita? Di bawah seksyen 4 *Petroleum Act ,in return of the ownership of the rights, powers, liability and privilege vested in it by viture of this Act the corporation shell made the government of federation and the government of any relevan state such cash payment as may be agreed between parties concern.* Sebab itulah kita minta 5 peratus, kita tak minta ihsan.

Continental Shaft Act ni pula, macam jadi lawyer hari ini ... saya dapat *training lawyer* baru ni. Continental Shaft Act ialah tanah di bawah laut definasinya ialah Akta 1966 revised 1972 seksyen 2 menyatakan: *Continental Shaft means the seabed and sub-soil of the marin areas adjustion to the coast of Malaysia but beyond the limit of the territorial water of the state the surface of which lies death of not greater then 200 meters below the surface of the sea or where the death of the super adjustion water a meet the exploration of the natural resources of the seek area at any greater death.*

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, minta ringkas sedikit.

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Banyak sangat ni, sebab benda ni mustahak Yang Dipertua sebab tu saya ada banyak sangat ni. Jadi saya ni, berbalik kepada agreement ini, Dr. Mahathir balik daripada Amerika baru ni dia kata kepada Negeri Terengganu, dengan izin: *The Prime Minister said, this was because the fund that Terengganu have been receiving all this while was only a special payment not oil royalty.* Ini satu pendusta besar, ingat Dr. Mahathir dengan bekas Menteri Besar Terengganu ni dia tidak reti baca rumi, ni dia sain ni. Dan sini ada royalti, ini satu *agreement* Kerajaan Terengganu dengan Petronas, Petronas ialah satu syarikat gergasi di Malaysia. Kalau macam ini agreement dia tidak terima, dia boleh buang tengah jalan macam mana pelabur-pelabur luar nak mari melabur di Malaysia ini. Sebab itulah keadaan pasaran saham KLSE jatuh, ada Menteri kata, kita ekonomi Malaysia kita tak boleh tengok keadaan KLSE index. KLSE ini macam-macam syarikat gergasi ada di dalam tu, Petronas, Tenaga, Telekom semua syarikat gergasi ada. Itulah indikator ekonomi negeri ini. Sebab perjanjian ini kalau didedahkan di luar negara, saya fikir orang tak percaya nak berniaga dengan orang Malaysia.

Kalau di Terengganu dianiaya macam ini, kalau Negeri Terengganu tak dok, dia kata Terengganu 100 batu dasar laut tu bukan hak awak. Kalau kita fikir, Terengganu ini tak dok dalam Malaysia, minyak tu hak siapa? Boleh jadi orang Filipina dan Vietnam *claim*, Kuala Lumpur tak boleh dapat minyas tu. Kalau Terengganu ni lari, kalau kita perahu tak apa .. kalau Terengganu ni perahu saya deras-deras, mari kita larilah ... dah terikat nak buat guana.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Seminit lagi untuk Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Yang Dipertua, saya nak satu lagi ni, cerdiknya bos kawan-kawan saya di Kuala Lumpur ni, dia kata *the federal government had in the pass agreed to give special payment base on a rate normaly given as oil royalty,* dia mengaku *because it did not forsee that the amount exceed 50 milion and now it is almost one bilion.* Baru sedar benda ni 500 juta ... 50 juta lebih baru sedar. Kerajaan Negeri Terengganu belanja, belanjawan dia tiap-tiap tahun .. 10 tahun ke belakang 600 juta, 75 peratus daripada royalti. Dia baru sedar. Ini saya tak faham. Maka tubuhlah dia JPP, saya pun dok ingat sebab tak dok dalam kepala saya Jawatankuasa ni. Dulu dia tubuh

JKKK tu Jawatankuasa Kacau Kampung, hari ini Jawatankuasa Kacau Kerajaan pula, JKK juga. Saya tak fahamlah Yang Berhormat.

Yang Dipertua, kita kena ingat negara Soviet dulu dia berpecah, dia berpecah dengan ada pecahnya negara-negara dia Uzbestant nak pergi sendiri, Kudestant nak pergi sendiri sebab kes macam inlah. Masing-masing tidak bersetuju maka pecah. Ini kita kena fikir, bukan saya nak kata kita nak lari dari Malaysia, tidak Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, tapi ini lazimnya. Kita kena berpandu kepada sejarah.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ya, masa sudah tamat.

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Saya sebelum akhiri ucapan saya ni, saya ingin meminta .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang terakhir.

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Yang terakhir, jadi rakyat ramai sangat dekat bandar ni jadi banyak benda yang diberi kepada saya pagi ini. Tapi untuk mengakhirinya saya bagi pihak rakyat Negeri Terengganu membantah Kerajaan Pusat menubuhkan satu jawatankuasa baru ini dan kita dengan sekeras-kerasnya meminta apa-apa hak kita kerana ini adalah hak anak cucu kita. Saya harap .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat penjelasan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak perlu penjelasan, pasal dia sudah nak tamat dah.

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): ..... sebab ini adalah hak-hak anak cucu kita dan saya berharaplah rakan-rakan saya balik hak empat orang ni, marilah ikut saya supaya kita sama-sama memperjuangkan hak anak cucu kita.

Sekian, wabillahi taufik wassamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya buka untuk dua orang lagi. Sila wakil dari Telemong.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Terima kasih, Yang Dipertua. Assalamualaikum wahmatullahi wabarokatuh.

Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Pertamanya saya ingin memperjelaskan bahawa kami membangkang penuh usul yang dikemukakan ini. Nampaknya kepentingan yang dibawa tapi seolah-olah satu bahan ketawa yang telah dipertunjukkan oleh Wakil-wakil PAS yang berucap dan juga yang berada di dalam Dewan ini.

Yang kedua Tuan Yang Dipertua, sebagai muqadimahnya kita harus sedar sebagaimana kata wakil kerajaan pada pagi tadi, memperlekehkan wakil empat orang ni BN adakah sedar, sekarang ini memerintah di Negeri Terengganu adalah Kerajaan PAS. Kami sedar, dan mereka juga perlu sedar yang memerintah Kerajaan Pusat pada hari ini adalah Kerajaan Persekutuan. Yang Dipertua, begitu rakus, begitu takut seolah-olah `cacing kepanasan' tak tahu ke hulu, ke hilir dengar saja berita soal pembahagian ini tak akan sampai kepada Kerajaan PAS, maka bangkitlah surat layanglah dan ketahui ramai ... kita tengok semua sekali Ketua Jabatan sama

ada Persekutuan ataupun Negeri, kita lihat sikap PAS yang kita sama-sama lihat sebentar tadi.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, yang dikatakan tindakan menindas dan menzalimi rakyat Terengganu saya membangkang sepenuh-penuhnya. Dan diberitahu oleh Exco tadi kerajaan belum menerima suatu kaedah terperinci bagaimana pembahagian ini dibuat dan sebagainya, mereka sudah kepanasan. Kerana Tuan Yang Dipertua, kita sedar, semua rakayt Terengganu sedar apabila memperolehi Kerajaan Negeri pada November 1999, mereka begitu angkuh begitu ingin menunaikan tanggungjawab dan janji mereka kepada rakyat dan sekarang ini mereka mempersebabkan tol Jambatan Sultan Mahmud hanya RM4 juta kutipannya setahun, konon-kononnya hapus tol tu dah hampir-hampir RM400 juta, RM4 juta setahun saja tol itu dan juga wang tunggakan. Tak dok sebab lain, wang tunggakan kepada cukai pintu, boleh dikatakan RM30 juta, itu tak perlu kerajaan bayar kerana boleh hapus kira semata-mata.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin perjelaskan yang disebut dengan jelas pencabulan prinsip demokrasi. Sebenarnya Tuan Yang Dipertua, perkara ini telah dilihat dengan teliti, jangan ingat kita boleh... tampok pemerintahan kita boleh buat sesuka hati, selama 10 bulan kalau dikatakan oleh Wakil Bandar sebentar tadi, dia PAS hanya dikutir, dicubit, ditampar oleh Kerajaan Pusat tetapi kami pemimpin-pemimpin Barisan Nasional dan orang UMNO khususnya di seluruh negeri, bukan saja dicubit, diterajang ... disepak terajang oleh Kerajaan PAS, pemimpinan PAS pada hari ini. Kita tengok perbuatan mereka dah boleh kuasa tetapi apabila usik bergeletar dan juga berhempas pulas untuk mempertahankan soal ini.

Tuan Yang Dipertua, soal demokrasi ... saya minta penjelasan daripada Kerajaan PAS, apa yang dicakap soal demokrasi sebenarnya kita atau Kerajaan Pusat tidak terus menghalang atau tidak memberi kepada Kerajaan Negeri ataupun rakyat Negeri Terengganu tetapi tidak mengikut saluran biasa yang dikehendaki oleh Kerajaan PAS, itu saja. Soal demokrasi saya ingin memperlihatkan kepada rakyat negeri dan kepada seluruh rakyat Malaysia, Pekeliling Kerajaan Negeri bertarikh 30 Ogos 2000 mengenai Penglibatan Pegawai-pegawai Kerajaan Dalam Politik, ditegah begitu rupa supaya kakitangan kerajaan yang selama ini boleh bergerak dan sebagainya ... menyokong tak kira parti mana, tetapi ditegah dengan amaran tatatertib. Demokrasi mana saya tengok ... ini perlu dan kita kena sedar, kongkongan yang hendak dibuat oleh Kerajaan PAS. nak mempertahankan demokrasi kononnya, nak berselindung di sebalik demokrasi, kalau kena hak dia tapi kalau kena nak kita, takdir kononnya. Pekeliling 17 Julai 2000, menegah Pegawai-pegawai Kerajaan bawahan yang selama ini bertungkus lumus di peringkat JKKK di larang, diarah, diugut dan sebagainya.

YANG BERHORMAT HAJI NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut): Tuan Yang Dipertua, ...

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya tak beri lalu kerana masa saya sedikit. Tuan Yang Dipertua, saya ingin meneruskan.

Ini soalan yang jelas apa yang disebut demokrasi bagi pihak mereka. Tapi apabila terlibat kena atas kepala mereka, mereka sayugia mengelirukan rakyat dengan menjelaskan itu dan ini sebenarnya tidak sama sekali. Kita juga, sebenarnya saya sejak Dewan yang pertama pada bulan Disember saya bertanya malah pada hari ini pun saya bertanya malah belum dijawab lagi soalan ini dibangkit terdahulu, mengenai apakah peranan kerajaan sekarang ini untuk merapatkan hubungan dengan Kerajaan Pusat. Untuk pengetahuan rakyat sekalian, sebenarnya sejak mereka memperolehi 28 kerusi, mereka terlalu angkuh, bersyarah rata-riti sampai pada hari ini pun mencerca malah dalam Dewan yang suci ini pun mencerca, mencela pimpinan Kerajaan Pusat. Jangan kita ingat percakapan kita ini tidak didengar oleh sesiapa saja.

Percakapan kita ini direkod oleh rakyat, dilihat oleh rakyat bukan untuk bercakap tetapi untuk bekerja sebenarnya. Apabila Kerajaann Pusat bertindak kita panas.

Tuan Yang Dipertua, apa yang disebut ... saya telah sebut dalam Dewan yang pertama pada bulan Disember dan isu yang berbangkit dengan pemecatan SUK pada ketika itu. Kemudian pembahagian wang zakat yang sewenang-wenangnya diselewengkan menggunakan Jabatan Agama dan peranan PAS jelas, rating-rating PAS, pemimpin-pemimpin kawasan PAS jelas mempengaruhi wang ini untuk kepentingan mereka. Sekarang ini jelas dan kita mempunyai rekod, menggunakan agensi kerajaan yang kita mempunyai rekod. Dan yang paling kita dukacita sebagai rakyat Terengganu, mereka menggunakan agensi ini untuk membantu dan juga membiayai pergerakan politik di negeri lain demi kepentingan PAS dan memecah belahkan UMNO.

Tuan Yang Dipertua, ini suatu demokrasi yang saya lihat yang ingin mereka mempertahankan wang ini sebab mereka duduk rasa dengan wang inilah mereka nak minta pula 20 peratus nak buat itu, ini. Inilah dihantui kepada rakyat. Dah jadi begini, nak salahkan siapa. Bagi saya kesalahan yang sebenarnya di tangan pimpinan PAS sendiri yang terlalu angkuh dan terlalu bergembira dengan kuasa yang mereka dapat. Malah pada hari ini semua rakyat bercakap, kita bertanya soalan tidak dijawab, berapa banyakkah kawasan balak yang diluluskan pada tahun 2000. Rata-rata kedai kopi, warong kopi jajaan dibuat untuk jual kawasan balak dan sebagainya. Orang yang tidak mempunyai kilang-kilang papan pun memperolehi kawasan balak dan sebagainya. Ini mencabuli hak rakyat, harta rakyat, masa depan rakyat. Jadi, Tuan Yang Dipertua, ini dilihat oleh semua orang ... yang kita tidak mahu perkara ini berlaku maka Kerajaan Pusat mencari mekanisme ataupun kaedah yang perlu bagi sebenar-benarnya wang ini tidak digunakan oleh PAS bagi kepentingan politik mereka, bagi mengembangkan politik mereka dan sebagainya.

Tuan Yang Dipertua, rakyat melihat dengan jelas kerakusan ... di dalam Muktamar Peringkat Negara yang diadakan di Kuala Terengganu. Kita melihat dengan jelas, kereta-kereta kerajaan, kenderaan-kenderaan kerajaan diguna oleh parti-parti pembangkang, DAP yang tidak layak sama sekali untuk memiliki, menaiki atau menyentuh kereta kerajaan. Mereka menggunakan wang kerajaan sewenang-wenangnya, saya ingat ini perlu pihak Hisbah yang diagung-agungkan seluruh dunia sampai sekarang 10 bulan tidak bertindak apa-apa pun, perlu mengkaji dengan jelas penggunaan wang rakyat ini, tempat kediaman rakyat, kegunaan rasmi sepatutnya digunakan untuk politik, perbelanjaan makan minum dan sebagainya dituntut daripada wang rakyat. Ini perlu dijelaskan dan disiasat dengan teliti oleh pihak badan Hisbah yang diagung-agungkan itu.

Tuan Yang Dipertua, sikap menutup, mengelirukan rakyat dengan menjaja perjanjian. Hari ini saya tengok 28 perjanjian duduk ada di depan Wakil Rakyat masing-masing untuk menuntut hak kononnya. Yang dikatakan oleh ADUN Paka tadi, negeri telah menyerah hak ... kalau kita melihat dari segi sejarah ini saya rakyat biasa, secara rasional kita tidak mahu, yang salah tetap salah. Perjanjian '75 dibuat apakah dasar dan keadaan ketika itu, kita semua tahu sejarah baru pendek tahun '75 PAS berada dalam Kerajaan Barisan Nasional di peringkat negara dan negeri .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Masa untuk Yang Berhormat satu minit lagi.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): ..... dan perjanjian ini ditandatangani demi untuk mengalih dan membantu Negeri Terengganu yang tersangat daif pada ketika itu demi orang Melayu telah bersatu, PAS telah bersatu dalam Barisan Nasional, kita ingin membantu Negeri Terengganu. Nah, sampai tahun 1999 kita telah membuat pembangunan menukar Kemaman, Dungun dan seluruh negeri ini

daripada sebuah negeri yang gelap kepada negeri yang begini bertenaga jadi rebutan semua orang. Ini semua Kerajaan PAS tahu tak usah berputar belit.

Dan pada hari ini kita mengkaji setelah hampir 8 bulan, kita melihat dengan jelas yang dilakukan oleh Kerajaan PAS sebenarnya di luar tatasusila, di luar tatacara pentadbiran, di luar kaedah-kaedah yang kita lalui selama ini. Dan ingin menutup mengelirukan rakyat konon membangkit perasaan rakyat. Sejak awal lagi dah bukan hari ini Tuan Yang Dipertua, banyak *flyer-flyer* yang telah diedar di seluruh negara termasuk di Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan sebagainya, kononnya kalaulah isu royalti ataupun isu wang ini tidak diberi kepada rakyat Terengganu, rakyat Terengganu akan kebulur dan satu kezaliman kepada rakyat. Sebenarnya tidak Yang Dipertua, Jawatankuasa Peringkat Pusat yang dilantik untuk .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat sila gulung.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya nak gulung, saya banyak lagi nak beri tapi masa dah habis. Sebenarnya saya nak nasihatkan, walaupun saya tahu undian sedikit lagi saya 4 orang akan kalah. Saya nak beritahu kepada Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri boleh ... oleh kerana kaedah ni tak dok lagi, saya rasa boleh menyerahkan laporan-laporan, permohonan-permohonan kepada Jawatankuasa Peringkat Pusat yang dilantik ini supaya boleh menyalurkan ataupun membantu kewangan kepada mereka. Tetapi kalaulah kita terus menyeranah, terus melihat ini tidak betul, zalim, menindas dan sebagainya ... saya ingat Wakil Paka sendiripun kalau jadi ayah kalau anak, ayah duduk tendang, terajang, tarik janggut, cabut serban semua sekali, anak ni dia pukul juga, dok dia beri juga wang, sekat juga pitis dan sebagainya. Ini kaedahnya, kita kena bijaksana jangan doh boleh kuasa, ini boleh, aku boleh semua orang lain tak boleh dan sebagainya.

Jadi saya ingin ingatkan dengan jelas kerana muqadimah yang dibawa oleh Yang Dipertua Dewan pada pagi tadi sangat jelas, kita bermesyuarat di Dewan yang mulia ini demi kebaikan Negeri Terengganu Darul Iman, nasihat menasihat di antara satu sama lain. Jangan duduk ingat 4 orang ini tak berguna, saya tidak boleh menilai ucapan yang dibuat oleh ... terutamanya ADUN Bandar sebentar tadi sebagai berhikmah ataupun merencanakan kehendak rakyat Negeri Terengganu.

Saya menyokong usaha Kerajaan Pusat untuk membantu rakyat Negeri Terengganu melalui program yang telah dicadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih. Saya masih beri peluang satu lagi. Ya, Wakil Kuala Besut.

YANG BERHORMAT HAJI NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut): Bismillahi rahmani rahim .....

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Exco, Yang Berhormat-Yang Berhormat, seterusnya Ketua-Ketua Jabatan, kakitangan kerajaan sekalian. Perbincangan kita menyentuh masalah royalti sama ada ini menjadi hak Kerajan Negeri Terengganu ataupun ianya menjadi hak Kerajaan Pusat. Satu perkara yang tidak perlu kita berdolak dalih, tidak perlu kita berbincang secara panjang lebar kerana perkara ini adalah perkara yang amat jelas, perkara yang telah dibuat perjanjian di antara Kerajaan Negeri dengan pihak Petronas yang tidak boleh dipertikaikan sebenarnya oleh mana-mana pihak dan ianya telahpun diamalkan sekian lama. Dan saya yakin sekiranya UMNO dan Barisan Nasional memerintah Negeri Terengganu hari ini sudah tentulah isu royalti ini tidak timbul.

Apa yang ditimbulkan oleh pihak pembangkang bahawa sebahagian daripada royalti yang digunakan oleh pihak Kerajaan Negeri Terengganu dianggap menyeleweng dan dianggap tidak tepat, sebenarnya ini adalah dalih bukannya dalil. Kerana apa yang terbukti bahawa seumpama pengagihan kewangan kepada fakir miskin terbukti bahawa ianya lebih baik daripada kerajaan UMNO dahulu dan kita lebih terbuka mengatakan sekiranya 1,462 orang yang terlibat dalam kes pemutihan ini ... saya tak bagi laluan kerana dia tak bagi laluan kepada saya.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Penjelasan Tuan Yang Dipertua, daripada seribu ... saya tak nak kabar Yang Berhormat, daripada 1,462 orang itu ada 2 ibu tunggal seorang mempunyai 7 orang anak yatim, seorang 10 orang anak yatim bersekolah yang ditarik oleh Kerajaan PAS, yang ditamatkan bantuannya..

YANG BERHORMAT HAJI NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut): Apa yang saya nak sebut bahawa sekiranya jumlah ini, jumlah yang saya menganggap dan saya yakin bahawa ini adalah sepatutnya terlibat dalam kes pemutihan kerana mereka tidak mencukup syarat-syarat untuk menerima kewangan kebajikan ini .....

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang sebenarnya itu zalim .....

YANG BERHORMAT HAJI NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut): Minta duduk, saya tak bagi laluan. Tunggu saya sebut dulu. Sekiranya ada beberapa kes yang perlu dikembalikan semula, yang berhak dipersilakan bawa sebut nama siapa insya Allah kita terbuka, kita akan terima sekiranya benar-benar berhak, itu dia benda.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Nak buat tu kaji dulu, dah zalim .....

YANG BERHORMAT HAJI NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut): Kita dah buat kajian dan pembangkang tidak buat kajian dan ini adalah di antara dalih-dalih. Dan begitu juga benda-benda yang lain umpamanya kita membuang masalah tol ini terbukti tak kira siapa orang UMNO, orang PAS yang lalu semuaya ... ternyata bahawa ini adalah pertolongan kepada rakyat. Begitu juga kita membela orang-orang agama seperti Imam, Bilal dan sebagainya ini semuanya digunakan daripada royalti Petronas dan kita menganggapkan bahawa ini adalah salah satu daripada usaha yang dibuat oleh pihak kerajaan untuk memberi pertolongan kepada rakyat.

Apa yang disebut sebagai dalil bahawa benda ini digunakan oleh parti dan sebagainya. Semua orang tahu sebenarnya Kerajaan UMNO, Barisan Nasional dalam Malaysia ini takut sekiranya Parti Barisan Alternatif bangkit di Negeri Terengganu kemudian dengan kekayaan, dengan royalti minyak ini digunakan Negeri Terengganu akan menjadi model, akan menjadi contoh kepada negeri-negeri lain dan dia akan merebak dari negeri ke negeri seperti mana dari Kelantan merebak ke Terengganu, selepas daripada ini merebak ke negeri-negeri lain. Ini sebenarnya punca Kerajaan Pusat terlalu takut kepada isu royalti yang berlaku di Negeri Terengganu. Lain-lain benda itu semua orang tahu, ini adalah helah, ini adalah alasan-alasan yang cukup tidak relevan yang kita bincangkan di dalam Dewan ini.

Sebab itulah suka saya sebut bahawa sekiranya kita nilaikan masalah royalti ini secara profesional, secara baik, secara bijak, secara jujur maka sudah tentulah royalti ini adalah hak bagi Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman dan boleh diagih. Sekiranya pengagihan ini tidak betul maka di sanalah baru boleh kita sebut bahawa Kerajaan Negeri Terengganu ini

mengagih dengan tidak betul, bukannya kita menuduh secara orang panggil `membabi buta` sebelum daripada apa-apa benda ini berlaku ke Negeri Terengganu.

Begitulah apa yang saya sebut sikap kita sebagai Negeri Terengganu, sebagai Kerajaan Negeri kita terlalu dukacita dengan sikap yang dibuat oleh kepimpinan *federal*, kepimpinan Pusat di mana dunia gelak ketawa dengan dia, dunia telah mula ketawa bahwa dalam negara kita ini telah menjadi satu adat tradisi bahawa sekiranya mana-mana pemimpin yang melanggar apa-apa perjanjian yang dibuat, di luar apa-apa kuasa maka dianggap satu keistimewaan. Ini telah jadi satu adat dan dunia mula ketawa. Sebab itu kalau kita baca majalah-majalah yang dikeluarkan di dalam dunia kita rasa malu kita sebagai rakyat Terengganu dan kita sebagai rakyat dalam negara Malaysia. Kita rasa malu dunia ketawa kepada kita. Kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh pimpinan dunia ketawa, gelak kepada kita dan kita bimbang masa depan pelaburan dalam negara kita apabila pelabur-pelabur menganggapkan bahawa sekiranya Kerajaan Pusat boleh mengengkari perjanjian apatah perjanjian Pertonas dengan Kerajaan Negeri boleh diengkari, apatah perjanjian-perjanjian yang melibatkan perdagangan, yang melibatkan isu-isu yang lain. Dan ini adalah satu perkara yang mesti kita bincang dengan rasional, mesti kita bincang dengan ilmiah bukan kita bercakap nak lepas tangan, bukan kita bercakap begitu saja. Ini satu benda yang perlu kita kena ingat dan saya rasa saya tidak perlu mengemukakan hujah satu persatu berhubung dengan royalti ini hak Negeri Terengganu kerana ia amat jelas dan hujah-hujah telah diberikan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat yang mewakili Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman.

Yang Dipertua, saya rasa itu saja kerana masa tidak mengizinkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih, minta kepada Yang Berhormat Seberang Takir.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, tuan-tuan, puan-puan, hadirin hadirat yang saya hormati sekalian. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama membahas usul tergempar yang telah dikemukakan oleh Wakil Ladang pada pagi ini.

Tuan Yang Dipertua, saya merasa sedih pertama-pertamanya kerana Kerajaan Negeri yang berkuasa sekarang, cukup berkuasa sekarang dengan 28 orang Ahli Dewan Undangan Negeri mengambil sikap untuk berkonfrantasi dengan Kerajaan Persekutuan. Apakah ini telah bermakna bahawa pintu perundingan telah tertutup. Kalau Tuan Yang Dipertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat masih ingat, peristiwa yang membawa kepada apa yang kitakan tidak patut dilakukan oleh Kerajaan Pusat, oleh pemimpin-pemimpin Pusat sebenarnya lahir dari kenyataan-kenyataan pemimpin-pemimpin Kerajaan Negeri yang terlalu provokatif sifatnya. Jadi mahu tidak mahu bila hari-hari disumbatkan, didengarkan dengan kenyataan-kenyataan yang begitu provokatif maka saya nampak Kerajaan Pusat, pemimpin Pusat yang selama ini jujur dan sabarpun tidak tertahan. Dalam hal ini saya bertanya di manakah ada pemimpin-pemimpin dalam Barisan Alternatif pimpinan PAS sekarang, orang tua-tua, orang lama-lama seperti Yang Berhormat yang saya muliakan Tun Salleh Abas, tak dapat memberi pandangan berhubung dengan perkara ini jadi lalu dibentangkan satu usul yang saya nampak tidak membawa makna yang banyak kepada kita, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

Tuan Yang Dipertua, kita mengambil keputusan untuk mengutuk pemimpin-pemimpin Kerajaan Pusat kerana kita tuduh mereka telah mencabuli prinsip-prinsip demokrasi dengan tidak menghormati sebuah Kerajaan Negeri yang dipilih oleh rakyat kerana masalah royatli yang digantikan akhir-akhir ini, sama ada boleh terima atau tidak saya pakai Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sebagai bantuan ihsan. Kita tidak dapat menerima, kita tidak dapat

menerima sekali-kali Yang Berhormat Tuan Yang Dipetua, dengan peraturan baru ataupun dengan mekanisme yang dicadangkan itu bermakna Kerjaan Pusat telah merampas hak rakyat Negeri Terengganu. Sama sekali tidak Yang Berhormat Yang Dipertua dirampas, cuma yang berbezanya yang saya faham kaedah ini Yang Berhormat Yang Dipertua, pemberian tidak lagi disalurkan seperti biasa tetapi dibuat melalui saluran-saluran tertentu untuk menjamin pemberian itu, hak itu kalau pun kita kata hak, sampai kepada rakyat dan terjamin sesuatu projek yang hendak dinafikan oleh kerajaan yang ada kepada rakyat.

Tuan Yang Dipertua, pemerintahan Kerajaan PAS ataupun BA pimpinan PAS selama lebih kurang 9 bulan ini telah menunjukkan dalam masa yang pendek, amalan balas dendam dengan pertukaran-pertukaran pegawai-pegawai yang dirasakan tidak perlu, terus mengamalkan pecah belah .....

YANG BERHORMAT HAJI NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, beri laluan. Saya nak tanya, adakah .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Saya tak beri laluan Yang Berhormat pun kedekut tidak beri laluan, saya pun kedekut juga kerana masa diperuntukkan kepada saya, saya minta maaf.

YANG BERHORMAT HAJI NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut): Ya, terima kasih.

YANG BERHORAMT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Sama-sama kedekut. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, meneruskan amalan pecah belah, saya kalau boleh sebut sepatah di sini apa yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sekarang, sebelum ini menyemai dan sekarang dia menuai apa yang dia semai dalam hubungannya dengan pecah belah yang kita perhatikan dalam masyarakat Negeri Terengganu sekarang khususnya. Menakut-nakutkan pegawai dengan tindakan-tindakan yang tidak perlu sebenarnya. Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan mengeluarkan satu Pekeliling melarang pegawai-pegawai Kerajaan Negeri mengambil bahagian dalam JKKK. Kepada saya ini satu amalan mencabuli hak asasi seseorang pegawai. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kerajaan memutar belitkan kenyataan-kenyataan yang benar termasuk isu royalti, isu bantuan ihsan; menzalimi dan mengeliru serta meracuni fikiran rakyat dengan khutbah-khutbah yang disampaikan setiap hari Jumaat di majsid-masjid. Saya tidak bercadang nak ulasan panjang dalam hal ini sama ada yang berkhutbah ataupun tidak memahami masalah ini, Tuan Yang Dipertua.

Secara ringkasnya, kesimpulannya Tuan Yang Dipertua, segala-galanya ini pada peringkat yang awal menunjukkan tanda-tanda bahawa ada *trend* ataupun kecenderungan kerajaan yang ada sekarang untuk melakukan penyelewengan yang banyak pada masa yang akan datang termasuklah menyelewengkan perbelanjaan-perbelanjaan untuk tujuan-tujuan politik.

Saya suka kalau boleh .. tapi malangnya tidak dijawab tapi saya merasa yakin bukan andaian tapi saya merasa yakin sehinggalah Yang Amat Berhormat membuat kenyataan bahawa sehingga ini belum lagi Kerajaan Negeri menerima secara terperinci kaedah atau mekanisme baru yang dikatakan. Ini berdasarkan kepada kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu beberapa waktu yang baru lalu. Jadi kita merasa dukacita Yang Berhormat Yang Dipertua, kalau kita tidak beri satu kenyataan yang begitu terperinci dan kita faham tujuan-tujuan mekanisme yang diwujudkan ini oleh Kerajaan Persekutuan maka kita tergopoh-gopoh, kalau boleh saya sebut, kita terus melenting mengemukakan usul yang sedang kita bahaskan pada hari ini. Sepatutnya Tuan Yang Dipertua, setiap orang Wakil Rakyat diberi peluang untuk mengkaji, untuk meneliti mekanisme

yang dicadangkan oleh Kerajaan. Tapi oleh kerana parti PAS, kerajaan, pemimpin-pemimpinnya telah mengambil langkah yang saya sebut daripada dulu lagi, bersikap provokasi maka kenyataan-kenyataan yang dibuat berhubung dengan royalti ini meracuni fikiran rakyat, menghasut rakyat.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya amat tertarik hati kepada hujah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Wakil Bandar terutama sekali bila sebut *binding rights*. Mendengar hujah-hujah yang disampaikan oleh Wakil Rakyat Bandar, saya dapati kalau dikaji halus-halus, dia sebenarnya menentang usul yang dibawa hari ini. Sebab kalau dikaji halus-halus, apa yang disebut menggunakan hujah yang disebut itu sebenar kita tidak mempunyai hak berasaskan kepada *Continental Shafi* yang hanya negeri mempunyai 3 nautika *miles* saja selepas itu .....

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Yang Berhormat Yang Dipertua, macam mana boleh kata saya tak sokong.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Waki Seberang Takir): Saya tak beri peluang lagi ni. Minta peluang .....

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Saya .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Saya beri, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Izin beri peluang Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Dia merujuk Tuan Yang Dipertua. Inilah caranya, jadi malangnya Tuan Yang Dipertua kita mendapat seorang yang cuba nak menjadi *lawyer*, menjadi peguam tapi hujahnya itu membawa rebah kepada kita, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

Tuan Yang Dipertua, saya berpendapat tidak sampai kepada peringkat kita mengutuk pemimpin Pusat dalam hal yang seumpana ini. Dan saya merasa malang kalau kerajaan kita hari ini, Dewan Undangan Negeri yang bersidang hari ini terpaksa membuat keputusan untuk mengutuk pemimpin-pemimpin Pusat kerana masalah yang saya rasa kita belum faham secukup-cukupnya. Saya berpendapat Yang Berhormat Yang Dipertua, kalau kita meneliti apa yang dicadangkan itu mungkin kita boleh bersetuju atau mungkin seperti kata sahabat saya Wakil dari Telemong, ada peluang-peluang tertentu di mana perundingan-perundingan masih boleh dibuat. Saya berasa terlalu dukacita dengan usul yang kita bawa hari ini kita menutup pintu perundingan.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kalau pun apa yang disebut oleh sahabat saya Wakil Kemasik yang disanggah oleh Wakil Bandar, tidak mempunyai statistik untuk menunjukkan bahawa sebilangan besar rakyat Negeri Terengganu sekarang bersetuju dengan cadangan Kerajaan Pusat, saya rasa tidak boleh diterima kerana 28 kerusi yang dimenangi oleh BA pimpinan PAS sekarang maka semua rakyat yang menyokong itu menyokong usul juga yang seumpama ini. Jadi kalau kita rasa perkara ini terlalu penting untuk mendapatkan pandangan rakyat, untuk mendapatkan suara rakyat maka tidak ada jalan lain, maka kita terpaksalah membubarkan Dewan ini dan kita pergi semula kepada rakyat. Atau jalan yang lain yang masih terbuka, kerjanya tidak begitu banyak, kita ada perjanjian seperti yang disebut oleh beberapa orang Ahli yang telah bercakap sebelum ini Tuan Yang Dipertua, maka saya rasa tidak salah dan Yang Berhormat Tun Salleh boleh memberi nasihat, Yang Berhormat Wakil

Batu Buruk pun boleh memberi sokongan kepada dia pada usul ini maka kita bawalah kepada mahkamah. Biar mahkamah memberi penghakimannya tentang masalah ini.

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Yang Dipertua, nak bawa ke mahkamh guana kalau kes Dato' Seri Anwar pun dengan fakta-fakta yang ada ditolak, Yang Mulia Tun pun jadi mangsa ... mahkamah. Macam mana kita nak bawa ke mahkamah, mahkamah kita boleh bawa ni hak benda begini mahkamah luar negara saja. Mahkamah bangsa bersatu, boleh bawa hak begini mahkamah Malaysia saya tidak percaya lagi hingga hari ini, Yang Dipertua. Minta maaf.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya pun merasa sedih juga ucapan ini dibuat di dalam Dewan, kalau dibuat di luar Dewan saya rasa bolehlah disebut sebagai *contempt of court*, dengan izin Yang Dipertua.

Kalau kes Dato' Seri Anwar dijadikan satu contoh untuk membuat rumusan bahawa semua keputusan-keputusan sebelumnya dan selepasnya yang dibuat oleh beberapa peringkat mahkamah tidak boleh dipercayai dan tidak boleh diterma, maka itu satu penghinaan yang terlalu besar kepada sistem penghakiman di negara kita, Tuan Yang Dipertua. Kalau difikirkan bahawa dengan membawa perkara ini ke mahkamah antarabangsa, mahkamah dunia maka keadilan boleh diterima, boleh didapati saya rasa tidak ada masalah. Tapi tidaklah sekali-kali Dewan ini diajak untuk membuat satu keputusan mengutuk pemimpin-pemimpin Pusat kerana cadangan yang telah dikemukakan itu, yang belum lagi kita tahu dengan sahih meminjam perkataan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu, mengsahih apa yang dicadang kepada kita. Malangnya kita berbincang pada perkara-perkara yang sepatah kata Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sebagai anggapan saja. Saya sebelum meneliti perkara ini kepada saya, saya merasakan bahawa perkara belumlah dapat dijadikan asas-asas yang konkrit untuk kita membahaskan perkara ini. Tapi walau bagaimanapun .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila ringkaskan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Saya menghabiskan Yang Berhormat Yang Dipertua. Walau bagaimanapun Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya menentang keras usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Ladang.

Terima kasih, wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih kepada Wakil Seberang Takir. Saya merasakan bahawa usul ini masa untuk diperbahaskan sudah lama, saya memberi peluang kepada pihak kerajaan kalau ada apa-apa nak buat pengguiungan. Silakan -

YANG BERHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana masanya singkat untuk kita berbahas pada hari ini, saya akan menjelaskan beberapa perkara mengenai isu usul yang dibawa pada pagi ini.

Usul itu jikalau kita kaji ada dua *link* atau dua perkara. Pertama usul yang mengatakan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Pusat mencabul prinsip demokrasi dan prinsip *federalisma*. Dan yang kedua, merayu kepada Kerajaan Pusat supaya menghentikan pencabulan ini dan kembali semula kepada undang-undang.

Yang pertama sekali, apakah yang dikatakan pencabulan, sama ada mengenai isu minyak ini isu pencabulan. Pada pandangan saya, fikiran saya ini sudah jelas ada pencabulan. Sebagaimana yang dikatakan oleh pencadang dan beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudah bercakap, saya ingin menyokong dan *confirm* ucapan mereka mengenai pencabulan ini. Kerana minyak Negeri Terengganu ini adalah dijumpai di kawasan dasar lautan Negeri Terengganu dan dasar lautan Negeri Terengganu tidak boleh lagi dipertikaikan bahawa itu kepunyaan Negeri Terengganu. Kerana Kerajaan *Federal* ialah satu kerajaan yang dilantik melalui konsep *Federalisma*. Persekutuan Malaysia mengandungi 13 buah negeri, termasuk Negeri Terengganu, Sabah, Sarawak dan lain-lain negeri di Semenanjung ini Persekutuan tidak ada mempunyai tanah, tidak mempunyai *territory* melainkan dua tempat saja yang dipunyai, iaitu *territory of Kuala Lumpur* dan juga *territory of Labuan*. Wilayah Kuala Lumpur yang dikenalkan Wilayah Persekutuan dibenarkan oleh Perlembagaan dan juga Wilayah Persekutuan di Labuan ialah juga dibenarkan oleh Perlembagaan apabila Kerajaan Sabah yang diketuai oleh Dato' Harris menyerahkan Labuan kepada Kerajaan Pusat. Jadi, Kerajaan Kuala Lumpur ada dua saja territory dia yang lain itu ialah kepunyaan negeri.

Jadi, mengenai dengan perlombongan ataupun mencari gali dan memperolehi minyak di dasar lautan ini adalah termaktub dalam satu set Akta Parlimen yang mengandungi yang pertama sekali *Continental Shafi Act 1966* yang berkuatkuasa 28 Julai tahun 1966 bagi negeri-negeri di Semenanjung dan bagi negeri-negeri di *East Malaysia* iaitu Sabah dan Sarawak,Akta itu beroperasi pada 8 haribulan sebelas tahun 1969, jadi tiga tahun kemudian. Dan ada lagi satu Akta, nama dia *Petroleum Mining Act* iaitu Akta Melombong Petroleum juga diluluskan oleh Parlimen pada tahun 1966 yang berkuatkuasa pada 1 haribulan Disember 66 bagi negeri di Semenanjung dan pada 8 haribulan sebelas tahun 1969 bagi negeri di Malaysia Timur, iaitu Sabah dan Sarawak.

Kemudian pada tahun 69, pada masa itu negara kita diperintah dengan secara Majlis Tindakan Negara ataupun NOC (*National Operation Council*), pada masa itu Kerajaan Malaysia melalui *Ordinance Emergency* No. 7 Tahun 1969 telah membuat satu *ordinance*, telah memansyurkan satu undang-undang bernama *The Emergency Essential Power Ordinance* mengenai dengan *territory waters*, iaitu perairan laut bagi negeri-negeri di Malaysia. Sebelum daripada ini, sebelum daripada ordinance ini luas ataupun lebar *territory waters* ialah sejauh 3 batu daripada paras pasang surut pantai bagi sesebuah negeri. Tetapi apabila ordinance ini diluluskan pada tahun '69, keluasan dia atau lebar dia ditambah kepada 12 batu nautika. Ini kerana kita mengikut *Geneva Convention* yang dibuat pada tahun 1958. Kemudian cara mengira mengikut *Geneva Convention* ialah termasuk pulau-pulau yang ada bagi sesebuah negeri itu. Dan dikira 12 batu nautika ini ialah daripada paras pasang surut pulau itu sehingga ke jauh .. jauh ke sana.

Kemudian tanah di bawah laut di dalam kawasan *territory waters* itu mengikut undang-undang yang saya sebutkan tadi sudah dianggapkan sebagai dia panggil *on-shore land* walaupun tanah itu tanah di bawah air dianggapkan sebagai *on-shore land.* Kemudian keluar daripada tanah itu mengikut Akta *Continental Shaft* dianggapkan sebagai dasar lautan ataupun *Continental Shaft* yang pergi sejauh 200 ... yang pergi sejauh ke tempat yang mana dalamnya 200 meter ataupun sekiranya teknologi manusia boleh mengusahakan minyak ataupun logam-logam ataupun mineral yang lain di dalam dasar lautan itu. Tidak semestinya jauh sehingga 200 meter dalam tetapi boleh pergi jauh lagi sekiranya suatu masa kelak teknologi manusia mengikut kajian sains boleh memperolehi barang-barang dan mineral di bawah dasar laut.

Kemudian satu lagi ordinance pada tahun 1974 iaitulah *Petroleum Development Act* 1974 iaitu dalam Bahasa Melayunya Akta Kemajuan Petroleum dan ini berkuatkuasa pada 1 haribulan sepuluh 1974. Jadi, kita pandang di sini, dia ada empat semua sekali ordinences. Kemudian di dalam Akta ini, di dalam Akta *Mining Act* tadi ataupun *Continental Shaft* juga dia kata, dia sebut siapa yang mempunyai hak milik minyak itu, sama ada *on-shore land* ataupun di *off-shore land,* dia tidak sebut siapa. Cuma yang dia kata, kuasa-kuasa untuk memperolehi, mencari dan memperolehi minyak yang tersebut ialah kepunyaan Malaysia tetapi kuasanya dijalankan oleh Kerajaan *Federal.* Sebab yang jadi begini, dikatakan kepada Malaysia sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bandar bahawa Malaysia itu ialah 13 buah negeri. Jadi semua 13 negeri ini mempunyai kuasa, mempunyai hak ... mempunyai kuasa melombong ataupun mencari minyak sama ada di *on-shore land* ataupun *off-shore land.* Pahang ada dia punya *on-shore land* dan ada dia punya *off-shore land,* Johor pun begitu, Kelantan pun begitu. Begitulah juga di negeri-negeri di Pantai Barat seperti Perlis, Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan juga Johor semua ada. Tetapi dengan berkat Allah s.w.t. ini bukan sesiapa punya kerja, Tuhan beri minyak yang didapati di Semenanjung ini ialah datangnya daripada bumi Terengganu.

Kemudian saya kata tadi mengenai dengan undang-undang tadi, tiga buah undang-undang itu mengatakan bahawa hak mencari gali, mencari minyak dan berupaya usaha, itulah kepunyaan Kerajaan Malaysia ... kepunyaan Malaysia dia tak kata 'kepunyaan Kerajaan Malaysia' dia kata Malaysia, jadi Malaysia ni negeri tetapi kuasanya dijalankan. Di sini bermakna Kerajaan Persekutuan ... Kerajaan Pusat hanya sebagai pemegang amanah sahaja, hak kepunyaan ialah negeri. Kemudian apabila Kerajaan Malaysia pada masa itu nak membuat perjanjian dengan beberapa buah kompeni seperti Esso, Shell dan beberapa buah kompeni lagi, saya masih ingat sangat kerana pada masa itu saya yang mengarang semua undang-undang ini dan saya tahu sangat perkara ini. Jadi terpaksa kita meluluskan satu undang-undang lagi iaitu *Petroleum Development Act,* Akta Kemajuan Petroleum tahun 1974 yang beroperasi, yang berkuatkuasa pada 1 haribulan sepuluh 1974. Ini ialah untuk memenuhi *gap* yang mana undang-undang yang lepas tidak kata siapa yang mempunyai minyak. Sekarang kita kata pula minyak itu ialah kepunyaan Malaysia. Dia tidak kata kepunyaan Kerajaan Pusat, tidak dikata Kerajaan Malaysia oleh kerana tanah itu hak Kerajaan Malaysia, minyak yang ada di situ Kerajaan Malaysia. Dan Kerajaan Malaysia itu, saya suka *repeat* di sini bahawa ialah 13 buah negeri yang ada sekarang.

Kemudian kuasanya diberi kepada Kerajaan Persekutuan sebabnya kuasa diberi kepada Kerajaan Persekutuan inilah dengan sebab kita *federalisma. Federalisma* ini satu daripada sifat dia ialah pembahagian kuasa, iaitu kuasa mana yang dipunyai oleh Kerajaan Pusat dan kuasa mana yang dipunyai oleh Kerajaan Negeri. Mengikut Perlembagaan kita bahawa mengenai dasar lautan ini, *on-shore* dan *off shore* dan begitu juga *territory waters* ini ada sabit menyabit dengan perhubungan

luar negeri, perhubungan antarabangsa ataupun *International Law*. Jadi mengikut Perlembagaan kita hal-ehwal *International Law, international relation* hendaklah termasuk dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Pusat. Sekiranya *territory waters* kita dan sekiranya negeri kita ni di mana-mana tempat sahaja itu akan diserang oleh negeri-negeri yang tidak mengiktiraf *Continental Shaft Act* kita, siapa yang bertanggungjawab untuk nak *defence* atau nak menentang atau melindungkan negeri ini. Itupun diberi kepada Kerajaan Persekutuan kerana Kerajaan Persekutuan mempunyai askar, polis dan kita tidak ada apa-apa. Jadi inilah cara pembahagian, dengan sebab itulah kuasa itu diberi kepada Kerajaan Persekutuan. Tetapi hak dan kepunyaan tanah itu, kepunyaan benda yang ada di dalam tanah itu ialah Malaysia maknanya negeri-negeri dalam Persekutuan.

Mengenai dengan Akta tadi, Akta Kemajuan Petroleum di bawah Seksyen 2, terang-terang dia kata kepunyaan minyak itu ialah Malaysia. Kemudian Malaysia ini, kepunyaan itu akan diserah kepada satu syarikat, pada masa itu belum lagi tubuh syarikat, satu syarikat yang akan ditubuhkan di bawah *Company Act*, Akta Syarikat 1965. Kemudian, Akta Syarikat itu apabila ditubuh akan mendapat hak kepunyaan itu apabila tiap-tiap buah negeri menyerahkan hak milik itu. Kemudian syarikat itu lain tidak ialah Petronas yang diperbadankan dalam tahun 74. Bila Syarikat Petronas diperbadankan jadi tiap-tiap buah negeri sudah membuat satu Suratcara yang ditandatangani oleh Ketua-ketua Negeri itu sendiri menyerahkan hak milik atau hak ketuanan minyak di dasar laut dan juga di darat, dan juga di bawah *territory waters* kepada Petronas. Kemudian sebagai balasan menerima pemberian ini, penyerahan ini bukan pemberian, penyerahan ini Petronas telah diwajibkan oleh Seksyen 4 Akta tadi, mengatakan sebagai balasan bahawa Petronas hendaklah membayar jumlah wang, dia tak sebut royalti dia tak sebut, wang ihsan dia tak sebut, yang disebut wang tunai kepada Kerajaan Persekutuan dan juga mana-mana kerajaan negeri berkenaan sebanyak jumlah yang dipersetujui di antara Petronas dan kerajaan-kerajaan yang berkenaan.

Kemudian apa yang sudah berlaku, apa makna kerajaan yang berkenaan? Kerajaan yang berkenaan tidak lain dan tidak lagi bezanya ialah kerajaan yang mana minyak didapati. Jadi dengan sebab itu Negeri Terengganu ada satu perjanjian yang ditandatangani pada 22 Mac tahun '75 yang menyatakan yang ditandatangani oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada masa itu mewakili Negeri Terengganu dan juga bagi pihak Petronas ditandatangani oleh Yang Amat Mulia Tengku Razaleigh Hamzah sebagai Presiden dan *Chief Executive* Petronas. Dalam perjanjian itu, saya cakap *out of memory* saya tak nak ikut panjang sangat, lambat sangat cakapnya ... dalam perjanjian itu disebut terang-terang Petronas sebagai menerima ... sebagai balasan menerima hak milik minyak ini adalah diwajibkan mengikut Seksyen 4 dan juga perjanjian itu membayar lima persen daripada jumlah minyak yang diperolehi di Negeri Terengganu dan dijual. Kemudian ada satu lagi perjanjian dengan secara surat menyurat iaitu bertarikh pada 16 haribulan September tahun 1987. Ini surat mengenai cara menghitung lima persen tadi, cara menghitungnya ialah mengikut harga FOB. Jadi, mungkin tarikh tadi saya kurang tepat kalau tidak tepat boleh dibetulkan. Jadi dengan sebab itulah ... ya tarikhnya ialah 16 September tahun 1987, surat itu ditulis oleh Tan Sri Abdullah bin Mohd Salleh masa itu ialah Presiden Petronas dan ditandatangani oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dahulu. Jadi di sini jelas tidak ada diungkit-ungkit lagi, hak milik lima persen ialah hak royalti kerana royalti itu dibayar di bawah Akta *Petroleum Development Act* dan juga di bawah undang-undang ini. Dalam *agreement* dalam surat bertarikh 16 haribulan September tahun 1987 itu disebut terang-terang royalty. Tajuk surat ini disebutkan *Computation of Royalty Payment to the Government of the State of Terengganu by Petronas for the Production of Petroleum*. Ini jelas royalti.

Di sini saya suka memberi sedikit keterangan mengenai dengan royalti. Apa itu royalti? Kerajaan sekarang telah mengubah perkataan royalti, Kerajaan Pusat telah mengubah perkataan royalti itu kepada perkataan ihsan. Dia amat berbeza di antara keduanya. Royalti ialah satu bayaran yang wajib dibayar pada tuan yang empunya harta oleh orang yang menerima harta. Biasanya dalam amalan perdagangan iaitu dalam bahasa Inggeris dia panggil *commerce usage*, bayaran ini selalunya dibuat oleh syarikat-syarikat minyak kepada negeri-negeri atau negara-negara yang memberi *concession* minyak kepada syarikat minyak itu. Dan juga royalti dibayar juga oleh pencipta-pencipta muzik, pengarang-pengarang buku dan makalah dan sebagainya kerana dia ada hak *intellectual property*, itu hak pengarang dan pencipta itu orang yang mengguna hak-hak itu mesti membayar. Bayaran itu dipanggil royalti. Jadi bersangkut dengan hak yang bersangkut dengan harta. Ihsan bukannya satu pemberian, bukannya satu bayaran yang wajib itu satu bayaran yang dikatakan *discussion, optional* ataupun sukarela. Jikalau orang yang nak bayar tu kata nak membayar dia boleh bayar, bila dia nak bayar dia boleh buat sedemikian, berapa dia nak bayar pun dia boleh bayar. Jadi tidak ada kewajipan kepada dia, cuma tinggal atas dia saja.

Jadi, berkenaan dengan pembayaran wang ihsan daripada Kerajaan Malaysia, Kerajaan Pusat telah mengubah konsep istilah royalti kepada ihsan ini, ini adalah satu perbuatan yang *unilateral,* yang sebelah saja tidak memberi apa-apa ... inilah yang dikatakan pencabulan yang dikatakan oleh usul ini. Kerana apa, jikalau hak itu kepunyaan Terengganu yang mempunyai lima persen macam mana pula Kerajaan Persekutuan yang tidak kena mengena dengan minyak ini, dengan royalti ini boleh dengan tidak beritahu kepada Kerajaan Terengganu, boleh dengan tidak minta apa-apa alasan daripada Kerajaan Terengganu atau minta supaya tunjuk sebab kenapa lima persen ini dipindah daripada Kerajaan Terengganu kepada Kerajaan Pusat. Ini adalah satu penindasan yang amat besar sebagaimana yang disebutkan ataupun ditonjolkan oleh usul tergempar ini.

Jadi, di sini sudah jelas, ahli pembangkang telah mengatakan sudahkah kita menerima kaedah-kaedah baru ni? Apa guna kita nak menanti kaedah-kaedah baru ni diterima, setakat mana yang kita kaji daripada kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan pada 5 September, ini sudah jelas mereka sudah *hijack* lima persen kepada dia. Kalau ini tidak nama merampas, apa namanya? Kemudian sudahlah itu, dia kata diambil lima persen dia nak bagi kepada ... nak salurkan kepada JPP. Dan apa ini JPP? JPP ini dia kata Jawatankuasa Peringkat Pusat. Kemudian Jawatankuasa Peringkat Pusat itu akan menentukan apa-apa projek yang akan disalurkan atau diberikan wang tadi. Dia ubah nama ... lepas dia *hijack* wang itu dia namakan ihsan. Jadi, maknanya yang sebenarnya kepada kitalah itu bukan wang ihsan, itu wang penalti, wang azab dengan sebab apa, sebab Negeri Terengganu ini diperintah oleh sebuah kerajaan yang mempunyai dasar berlainan daripada dasar mereka. Itu saja bukan apa. Kita boleh pandang dengan senang saja bahawa ini bukannya wang ihsan bahkan ini wang *punishment* atau wang penalti sebab kita mempunyai dasar yang berlainan dengan dasar mereka.

Selain daripada itu JPP, dia kata ini pelantikan JPP nak menggunakan wang untuk disalurkan kepada rakyat-rakyat Negeri Terengganu, ini sudah melanggar prinsip *federalisma.* Kerana *federalisma* tiap-tiap buah negeri mempunyai kuasa masing-masing, *federation* Kerajaan Pusat ada kuasa masing-masing, tiap-tiap kuasa itu mesti mutlak atau *sovereign* katanya, dalam bahasa Inggeris katanya *every state is sovereign in his own right and the federal government is sovereign in his own right.* Jadi, kuasa hak minyak, kuasa mentadbir kepunyaan Negeri Terengganu dan juga negeri lain masing-masing, dia mentadbir negeri dia, kita mentadbir negeri kita. Kita mentadbirkan

Negeri Terengganu, Kerajaan Pusat dia mentadbirkan kuasa-kuasa yang diberi kepada dia oleh Perlembagaan. Jadi di antara kuasa-kuasa mentadbir itu ialah menentukan apa-apa projek yang ada dalam Negeri Terengganu. Jadi bagaimana pula Kerajaan Pusat akan menentukan projek-projek ini kerana itu kuasa Kerajaan Negeri Terengganu. Kemudian, dia kata sini nak gunakan wang itu untuk baiki jalan, jalan kampung, jalan luar bandar, jalan bandar dan nak beri itu, nak beri ini. Nak beri melalui siapa dia? Beri kepada JPP, JPP nak beri kepada siapa? Nak beri kepada siapa, misal Mr. A, Mr. A tu siapa? Dia mesti kepada kerajaan. Jikalau dia buat macam itu seolah-olah Kerajaan Terengganu ini sudah dijadi koditarkan. Jadi kerajaan ni tidak ada berfungsi langsung, macam mana dia nak bagi. Itu saya tertanya-tanya.

Jikalau sedemikian rupanya inilah *clearly case* of ... merampas kuasa kerajaan dan mengenepikan kerajaan yang ada. Itulah dia yang sebenarnya sudah berlaku. Jadi tak payahlah kita nak menanti mekanisma, *mechanisma* macam mana dia nak agihkan wang itu melalui JPP. JPP sendiripun akan bertanya kepada ... mendapat kelalusan daripada Kerajaan *Federal* sebagaimana yang saya baca dalam kenyataan *Ministry of Finance*. Kemudian daripada JPP mesti ada peringkat apa ... peringkat negeri, siapa itu peringkat negeri? Selepas peringkat negeri ke mana pergi, peringkat kampung. Ini Negeri Terengganu kenapa tidak buat negeri lain macam itu. Jadi, dia buat semacam itu Negeri Terengganu ini dah dianggapkan sebagai satu *colony* saja oleh Kuala Lumpur, sebagai negeri yang dijajah bukannya sebagai negeri yang berdaulat, merdeka dalam Persekutuan Malaysia bukannya begitu. Jadi, ini sudah terang-terang salah.

Saya ingat sudah cukup saya bercakap mengenai dengan hal minyak tapi saya nak *develop* sedikit mengenai dengan *federlisma* tadi. *Federalisma* di dalam *federalisma*, konsep *federalisma* yang utama sekali mestilah ada perjanjian di antara kerajaan-kerajaan negeri yang mana mereka itu bersetuju mengadakan satu Kerajaan Pusat, mengadakan satu perjanjian, mengadakan satu negara yang bersekutu. Sebelum daripada Persekutuan tidak ada lagi *federation* tidak ada lagi Kerajaan Pusat, jadi ramai-ramai negeri tu bersetuju mengadakan satu *federation*, ada negeri dulu baru ada Kerajaan Federal. Jadi kalau tidak ada negeri tidak akan ada Kerajaan Federal. Nak *federal* dengan siapa, kita tidak akan mengadakan keluarga jikalau kita tidak ada *husband and wife*. Itu hakikat yang sebenarnya, tapi *federation* kita ni mengikut *history* telah di*impose*kan ataupun diletakkan oleh Kerajaan British. Kerajaan British mula-mula sekali dia buat *federation* ialah mengandungi empat buah negeri ... Selangor, Negeri Sembilan, Pahang dan Perak, itu ditubuhkan 1895. Itu dipanggilkan *Federated Malay States*. Kemudian pada tahun 1948 untuk nak menyelesaikan masalah-masalah yang ditinggalkan kesan oleh pemerintahan Jepun dahulu dan pada masa itu banyak orang yang nak mengelokkan pentadbiran negeri, langsung Kerajaan British buat satu lagi *federation* dinamakan *Federation of Malaya*. Jadi ini semuanya di*impose* oleh British bukan negeri-negeri yang berkehendak yang sebenarnya. Kemudian bila dah habis itu tahun 1957 kita merdeka, British kata kalau nak merdeka engkau kena buat semacam ini. Jadi itulah *Federation* yang dibuat yang ada sekarang, *federation* yang ada sekarang tahun 1957 diperluaskan lagi masuk tiga buah negeri Sabah, Sarawak dan Singapura. Tetapi malangnya Singapura tidak bersama dengan kita begitu lama kerana tahun 1965, Singapura telah keluar daripada *Federation* of Malaysia. Jadi, cara *federation* kita ini ialah membahagikan kuasa boleh katakan semua kuasa-kuasa yang dipunyai oleh negeri itu jikalau dia tidak masuk dalam *federation* diserahkan kepada Kerajaan Pusat kerana dia nak membesarkan Kerajaan Pusat. Jadi kerajaan negeri hanyalah tinggal kuasa-kuasa yang sedikit sangat iaitu seperti tanah, hutan dan Kerajaan Tempatan, bandaran dan macam-macam, sikit-sikit kalau dibaca di sini.

Jadi dengan sebab itu bolehlah kita katakan sebagai habuan, sebagai *consideration* balasan Kerajaan-kerajaan Negeri menyerahkan segala kuasa-kuasa ini diwajibkan kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Pusat memberi layanan kepada Kerajaan Negeri dengan layanan yang sama, *equality before the law and the equal protection.* Jadi tiap-tiap buah negeri berhak menerima layanan yang sama bukannya berbeza-beza. Ini dia layan Terengganu lagu lain, dia layankan Negeri Sabah dan Sarawak lagu lain. Ini apa maknanya? Kemudian dahlah itu, selain diwajibkan juga sebagai balasan Pusat mesti membayar balik wang kerajaan negeri masing-masing, dia panggil dua jenis geran *Constitution Grant*, pemberian dari pelbagai. Ini bukan pemberian ini hak, cuma dia panggil geran saja. Dia tak kata hadiah, *that is our right*, yang rightnya apa? Dua geran, satu dipanggil *Capitation Grant* iaitu pemberian hak mengikut ramai mana penduduk-penduduk dalam sebuah negeri dan yang keduanya, satu geran lagi yang dipanggil *Road Grant* iaitu sejauh mana jalan yang ada di Negeri Terengganu ada, berapa kilometer, berapa batu dan sebagainya. Itu ada formula dia yang tertentu. Itu hak kita. Saya tidak tahulah berapa banyak Negeri Terengganu ini berhak menerima geran-geran ini kerana Pegawai Kewangan kita ada di sini, mungkin *around about* RM100 juta ataupun lebih daripada RM100 juta. Tapi itupun saya diberitahu bahawa Kerajaan Pusat sengaja melengah-lengahkan bahkan tidak bayar lagi pun *capitation grant* tu. Kenapa negeri lain dia bayar negeri ini ... begitu juga dibuat kepada Kelantan. *We are entitle to equal treatment* tapi tidak diberi. Ini salah satu daripada cara penindasan oleh Kerajaan Persekutuan oleh sebab kita mempunyai dasar yang berlainan. Kita dipilih oleh rakyat, dia pun dia dipilih oleh rakyat tapi kita membuat dasar yang berlainan. Jikalau mereka tidak senang pada dasar kita dia boleh berpolitik dan meminta rakyat menjatuhkan kita dengan secara demokrasi dengan melalui peti-peti undi. Nantilah dulu ... nanti dulu.

Tujuan dia buat semacam ini kerana nak mengeringkan wang di Terengganu ini, tak boleh bayar gaji orang, buat itu, buat ini tak boleh supaya kita boleh mati terkangkang supaya apa, kita serahkan kuasa ni kepada dia. Itu tujuan dia.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakil Jertih, saya berhasrat untuk menangguhkan Dewan ini pada tepat 1.30.

YANG BERHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Kalau boleh dalam 15 minit. Pasal apa, jikalau tidak bagi 15 minit mungkin saya balik terlupa terpaksa panjang balik. Saya minta juga 15 minit.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Masa tidak mengizinkan begitu lama, sila simpulkan. Kalau nak berucap lagi kita boleh sambung selepas 2.30 saya beri peluang.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Jertih dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga tuan-tuan dan puan-puan, dan saya tangguhkan Dewan ini kepada jam 2.30 petang nanti. Dan sehingga itu marilah sama-sama kita membaca *tasbih khifarak dan surahtul Ashr'.*

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.30 PETANG.

12 September 2000

PUKUL 2.30 PETANG

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan pegawai-pegawai marilah sama-sama kita menyambung semula sidang pada hari ini dengan sama-sama membaca Umul Quran – AL-FATIHAH.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan tadi telah ditangguhkan dalam perkara perbahasan mengenai dengan usul yang berkaitan dengan royalti petroleum dan ditangguhkan pada ketika Yang Berhormat Wakil daripada Jertih membuat ucapan penggulungan, dan sekarang ini saya masih lagi buka dan beri peluang kepada Yang Berhormat untuk meneruskan ucapan. Silakan –

YANG BERHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

Terima kasih Yang Dipertua, saya sekarang akan teruskan perbahasan saya mengenai *federalisma* dan demokrasi. Tadi saya sedang bercakap mengenai *federalisma* tapi sebelum itu saya nak sebutkan sedikit ... nak undur ke belakang sedikit, nak tambah sedikit berkenaan dengan royalti tadi. Saya sudah beri penjelasan makna royalti dalam segi undang-undang dan makna ihsan juga dari segi undang-undang. Sekadar ihsan itu diberikan ... dibarutkan dengan bahasa Arab dinamakan ihsan tapi sebenarnya bahasa Melayu belas kasihan, nak memperelokkan ... nak bunyi sedap dia panggil 'ihsan', yang sebenarnya itu sedekah, katanya.

Kemudian berkenaan dengan royalti ini saya nak tambah lagi satu, iaitu cara Petronas nak mendapatkan wang sepuluh persen nak diagihkan di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri-negeri yang berkenaan. Petronas sudah membuat perjanjian dengan kontraktor-kontraktor dia, salah satu kontraktor ialah Esso dan satu perjanjian telah dibuat pada tahun 1976. Dalam perjanjian itu Esso akan beri royalti kepada Petronas sebanyak sepuluh persen untuk diagihkan di antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan yang berkenaan. Jadi di sini tidak boleh dipertikaikan lagi bahawa perkataan 'royalti' itu ialah satu bayaran yang wajib ini bukannya satu bayaran yang dikatakan pemberian ihsan, tidak. Ini *is the legal obligation, is the right and duty of the party to contract.*

Kemudian saya nak kembali semula kepada *federalisma*. Dalam usul kita tadi kita mengatakan bahawa ada pencabulan dengan *federalisma* tadi baru saja saya sentuh mengenai dengan apa itu *federalisma*. Jadi di antara konsep-konsep *federalisma* itu, saya kata tadi mengenai dengan pembahagian kuasa. Pembahagian kuasa itu telah dicatatkan di dalam Perlembagaan kita dipanggil Senarai 1, Senarai 2 dan Senarai 3. Kemudian mengenai dengan konsep dia sebenarnya tiap-tiap buah negeri dalam Persekutuan itu *sovereign* iaitu berdaulat dan tiap-tiap buah negeri itu boleh menjalankan dan berhak menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Perlembagaan dengan tidak boleh di*interfere*kan oleh Kerajaan Persekutuan. Begitulah juga Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa-kuasa yang tertentu dalam Perlembagaan dan dia juga *sovereign* mengenai apa yang tersebut dalam itu.

Di sini saya suka menyebut *Article* 80 Fasal 1 mengenai dengan pembahagian kuasa memerintah *executive powers*. Di sini dia katakan, kuasa pemerintah bagi *federation* ialah terkandung di dalam

perkara yang disebutkan dalam senarai Persekutuan dan kuasa pemerintah bagi Kerajaan Negeri, Negeri Terengganu ke ... Negeri mana ke ialah termasuk dalam perkara-perkara, yang terkandung dalam senarai Negeri. Kemudian ada pula disebutnya di sini kuasa memerintah Kerajaan Pusat tidak boleh melampaui atau mencerobohi kuasa-kuasa yang diperoleh oleh Kerajaan Negeri. Inilah yang disebutkan dalam *Article 80 Clause 2.* Jadi masing-masing mempunyai kuasa sendiri dan bukannya boleh mengarahi atau memerintah, sekadarkan ada dua tempat saja yang boleh dibuat begitu iaitu dalam kuasa bersama. Dalam juga jikalau sekiranya Kerajaan Persekutuan nak mendapatkan maklumat-maklumat bagaimanakah Kerajaan Negeri itu menjalankan tugas dia, dia boleh mengarahkan di bawah Article 95, memberi kuasa kepada pegawai dia pergi mendapatkan kenyataan pada Kerajaan Negeri. Jadi ini jelas Kerajaan Negeri tu bukannya duduk di bawah Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Pusat; Kerajaan Negeri mempunyai kuasa yang *sovereign*, yang berdaulat kerana dia pun merdeka, sama-sama merdeka tapi masing-masing menjalankan peranannya sendiri. Jadi dengan sebab Kerajaan Persekutuan mengubahkan nama 'royalti' kepada 'ihsan' dengan tidak mendapat persetujuan daripada Kerajaan Negeri dan tidakpun berbincang dengan Kerajaan Negeri, dan tidakpun meminta Kerajaan Negeri memberi sebab mengapa wang royalti ini patut ditukar kepada ihsan, ini bermakna Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Pusat sudah mencabuli hak kedudukan Kerajaan Negeri Terengganu di dalam Persekutuan Malaysia. Ini jelas.

Kemudian dia kata, wang ini nak diagih-agihkan mengikut senarai ataupun projek-projek yang *identify* kenal pasti oleh Jawatankuasa Peringkat Pusat, ini seolah-olah Kerajaan Persekutuan membentuk satu Kerajaan Negeri di Kuala Lumpur untuk menjalankan, untuk mentadbirkan Negeri Terengganu. Inipun sudah terang dan nyata bahawa Kerajaan Pusat telah mencerobohi Perlembagaan Malaysia yang dia kata dia dokong Perlembagaan Malaysia.

Jadi setakat itu mungkin saya cakap, kalau nak panjangkan boleh panjang lagi tapi tak guna lagi dah, saya ingat *the point has been established.*

Kemudian saya pergi kepada pencabulan demokrasi. Salah satu daripada sifat-sifat, elemen ... salah satu daripada prinsip *Federal Constitution* ini ialah demokrasi. Apa itu demokrasi? Dengan secara ringkas saya sebut di sini demokrasi ialah satu kerajaan yang berpandukan kepada undang-undang, yang dikatakan *rule of law.* Jadi tiap-tiap rule of law ini, tiap-tiap undang-undang itu mestilah dipatuhi bukannya dikoyak dengan sewenang-wenangnya. Dengan sebab itulah saya kata, saya buat di sini dakwaan bahawa menukarkan perkataan 'royalti' kepada 'ihsan' mengakibatkan *deprivation of right* penafian hak yang dipunyai oleh Kerajaan Negeri, maknanya diambil hak itu ... merampas betulah itu cakap 'merampas', ambilkan hak Kerajaan Negeri beri kepada Kerajaan Persekutuan, yang Kerajaan Persekutuan langsung tidak ada mempunyai ... Jadi kalau nak buat begitu mesti mengikut undang-undang dan tidak ada undang-undang memberikan kuasa kepada sesiapa bahkan kepada kerajaan sekalipun untuk nak membatalkan perjanjian yang dibuat oleh mana-mana pihak. Di sini sudah jelas ada bukti yang menyatakan ada pencerobohan konsep demokrasi.

Kemudian di dalam ucapan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat daripada pihak-pihak pembangkang tadi, kenapa kita tidak bawa ke mahkamah. Betul, mahkamah itu ialah satu daripada prinsip Perlembagaan kita dalam demokrasi tetapi konsepnya ialah *independent of the judiciary, judiciary* itu mesti bebas, badan kehakiman itu mesti bebas. Jadi di sini jikalau saya sendiri kena dibuang, dipecat pada tahun 1987 dengan tidak ada sebab bolehkah kita percaya bahawa badan kehakiman itu bebas. Dan jikalau sekiranya sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat

Bandar tadi Dato' Seri Anwar dibicarakan, disalahkan dan dihukumkan dengan tidak ada bukti-bukti nyata bahkan sebaliknya pula itupun dipenjarakan, bolehkah lagi ... patutkah kita akan bawa perkara ini ke mahkamah.

Dan lagi kita kata mengenai dengan ... banyak saya tengok perkembangan dan perubahan dalam Perlembagaan Malaysia, misalannya seperti program kerajaan menghapuskan *immunity* Raja-Raja pada tahun 1990 ke ... 95 begitulah. Itupun persetujuan yang didapat daripada Raja-Raja Melayu, dia dapatnya secara paksa dan secara tidak betul, itunya semua sudah menyalahi Perlembagaan. Tapi di manakah kita? Berapa banyakkah lagi Perlembagaan yang tinggal di sini, semuanya sudah dikoyak-koyakkan. Jadi di sini, mereka mengambil Perlembagaan hanyalah bila ada Perlembagaan itu untuk nikmat dia, kebajikan dia tapi jikalau untuk tidak memberi kepentingan kepada dia, dia tidak endahkan kepada Perlembagaan. Contohnya, sebagaimana kita kata hari ini wang royalti yang patut dibayar kepada Kerajaan Negeri Terengganu sudah dialih kepada orang lain, tak kena mengena pun kepada orang lain. Kerana apa? Kerana banyak negeri-negeri yang lain sudah bising-bising minta wang itu supaya dibagi kepada mereka, tapi itupun memang tidak betul. Sekiranya Negeri Pahang mempunyai *continental shaft* atau *continental shaft* itu ada juga minyak, Negeri Pahang tentu berhak mendapat daripada Petronas. Begitu juga Negeri Johor dan negeri-negeri lain. Tetapi kenapakah Petronas tidak dipaksa oleh Kerajaan Persekutuan untuk mencari gali minyak di pelantar laut Negeri Pahang dan di Negeri Johor sebaliknya Petronas pergi ke Vietnam, dan pergi ke Sudan dan pergi ke Iran untuk nak memperluaskan perdagangan dia dan pekerjaan dia. Kerana apa? Bukannya dengan sebab Negeri Terengganu bahkan dengan sebab Petronas satu syarikat gergasi yang besar dia tentu nak mencari tempat-tempat yang dia boleh beroperasi dan mendapat faedah. Jadi jikalau negeri-negeri lain tidak mendapat minyak kenapa negeri-negeri lain sudah naik dengki kepada Kerajaan Negeri Terengganu.

Dan begitu juga saya dapati ... saya difaham bahawa di Kelantan banyak berjumpa gas dan juga ada sumber-sumber petroleum tetapi kenapa tidak dinaikkan gas itu melalui Negeri Kelantan, pantainya ada ... Bachok ke, Semerak ke boleh tetapi tidak dibawanya paip, ada *submarine* nak pergi ke Patani ... nak balik nak pergi kepada Pantai Barat Malaysia. Kenapa tidak boleh diberi kepada Negeri Kelantan. Ini jelas bahawa ada pencabulan hak, ada pencabulan demokrasi dan *federalisma*.

Jadi di sini juga saya sikit suka menyentuh beberapa *point* yang dibuat oleh siaran akhbar keluaran Kementerian Kewangan Malaysia. Saya nak *refer* kepada perenggan 8, dia kata: Sejak tahun 1978 lagi kerajaan melalui Petronas telah mengagihkan pemberian ihsan kepada Negeri Terengganu. Ini adalah ekoran dari keputusan Allahyarham Tun Abd. Razak pada tahun 74, agar Terengganu diberi wang ihsan memandangkan kedudukannya negeri termiskin. Kini Negeri Terengganu bukan lagi negeri termiskin berikutan program-program pembangunan yang dibawa oleh Kerajaan Barisan Nasional. Jadi dia kata, maknanya Tun Razak membuat keputusan supaya wang royalti, saya gunakan royalti biar dia gunakan ihsan tapi kita gunakan wang royalti, itu diberi kepada Negeri Terengganu kerana Negeri Terengganu itu termiskin.

Dua perkara di sini, yang pertama saya nak sebut di sini betulkah anggapan bahawa Tun Razak memberi royalti kepada Negeri Terengganu, membuat keputusan memberi royalti kepada Negeri Terengganu dengan sebab Negeri Terengganu termiskin. Tidak ada bukti langsung mengenai dengan hal ini. Jadi kalau kita buat begitu seolah-olah kita sudah membuat satu anggapan yang berlawanan, yang tidak baik kepada Tun Abd. Razak. Tun Abd. Razak ini adalah satu manusia, satu orang yang tinggi hemah dia dan penuh dengan keadilan. Dia buat keputusan itu diapun tak

kata kepada Negeri Terengganu, cuba tengok seksyen 4 Akta Kemajuan Petroleum, dia tak kata Negeri Terengganu, dia tak kata Negeri Sabah, dia tak kata Negeri Sarawak, yang dia katanya: Petronas hendaklah membayar kepada negeri-negeri yang berkenaan. Negeri berkenaan apa? Maknanya negeri berkenaan negeri yang mana minyak akan dijumpai. Tapi dengan takdir Allah s.w.t. negeri-negeri lain di Semenanjung tidak dapat minyak, tak dijumpai minyak hanyalah Negeri Terengganu saja. Itu bukan kehendak Tun Razak, kalau Tun Razak kata beri ke Negeri Terengganu kalau dia tahu kerana pada masa itu minyak belum didapati lagi. Jikalau betul Tun Razak nak beri kepada Negeri Terengganu dengan sebab Negeri Terengganu negeri termiskin, tentu Tun Razak berkata beri kepada Negeri Terengganu, tulis betul-betul beri kepada Negeri Terengganu. Tak sebut kepada negeri-negeri yang berkenaan. Tapi dengan takdir Allah, Negeri Terengganu dapat minyak, Negeri Pahang, Johor dan lain-lain lagi tak dapat minyak ... Kelantan pun dapat minyak lagi tapi sekarang sudah dapat minyak, tapi usahalah, kalau usaha mungkin dapat. Jadi tidaklah betul anggapan mengatakan Tun Abd. Razak telah membuat keputusan semata-mata nak menolong Negeri Terengganu. Yang pertama, Negeri Terengganu tidak disebut dalam Akta, yang kedua minyak belum diketahui pada masa itu.

Kemudian satu lagi berkenaan Negeri Terengganu miskin pada masa itu, sekarang pun miskin juga. Bukannya Negeri Terengganu kaya tidak, Negeri Terengganu miskin. Cuba pergi ke Kelantan, sungguhpun Kerajaan Kelantan tidak kaya tetapi kita tengok orang Kelantan kaya. Tengok pada rumah dia saja tepi jalan kalau kita pergi, rumah dia cantik-cantik, rumah batu besar-besar. Tapi kalau kita pergi di Terengganu rumah orang kampung kita robek-robek, ada yang buat daripada zink, ada yang buat daripada pelupuh. Jadi Negeri Terengganu memangnya negeri yang dahulupun miskin dan sekarang pun *continue to be* miskin.

Jadi betul saya dapati bahawa ... saya buat belajar sedikit itu hari, saya buat siasat sedikit, Negeri Terengganu betul banyak dapat royalti daripada Petronas semenjak tahun 1978 berjumlah sebanyak RM7 bilion. Tetapi ke manakah perginya wang ini? Tidak dibelanja betul-betul. Jadi di sini wang ini kita dapati di sini, dibayar kepada Tabung Amanah Warisan sebanyak RM697 milion sampai sekarang tetapi tabung itu kering. Ke mana? Kita menerima, kita menerima pesaka dia kering. Jadi ke mana wang itu pergi, pada hal wang ... ke mana pergi ... belanja serba serbi. Kemudian kerajaan membelanjakan wang kepada royalti tadi untuk meng*invest*kan, untuk melaburkan dalam beberapa kompani, dalam *share*, *stock and share* dan bermacam-macam lagi. Di sini saya cuba *pick out* beberapa kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan Terengganu. Kerajaan Terengganu telah rugi dalam Perwaja saja sebanyak RM672 juta lebih kurang, itu ialah *represent* sebanyak 19 persen daripada *share* yang dipegang oleh Kerajaan Terengganu. Tapi jumlah kerugian Perwaja semua sekali ialah RM3.6 bilion. Jadi isu Perwaja ini amat sensitif kepada Kerajaan Pusat, kalau sebut Perwaja memanglah dia tak suka. Sehinggakan satu masa dulu saya ingat, pada masa sebelum pilihan raya dulu ada satu Ahli Yang Berhormat, MP Dungun bertanya ... soal dalam Parlimen kemudian selepas itu berjumpa dengan saya, dia kata dia dah tak boleh cakap lagi, dia kena marah. Kemudian yang kerugian dalam Gunawan Steel saja yang ditanggung oleh Kerajaan Terengganu ialah sebanyak RM100 milion. Dan sebagai tambahan Kerajaan Terengganu sudah membuat gerenti kepada bank dan tanggungan itu ialah sebanyak RM350 juta, jadi jumlah semua sekali RM450 juta. Kemudian *losess,* kerugian yang ditanggung oleh anak-anak syarikat yang bertabur, tidaklah dikira, di sana RM2 milion, di sini RM3 milion, di sini RM2 milion, di sini RM20 milion, di sini RM5 milion tak payah saya senarai di sini, tapi walhasilnya semua wang ini dibelanjakan selain daripada apa yang dibayar gaji untuk pengurusan, pegawai-pegawai kerajaan,

kakitangan dan agensi-agensi kerajaan, itu saja. Tapi manakah wang ini? Jadi adakah maknanya Negeri Terengganu ini kaya? Terengganu tidak kaya.

Siapakah yang akan mendapat nikmat-nikmat daripada wang yang dibelanjakan oleh Kerajaan Terengganu daripada petroleum tadi. Ini semua kita tahu, kita boleh anggaplah ... jadi jikalau dikata dengan Negeri Terengganu sudah kaya dengan sebab itu dia nak alihkan royalti itu diberi kepada Kerajaan Pusat, Kerajaan Pusat ambil nak beri balik kepada Kerajaan Terengganu. Tetapi kepada siapakah nak beri kepada Kerajaan Terengganu, nak beri kepada rakyat Terengganu. Siapa itu rakyat Terengganu? Bagaimana dia nak beri? Jikalau dia buat itu ialah fungsi kerajaan, fungsi kerajaan tu siapa? Pentadbiran bagi Negeri Terengganu. Kalau dia buat itu memang menyalahi Perlembagaan, itupun sudah jadi menyalah *federalisma*. Misalan dia kata, dalam senarai-senarai projek yang dia kata dia akan gunakan wang tadi, projek-projek infrastruktur, sosial dan kebajikan, pembinaan jalan luar bandar dan kampung, bekalan air dan elektrik, perumahan kos rendah untuk para nelayan dan rakyat miskin, pinjaman untuk membeli bot-bot nelayan dan alat penangkapan ikan, memberi pinjaman biasiswa dan persekolahan, memberi peruntukan ke KUSZA, TATI dan 11 buah sekolah menangah dan yang kesembilannya, mana-mana projek yang akan disenaraikan oleh JPP, Jawatankuasa Peringkat Pusat. Jadi ini semua tanggungjawab Kerajaan Negeri, ini semua hak Kerajaan Negeri di bawah *machinery of government* memerintah negeri sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Malaysia dan juga mengenai hal ehwal Kerajaan Tempatan. Jadi macam mana dia macam ini, jikalau dia buat macam ini memang tak boleh pergi. Kemudian nak minta kita kerjasama, dia nak minta kerjasama adakah dia panggil kita berbincang sebelum dia keluarkan ini *statement*, tidak. Jadi ini jelaslah ini perkara koditar semata-mata untuk nak menjatuhkan Kerajaan Terengganu yang ada sekarang bukannya secara *election* dengan secara undi tapi dengan secara men*deny*kan, menafikan hak kerajaan dan menafikan hak yang sudah termaktub di dalam undang-undang.

Tuan Yang Dipertua, tadi ada satu isu yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak pembangkang iaitu mengenai dengan kedudukan pegawai-pegawai kerajaan. Mereka telah menuduh kita sebagai bersifat tidak adil kerana menukar pegawai di situ, menukar pegawai di sini dan sebagainya. Dengan tujuannya itu beralasan kepada politik. Yang sebenar tidak. Pegawai-pegawai kerajaan ini ialah duduk di bawah pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu bukan di bawah barisan Exco. Exco tidak langsung mahu tahu ini bahkan pada mula-mula saya menjawat jawatan Exco ini saya bercakap beberapa kali kepada pegawai-pegawai, saya kata: pegawai-pegawai mestilah *neutral* dalam hal ehwal politik kerana apa, itulah salah satu daripada ciri-ciri Perlembagaan Malaysia dan demokrasi bahawa pegawai-pegawai kerajaan, kakitangan daripada serendah-rendah sampai ke atas jangan sekali-kali campur politik. Jikalau mereka campur politik mereka juga yang akan rugi, di sinilah jadi pecah belah kerana kita anggapkan cara pemerintahan ini ialah kerajaan, Exco boleh pergi Exco lain boleh masuk. Sekarang PAS memerintah, dulu UMNO memerintah kemudian mungkin akan datang jikalau Tuhan nak beri kepada mereka. UMNO pula boleh masuk tapi kita haraplah kita boleh *continue*.

Jadi dengan sebab itu ditulis dalam Perlembagaan bahawa mengenai hal *civil service* diletak di bawah satu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam baikpun di peringakt negeri dan juga di peringkat Persekutuan. Jadi orang politik tak campur langsung dalam hal ini, tak kena mengena. Dan juga pegawai-pegawai ini tertakluk kepada *General Order*, *General Order* tidak membenarkan mereka ini berkecimpung dalam politik tapi banyaknya mereka ini masuk politik setengah-setengahnya memegang Ketua Cawangan bagi parti UMNO, tapi PAS saya tak tahulah saya harap tidak ada

jikalau ada patut mereka berhenti. Saya tidak masuk belah mana-mana, sifat saya *neutral*, saya berdiri di atas prinsip keadilan, undang-undang kata: *civil service* iaitu kakitangan kerajaan mestilah *neutral*. Tetapi oleh kerana kadang-kadang pegawai kerajaan sendiripun bersalah dia nak naik pangkat deras, dia buat baik dengan orang politik, yang berkuasa dalam politik boleh naikkan orang yang bawah. Misal yang besar sekali Dato' Senara Muda berapa kali dia telah dilompat-lompat kepala oleh orang lain. Itulah dia ... sepatutnya tidak begitu. Tetapi jikalau mereka terpaksa kena berhenti ialah kerana sebab mereka sendiri telah menjadi contoh yang mereka itu masuk sebelah dan berat sebelah, jikalau mereka berat sebelah bolehkah kerajaan yang ada itu menaruh kepercayaan. Kita nak menjalankan tugas kita, kita nak menjalankan dasar kita tapi jikalau ada pegawai-pegawai itu bersifat tidak berkecuali dan tidak nak mematuhkan apa arahan kerajaan yang ada, kerajaan *of the day*, kerajaan pada masa itu, wajib bagi pegawai itu berhenti dan tak boleh komplain. Tapi jikalau dia mengubah sikap tidak mengapa. Itu pendirian saya kerana Perlembagaan kata begitu.

Jadi buat setakat ini saya kembali, saya buat rumusan apa yang saya cakap tadi ... saya ada di sini 9 *point* semua sekali:

1. Kepunyaan atau milik dasar lautan ialah bagi negeri-negeri dalam Persekutuan Malaysia.

2. Tiap-tiap buah negeri mempunyai *territory waters* dan *continental shaft* sendiri.

3. Minyak yang ada di bawah *territory waters* dan *continental shaft* adalah kepunyaan negeri.

4. Kerajaan Pusat tidak mempunyai atau tidak memilik *territory waters* dan *continental shaft* dan minyak di atasnya tidak kepunyaan mereka.

5. Negeri-negeri berkenaan yang dikatakan di bawah seksyen 4, *Petroleum Development Act* itu ialah mana-mana negeri yang mana minyaknya dijumpai.

6. Kerajaan Terengganu mempunyai hak kepada royalti kerana minyak dijumpai di kawasan Negeri Terengganu.

7. Menukarkan istilah `royalti' kepada perkataan `ihsan' tidak boleh *legalize*, tidak boleh memberi sah kepada undang-undang kerana perbuatan itu ialah perubatan yang salah.

8. Menukarkan istilah tersebut dengan tidak ada persetujuan Kerajaan Negeri dan Petronas, dan tidak memberi langsung kepada Kerajaan Negeri untuk berbincang, peluang untuk menjawab inilah sebesar-besar pencabulan demokrasi *the greatest violation of the rule of law*.

9. Pelantikan JPP untuk mengenal pasti projek-projek yang akan dilangsungkan atau dijalankan di Negeri Terengganu inipun juga satu *violation* atau pencabulan bawah Article 80 (2) Perlembagaan Malaysia.

10. Jadi maknanya hak ini hak kita dan bukan hak mereka dan kenalah mereka itu beri balik kepada kita dan tidak teruskan perancangan mereka itu.

Kerana terang di sini jikalau kita nak mengadakan ... tadi disebutnya kita tidak ada perhubungan kita dengan Kerajaan Persekutuan. Yang sebenarnya kita ada, saya dapat tahu ... diberitahu oleh kawan-kawan saya, dia kata berapa kali nak jumpa Menteri-Menteri tetapi semua tidak berhasil, dia beri *date* tapi bila pergi Kuala Lumpur ... ditangguh-tangguhkan. Siapa yang membuat salah mengenai dengan perhubungan di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan. Kita cukup-cukup menghargai perhubungan yang baik tapi sengaja mereka buat menyusah tidak nak bekerjasama.

Jadi penghabisannya, saya nak bertanya adakah pencabulan demokrasi itu terbukti?. Dua, adakah pencabulan prinsip *federalisma* itu tercabul? Jadi saya jawab, kedua-duanya tercabul. Dan mengikut usul tadi, jikalau dah tercabul kita merayulah kepada Kerajaan Persekutuan supaya mereka balik ke pangkal jalan iaitu memberi baliklah hak kita, kita bersalamlah dengan dia.

Terima kasih, wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPETUA: Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Jertih. Silakan Wakil Batu Buruk. Sebelum daripada itu saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Bandar ke depan sekejap.

[*Yang Berhormat Wakil Bandar mempengerusikan sementara Persidangan*]

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Bismillahi rahmani rahim. Jadi, tak sangka dia panggil suruh duduk atas kerusi ini Alhamdulillah. Jadi, saya minta Wakil Batu Buruk meneruskan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Assalamualikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan. Saya ingin mengambil sedikit kesempatan untuk menyokong usul yang telah dikemukakan tadi dengan menyatakan beberapa hujah yang perlu difahami sebelum kita memutuskan sokongan ke atas usul ini di dalam Dewan yang mulia.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Pengerusi ingin saya jelaskan di sini bahawa tidak timbul soal kemiskinan kerana Terengganu satu ketika miskin maka Kerajaan Persekutuan mahu memberi ihsannya kepada Terengganu. Kita semua tahu sejak kita merdeka dan sebelum merdeka memang Terengganu ketinggalan jauh dari segi pembangunan dan kesenangan rakyat. Negeri Perlis lebih miskin kenapa Negeri Perlis tak diberi minyak ini. Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, tidak ada pentafsiran bila lima puluh juta halal, satu bilion haram. Hanya undang-undang ciptaan Barisan Nasional sahaja yang haram, halal kerana lesennya yang halal boleh jadi haram kerana undang-undangnya. Oleh itu Tuan Pengerusi, di dalam kita mentafsirkan perjanjian yang dibuat di antara Petronas dan Kerajaan Negeri Terengganu 22 Mac 1975 itu adalah suatu perjanjian pengesahan hak dan pentafsiran hak di antara Negeri Terengganu dan Petronas. Melalui Akta Kemajuan Peroleum 1974, yang pada ketika itu *Federal* ataupun Persekutuan tidak ada apa-apa hak, seperti mana yang jelaskan oleh Yang Berhormat Jertih tadi, dari sudut perairan ataupun tanah milknya. Tetapi oleh kerana penubuhan Persekutuan Malaysia ianya memberi kuasa pemerintahan ke atas Kerajaan Persekutuan manakala hak berkait dengan tanah dan hasil buminya kekal tinggal kepada negeri-negeri yang berkenaan. Bila timbul soal penemuan minyak di kawasan perairan EEZ timbullah suatu masalah mencari penyelesaian kerana pada ketika itu kawasan kawasan *Economic Exclusive* dengan izin Tuan Pengerusi, telahpun mendapat pengiktirafan antarabangsa. Kalau tidak Malaysia tidak akan berupaya mempertahankan haknya di perairan itu. Oleh itu, di dalam penyelesaian di antara *Federal* dan negeri yang mana Persekutuan mempunyai kuasa pemerintahan dan negeri mempunyai hak tanah dan hasil buminya, satu pemuafakatan telahpun dibuat iaitulah dengan penubuhan suatu perbadanan, iaitulah Petronas. Dengan itu seksyen 4, Akta Kemajuan Petroleum 1974 telah menyerahkan hak kepada Petronas dan Petronas disyaratkan supaya membuat perjanjian dengan mana-mana negeri yang terlibat dengan persempadanan dengan bumi mereka Di dalam masalah ini Yang Berhormat TuanYang Dipertua, hak Persekutuan tidak ada tetapi oleh kerana peruntukan Akta Kemajuan itu memberi penguasaan pada hasil petroleum ini kepada Perdana Menteri , maka inilah penyelesaian yang dibuat. Dan tidak boleh sesuatu undang-undang itu dikatakan bahawa ianya sah dan diperlakukan 26 tahun dulu tetapi tidak sekarang sehinggalah sesuatu perjanjian itu bersama-sama di antara Negeri Terengganu dan Petronas dimansuhkan. Selagi undang-undang itu ada dan perjanjian itu dibuat di bawah Akta Kemajuan Petroleum, selagi itulah penguasaan dan penghormatannya mestilah diberi oleh kedua-dua pihak yang terlibat di dalamnya. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, oleh itu tidak timbul sama sekali bahawa nama ataupun panggilan kepada bayaran ini yang dikenali sebagai royalti selama 26 tahun terpaksa ditukar nama kerana tidak sekun UMNO kalah di Terengganu.

Tentang keraguan seperti mana yang dikemukakan oleh pembangkang tadi bahawa Kerajaan Pusat meragui bagaimana cara, cara mana kita mahu membelanjakan kewangan ini dan kebimbangan mereka takut-takut kalaulah kita gunakan hasil yang diperolehi untuk memperkukuhkan perjuangan

parti yang memerintah. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, ini perkara biasa, setiap parti yang memerintah mahu memperkuatkan perjuangan mereka, perjuangan parti mereka. Dan inilah perjuangan yang telahpun diberi pengiktirafan oleh rakyat di dalam pilihan raya 29 November 1999. Pembangkang dan UMNO mestilah belajar menerima hakikat ini dan menerima peruntukan Perlembagaan dan peruntukan perundangan sehingga mereka diberi kepercayaan kepada rakyat. Dan sehingga ini Kerajaan Pusat masih lagi mendapat kepercayaan rakyat untuk memerintah tetapi Terengganu rakyat yang telahpun dikuasai, diperintah selama 40 tahun dengan pembangunan, dengan rancangan yang diagung-agungkan itu tidak dipercayai oleh rakyat. Rakyat mahukan perubahan dan perubahan ini berasaskan kepada keyakinan rakyat antara lainnya ialah janji-janji kita kepada rakyat di dalam manifesto yang diberikan kepada rakyat.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, anggapan yang mengatakan bahawa perjanjian itu tidak *binding* tidak terikat adalah pendapat yang paling meleset. Dan dakwaan yang mengatakan bahawa Kerajaan Pusat mahu mempastikan wang ini dibelanjakan kepada rakyat dan tidak diselewengkan. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kita mengharapkan cabaran daripada pembangkang tidaklah bertubi-tubi kerana kita telah tubuhkan Jabatan Hisbah untuk membuat kajian, pemantauan, penyiasatan ke atas perkara-perkara yang telah berlaku di masa lalu. Pernah Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, seorang Pengerusi anak syarikat SEDC yang diberi amanah sebagai Pengerusi menerima bayaran bagi pihak kontraktor sebanyak RM300,000.00, untuk apa? Adakah saluran yang begitu. Insya Allah, kita akan dedahkan melalui Hisbah. Bayaran yang diselewengkan sebanyak RM9 juta sebagai *ex-gracia* sambungan air bersih ke Pulau Redang, sedang di dalam siasatan.

Dan larangan kita kepada pegawai-pegawai Kerajaan Negeri untuk tidak menyertai ataupun menahankan diri, mencegah diri daripada menyertai JKKK kerana pada istilah pentadbiran Negeri Terengganu , JKKK adalah institusi haram. Kerana ini adalah sumber untuk memecah belahkan perpaduan rakyat. Masa dan tempoh untuk mereka berkuasa sudahpun berlalu dan JKKK yang dahulunya menjadi sokongan kepada pentadbiran telahpun dimansuhkan dan digantikan dengan JSR. Inilah institusi yang sah dari sudut pentadbiran negeri.

Ada seruan Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, bahawa dikatakan Kerajaan Barisan Alternatif sengaja melakukan provokasi dan tidak mahu bekerjasama dengan Kerajaan Pusat. Ini adalah suatu dakwaan yang membohongi fakta, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Sejak peralihan kerajaan, sebanyak 13 kontrak yang diberi untuk membina, membangun rumah-rumah kos rendah di seluruh Negeri Terengganu ditahan dan diberhentikan sedangkan sebahagian daripadanya di dalam perjalanan untuk pembinaan. Pegawai-pegawai Kerajaan Pusat tidak lagi dibenarkan memberi maklumat kepada Exco Kerajaan dan Kerajaan Negeri. Mesyuarat-mesyuarat yang dipanggil untuk dihadiri oleh Kementerian-Kementerian dibatalkan di saat-saat akhir untuk mempersenda-sendakan Kerajaan Negeri. Walaupun Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kita lihat bagaimana gelisah, susahnya Kerajaan Pusat khususnya Kemas bila mana berlaku perubahan kerajaan di bulan November tahun sudah, mereka tak tahu ke mana penuntut-penuntut kelas Kemas nak dibawa, diletakkan bimbangkan Kerajaan Negeri tidak memberi premis untuk mereka. Tetapi keluhuran hati yang mulia, kita beri kepada mereka tetapi kelihatan pada hari ini sama seperti melepas anjing tersempit, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

Dakwaan yang mengatakan bahawa tidak ada pengawasan dan kewangan ini perlu diauditkan dahulu, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, *budget* belanjawan yang diluluskan dalam pertengahan perjalanan belum saya lihat satu ketika dalam sejarah kewangan negeri dan negara,

pertengahan tahun ianya diserahkan kepada audit. Peraturan Kewangan, tahun berikutnya penyata kewangan negeri akan diserahkan untuk diaudit dan bukannya di pertengahan tahun. Dan sekarang ini kita dalam pengauditan belanjawan yang dibelanjakan oleh kerajaan yang lepas, kerajaan yang telah jatuh tetapi kita terpaksa meneruskan pengauditan dan penerimaan sebagai dokumen sebagai kerajaan walaupun kita tidak setuju. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, pengawasan yang sedia ada pada hemat saya adalah mencukupi untuk mengawal bagaimana kewangan negeri dibelanjakan. Dan kalaulah perlu sesuatu perubahan berlaku mestilah ada rundingan di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan di bawah konsep *federalisma* dengan izin. Kita mempunyai *National Finance Council* dengan izin Jawatankuasa Kewangan Negara, Majlis Kewangan Negara dan Mesyuarat Menteri-Menteri Besar, Ketua Audit Negara dan Badan Pencegah Rasuah serta Polis yang mengawasi ketelusan pentadbiran yang sedia ada. Kenapa disyaki bahawa wang ini akan dibelanjakan untuk mengembangkan kekuatan PAS dan Barisan Alternatif sedangkan kita ada bukti Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua dan masih ada bersama-sama kita segar maklumat-maklumatnya, semasa pilihan raya lepas banyak bayaran-bayaran yang diberi di bawah arahan bekas pentadbiran dulu untuk pilihan raya dan Hisbah akan menyusuli selepas ini Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya rasa setakat dahulu penyertaan saya di dalam membahaskan bahawa usul ini perlu diterima dan Kerajaan Terengganu serta rakyat Terengganu akan menyatakan hak mereka mengikut undang-undang yang sedia dan di dalam konteks Perlembagaan yang sedia ada, dan keluhuran undang-undang mestilah dihormati dan tidak dicabuli oleh kerana memikirkan kuasa Pusat lebih daripada kuasa negeri.

Sekian, wassalamualaikum warahmatullhi wabarokatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPETUA: Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Batu Buruk. Sila, saya rasa ini terakhir dah.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian. Saya bangun untuk menambah sedikti sebanyak apa yang telah dijelaskan sahabat-sahabat saya sama ada daripada pihak Exco ataupun daripada Ahli-ahli Dewan yang telahpun menjelaskan beberapa perkara berkait dengan usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat daripada Ladang.

Sebelum saya perkara kepada perkara-perkara yang lain, saya ingin merujuk kepada usul ini yang telah disalah tafsirkan daripada Yang Berhormat daripada pembangkang bahawa usul ini bertujuan mengutuk pemimpin-pemimpin Kerajaan Pusat. Kalau Yang Berhormat meneliti usul ini dengan cermat, kita akan mendapati usul ini bukan mengutuk orangnya tapi mengutuk pencabulan yang dilakukan oleh pimpinan sebagaimana yang telah dijelaskan oleh sahabat-sahabat, Yang Berhormat yang telah bercakap sebelum daripada saya. Saya *code* sedikitlah:

> *Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan untuk mengutuk sekeras-kerasnya pencabulan prinsip demokrasi dan konsep sistem kerajaan berpersekutuan (federalisma) oleh pimpinan Kerajaan Pusat terhadap rakyat dan Kerajaan Negeri Terengganu, dan menyeru supaya pimpinan Kerajaan Pusat menghentikan tindakan menindas dan menzalimi rakyat.*

Kita tidak pernah kutuk orang tapi kutuk perbuatan yang tidak baik yang dilakukan terhadap rakyat dan Kerajaan Negeri ini.

Yang kedua, juga merupakan tuduhan-tuduhan yang dilemparkan kepada kerajaan di mana tuduhan itu menyebut kerajaan ataupun pemimpin-pemimpin kerajaan menggunakan duit Negeri Terengganu untuk negeri lain, untuk Muktamar PAS, ini merupakan satu tuduhan liar yang sepatutnya diketahui oleh semua pihak. Tidak ada satu sen wang negeri pun boleh dibelanjakan yang bukan kepada tempat, yang bukan kepada haknya. Setiap kelulusan mestilah mengikut peraturan-peraturan yang telah diterima pakai. Jadi ini juga merupakan satu tuduhan liar kerana tidak ada suatu hujah yang dapat dikemukakan oleh pembangkang bagi menolak usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat daripada Ladang.

Oleh kerana itu, saya melihat bahawa inilah kali pertamanya Dewan Negeri Terengganu membincangkan satu perkara yang sangat asas, yang sangat *sentimental* yang berhubung dengan hak asasi. Dalam hubungan Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat yang boleh menggambarkan kematangan Dewan ini dalam membuat keputusan. Hari ini kita melihat bahawa hujah-hujah yang dikemukakan oleh pembangkang sebenarnya tidak berdasarkan kepada fakta-fakta yang sebenarnya. Jadi oleh kerana itu saya sebenarnya suka menyeru kepada Yang Berhormat daripada pembangkang supaya kita sama-sama menunjukkan perpaduan di dalam menyatakan bahawa hak rakyat Negeri Terengganu ini perlu dipertahankan dan hak itu ditadbirkan oleh kerajaan yang hari ini dipilih oleh rakyat. Inilah harapan saya kepada Yang Berhormat daripada parti pembangkang walaupun tadi ada seoarang daripadanya yang mencabar kalau nak tahu rakyat sokong tak sokong buat pilihan raya. Saya bimbang kalau buat pilihan raya tak dok seorang tinggal dalam Dewan ni. Jadi, biarlah kita ambil cara molek, cara yang baik supaya yang ada 4 tu biarlah kekal 4, kalau pilihan raya sekali lagi nak tak dok langsung tergantung pada pilihan raya yang akan datang.

Cuma saya mengharapkan supaya pihak pembangkang juga belajar untuk menjadi pembangkang. Kami telah belajar untuk menjadi pembangkang hampir 40 tahun dan berkat kesabaran itulah maka kami menjadi kerajaan hari ini. Oleh kerana itulah belajar untuk menjadi pembangkang yang baik supaya nanti 40 tahun yang akan datang, kalau kita masih hidup lagilah kita boleh jadi kerajaan, itu tergantung takdir Allah s.w.t. Pihak pembangkang tidak sabar melihat apa yang dilakukan oleh kerajaan hari ini akan menambat hati rakyat untuk bersama dengan kerajaan. Beberapa perkara yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat daripada Ladang telah menjelaskan beberapa tindakan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri ini yang telah mendapat sokongan yang begitu besar daripada rakyat. Dan kerana ketakutan itulah maka tindakan menukar daripada royalti ini kepada ihsan menimbulkan banyak masalah kepada semua pihak. Kelmarin ada seorang bagi tahu saya, ada dua orang cikgu dia bercakap, seorang daripada Terengganu seorang daripada Selangor bercakap; yang Terengganu kata payah saya mengajar sekarang ni pasal saya kena ikut cara yang diarahkan oleh orang atas. Selangor kata pasal apa payah? Saya diminta mengajar mengikut apa yang mereka diajar kepada saya. Dia kata biasa sajalah, dia kata begini; di Terengganu sekarang ni perkataan ejaan `r o y a l t i` disuruh sebut `ihsan` bukan royalti, ini yang payah. Jadi saya tak reti nak mengajar lagi yang menghuru birukan semua pelajar-pelajar. Dia kata siapa yang ajar begitu? Ada guru besarnya yang mengajar, yang paling besar ialah orang nombor satu dalam negara kita.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Penjelasan, Tuan Yang Dipertua, barangkali main sandiwara barangkali.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Barangkali saya rasa Yang Berhormat daripada pembangkang dalam Negeri Terengganulah , wakil UMNO ni dia cukup terasa perkataan `sandiwara' ni. Biasanya orang yang ada *gulity feeling* ni dia tak boleh lepas perasaan dia tu, perasaan bersalah tu ada, sebut `sandiwara' dia rasa sakit saya tak sebutpun dia berasa sakit dah. Jadi, saya harap belajar sabarlah sedikit.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, satu lagi tuduhan yang dilemparkan kepada pihak kerajaan bahawa apa yang kami lakukan terhadap barangkali tadi disebut pemutihan yang berlaku kepada kebajikan, memang kita lakukan pemutihan. Tetapi itulah yang disebut kerana pemutihan tu tak betul maka royalti itu ditarik. Lekeh sangat hujah yang seperti ini. Carilah hujah yang kuat-kuat sedikit supaya orang boleh menerima hujah-hujah tu dengan agak dengan lebih baik sedikit. Tetapi saya nampak tidak ada hujah yang dikemukakan oleh pembangkang bagi menolak usul yang dicadangkan oleh Wakil daripada Ladang ini. Jadi saya harap yang tiga-tiga ni jangan balik biar kita sama-sama sokong usul ini, insya Allah.

Saya nak sebut siaran akhbar *press release* ni daripada Kementerian Kewangan yang sudahpun disebut tapi dalam perkara lain. Perkara 10 saya nak sebut: *Kini Kerajaan Pusat kurang yakin Kerajaan PAS Terengganu boleh bekerjasama dalam menjamin kesejahteraan dan membela nasib rakyat Negeri Terengganu. Sungguhpun Kerajaan Negeri Terengganu pada bulan Februari 2000 telah menerima bayaran ihsan,* saya tak terima perkataan ihsan tu tetapi saya sebut apa yang dah ada di sini, *RM423 juta rakyat Terengganu dan Kerajaan Pusat tiada maklumat ataupun keterangan walaupun* ... ini sudah disebut acap kali tetapi ayat ini siapa saja yang menulis sama ada pegawai ataupun orang politik yang mengarahkan ini ialah orang yang tidak memahami sebenarnya selok belok pentadbiran, dan menghina sebenarnya seluruh pegawai dan kakitangan Negeri Terengganu dengan ayat ini. Dia bukan menghina sebenarnya pemimpin-pemimpin politik tetapi dia menghina seluruh pegawai dan kakitangan Negeri Terengganu apabila dia menyebut bahawa tidak boleh percaya, tak tahu keterangan, program tak tahu, sedangkan kita tahu segala apapun perancangan yang hendak dibuat di peringkat negeri ia bermula daripada bawah. Daripada cadangan yang dibuat oleh Pejabat Daerah, Majlis Daerah sampai kepada peringkat negeri seluruh jabatan mengemukakan apa perancangan dia. Jaga duit ni ada pegawai yang menjaganya. Erti kalau dia sebut `tidak yakin' bahawa duit ni nak pergi ke lain ertinya dia tidak percaya bahawa pegawai-pegawai yang akui, dibina berpuluh-puluh tahun di bawah Barisan Nasional dulu yang diakui baik hari ini sudah tidak baik pegawai-pegawai ini, sudah tidak boleh dipercayai. Ini suatu perkara sangat tidak baik, suatu sikap yang menghina bukan saja rakyat negeri ini yang memberikan kepercayaan yang ada tetapi menghina keupayaan pegawai-pegawai dalam Negeri Terengganu ini sendiri yang telah melaksanakan tugas mereka dengan baik sejak dulu sampai sekarang. Ini tugas pegawai, kami tak jaga kewangan pegawai yang menguruskannya. Bila sebut tak percaya ertinya kita tak percaya kepada pegawai yang menguruskan ini dan sebahagian daripada pegawai-pegawai ini terdiri daripada pegawai-pegawai yang didatangkan daripada Pusat sendiri, pegawai daripada Negeri Terengganu, pegawai daripada Pusat yang sama-sama sebenarnya memberi sumbangan dan peranan mereka dalam membangunkan negeri ini. Cumanya atas alasan-alasan politik yang sempit maka inilah tindakan ini dilakukan terhadap rakyat Negeri Terengganu dan Kerajaan Negeri Terengganu yang dipilih oleh rakyat.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kita sebenarnya pihak kerajaan terlalu ... nak kata bersabar tu lebih daripada sabar. *Tread record* yang menunjukkan bagaimana pembayaran-pembayaran itu dibuat oleh Kerajaan Pusat sebelum lagi timbul masalah royalti petroleum ini, sebagaimana yang disebut *Capitation Grant* ini harus dibayar pada bulan Februari dan bulan Ogos sehingga ini

memang tak dibayar, kita diam saja tak sebut apapun sebab kita tahu akhirnya mereka akan bayar juga sebab ini adalah peruntukan dalam Perlembagaan. Dan cara ini satu cara yang telah digunakan juga bagi Negeri Kelantan, sama saja caranya yang sepatutnya dibayar pada bulan Februari dan bulan Ogos tetapi bagi Negeri Kelantan sebelum Negeri Terengganu ini diambi alih oleh BA yang dipimpin oleh PAS, maka demikianlah yang dilakukan oleh Pusat bahawa *Capitation Grant* dibayar bulan Disember, nak habis tahun bayar bayar. Ini satu percubaan untuk orang putih kata *strangletion,* satu percubaan nak cekik tengkok ni supaya tak boleh berdiri dan tak boleh bangun. Tapi Alhamdulillah mereka boleh berdiri.

Jadi tak usahlah pemimpin-pemimpin yang ada dalam Dewan ini pakai ikut saja apa yang dibuat oleh peringkat Pusat. Mereka tu buat keptutusan-keputusan yang tidak betul, malangnya yang terlalu ghairah menyatakan bahawa jangan berikan royalti ini kepada Terengganu terdiri daripada beberapa kerat pemimpin-pemimpin UMNO Negeri Terengganu, yang paling ghairah. Bukan semua kita tahu, ada yang berfikir dengan waras dia kata tak kena ni. Dia menang, dia menanglah apa pasal kita nak ambil daripada dia. Ini pemimpin UMNO juga tapi yang waras. Yang tak waras nilah yang sokong . Jadi saya nak tengok dalam Dewan ni sama ada yang tiga orang ni waras ataupun tidak. Kita akan buktikan apabila pengundian ini akan berjalan barangkali dalam waktu yang tidak terlalu jauh, insya Allah.

Dan oleh kerana itu Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya nak sebut lagi contoh bagaimana tak betulnya tindakan yang dilakukan oleh Kerajaan Pusat terhadap Terengganu. Ada waran yang sudahpun diberi kelulusan untuk Negeri Terengganu, tetapi apabila ada saja arahan daripada Pusat mengatakan kita tak perlu bagi royalti kepada Negeri Terengganu, waran itu ditarik balik. Dan saya nak sebut, waran daripada Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan yang sudah ... ditarik balik. Saya nak sebut ni bukan masalah perkauman tetapi tindakan pemimpin-pemimpin UMNO yang berketurunan Melayu yang kata nak bela nasib orang Melayu, bangsa Melayu kerana Kementerian ni dipegang oleh orang yang bukan Melayu, dia dulu ambil kesempatan *punish* hukum Negeri Terengganu. Belum lagi yang lain-lain berjalan, tapi dia dulu mengambil kesempatan daripada tindakan yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin UMNO. Sepatutnya pemimpin UMNO ni kena anggapiah bahawa kami daripada PAS ni sebagai saudara mereka, perlu kita bekerjasama untuk membangunkan negeri ini bukan sebaliknya. Oleh sebab itu, Yang Berhormat daripada pembangkang haruslah dapat menilai perkara ini dan dapat memberitahu kepada pemimpin-pemimpin mereka supaya tidak melakukan pengkhianatan ini terhadap rakyat Negeri Terengganu. Ini suatu tindakan yang akan merupakan suatu tindakan yang mengkhianati rakyat Negeri Terengganu ini.

Saya sendiri ada pengalaman sedikit sebanyak, pernah juga berkhidmat dengan Kerajaan Pusat di bawah dua Perdana Menteri, Menteri Menteri yang kedua dan Perdana Menteri yang ketiga yang ada sekarang ni Perdana Menteri yang keempat. Belum pernah dua Perdana Menteri walaupun waktu itu ada juga pembangkang, bertindakan sebagaimana yang dilakukan oleh Pusat terhadap sebuah negeri yang dipimpin oleh pembangkang. Tapi hari ini, inilah yang dilakukan yang sebenarnya tidak pernah berlaku dalam sejarah Malaysia suatu tindakan yang seperti ini, suatu penafian hak, suatu pencabulan kepada demokrasi dan *federalisma*, dan banyak lagi kalau saya nak sebutkan hari ini.

Dan saya juga tidak ingin memanjangkan ulasan ini kerana saya rasa sudah cukup untuk menyebut bahawa apa yang telahpun diberikan bukti-bukti oleh sahabat-sahabat saya dalam Dewan yang mulia ini sudah cukup untuk meyakinkan semua kita bahawa royalti ini ialah hak rakyat Negeri

Terengganu, bukan hak PAS, bukan hak UMNO, hak rakyat Negeri Terengganu ini dia mestilah dikembalikan kepada rakyat. Tetapi kebetulan yang PAS menjadi kerajaan maka merekalah yang mentadbir negeri ini. Sebagaimana juga BN yang memerintah di peringkat Pusat merekalah yang mentadbir negeri ini bagi pihak rakyat. Kita tidak boleh menghukum rakyat kerana rakyat telah memberi kepercayaan kepada satu parti yang berlainan daripada dulu, yang mereka kehendaki untuk memimpin mereka dan mentadbir mereka.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya rasa cukup setakat yang dapat saya sampaikan, saya mengharapkan bahawa pada harilah barangkali kita boleh melihat suatu perpaduan yang boleh ditunjukkan oleh sama ada pihak kerajaan ataupun pihak pembangkang untuk kepentingan bersama rakyat Negeri Terengganu ini, insya Allah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih kepada Yang Berhormat Pengkalan Berangan. Dipersilakan –

YANG AMAT BERHORMAT TUAN GURU MENTERI BESAR: Assalamualaikum warahmatulahi wabarokatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kerajaan, hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian. Bagi ikut sama membahaskan dan menggulung usul yang dikemukakan oleh Wakil daripada Ladang, saya ingin mengambil masa yang sedikit sahaja kerana perkara-perkara yang panjang sudah diulas oleh Ahli-ahli Exco yang lain.

Yang pertama, saya ingin menjelaskan perkataan `ihsan'. Penggunaan perkataan `ihsan' untuk mengganti perkataan royalti itu sendiri menandakan tidak mengerti bahasa. Mereka menggunakan perkataan ini sendiri tidak tahu apakah makna perkataan `ihsan', perkataan royalti tadi sudah dijelaskan oleh Yang Berhormat Tun, Yang Berhormat Jertih. Perkataan `ihsan' yang diambil daripda bahasa Arab, ia boleh digunakan untuk menyembah Tuhan dan boleh digunakan untuk menyembelih binatang dan membunuh.

Dalam perkara menyembah Tuhan, disebut dalam satu hadis, Malaikat Jibril pernah menyoal Rasulullah s.a.w. *Maihsan*, apakah dia ihsan itu? Jawab Rasulullah:

ان تعبدالله كأنك تراه فان لم تكن تراه فانه يراك.

Ihsan itu bahawa engkau menyembah Allah. Oleh kerana terlalu khusyuk dan hampirnya hatimu kepada Allah seolah-olah kamu melihat Allah ataupun kamu merasakan Allah sentiasa memerhati tindak tanduk kamu.

Dalam perkara yang kedua, sabda Rasulullah s.a.w.:

ان الله كتب الاحسان فى كل شئ , فاذاذبحتم فأحسنوا
الذبحة , واذاقتلتم فاحسنوا القتلة .

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah memberi ganjaran kepada orang yang melakukan ihsan kepada apa saja. Apabila kamu menyembelih, apabila kamu membunuh maka membunuhlah dengan ihsan dan apabila kamu menyembelih, menyembelihlah dengan ihsan. Berilah kerehatan kepada binatang yang disembelih, tajamkan pisau.* Yakni membunuh dengan cara cepat mati, menyembelih dengan pisau yang tajam dan beri makan kenyang-kenyang sebelum disembelih. Yang ini dia pelapar dulu sebelum disembelih. Saya mengharap supaya dirujuk kepada Dewan Bahasa dan mereka yang tahu bahasa Arab, adakah perkataan 'ihsan' ini menepati dengan perkataan royalti.

Tidak syak lagi berdasarkan kepada hujah-hujah akademik, hujah-hujah ilmiah oleh Yang Berhormat Wakil Jertih, seorang yang mempunyai kepakaran dalam bidang undang-undang bukan saja di peringkat negara bahkan di peringkat antarabangsa dan hujah-hujah politik, hujah-hujah pentadbiran, tidak boleh dinafikan bahawa tindakan yang diambil dalam perkara ini adalah bercanggah semangat dan akhlak demokrasi dan *federalisma.* Kita melihat secara berterang-terangan campur tangan dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri dan tidak memberi hak kepada Kerajaan Negeri yang dipilih oleh rakyat secara pilihan raya Dewan Undangan Negeri. Kita semua tahu bahawa di negeri kita ni ada dua pilihan raya, pilihan raya Parlimen dan pilihan raya Negeri. Apa guna kita buat pilihan raya negeri, buat satu pilihan raya cukup, memperhabiskan belanja saja. Ini ada pilihan raya negeri menunjukkan bahawa di sana ada Kerajaan Negeri yang dipilih melalui pilihan raya secara demokrasi yang diberikan kepadanya hak dan bidang kuasa yang tertentu mengikut Perlembagaan dan mengikut undang-undang.

Kita tidak nampak alasan dari segi kesalahan undang-undang dan kesalahan pentadbiran yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri yang menjadi alasan untuk mengambil tindakan yang begitu rupa. Cuma yang berlainan, yang kita lakukan kita cuba untuk merealisasikan Islam yang kita perjuangkan di dalam pentadbiran. Di mana pelaksanaan pentadbiran Islam ini baru di peringkat awal kerana kita belum lagi masuk ke peringkat yang lebih panjang. Baru di peringkat awal hanya beberapa perkara saja yang baru dilaksanakan dan apa yang dilaksanakan itu bukan sahaja menarik perhatian rakyat bahkan menarik perhatian seluruh negara dan luar negara sehingga ramainya mereka-mereka yang datang ke Terengganu. Sehingga timbul tadi perdebatan berapa kali kapal terbang mari ke sini, ada kata 10 ada kata 11.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Penjelasan, Tuan Yang Dipertua, yang saya timbulkan ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar di istana memberitahu Tuanku Sultan dan majlis bahawa penerbangan melebihi 11 penerbangan. Ini satu pembohongan saya kata dan dijawab oleh Exco tadi.

YANG AMAT BERHORMAT TUAN GURU MENETERI BESAR: Exco menjawab berdasarkan kepada apa yang dilaporkan oleh pihak MAS, yang berdasarkan kepada tambahan yang berlaku kepada masa yang tertentu. Apa yang saya sebut ialah kebetulan di musim orang balik haji, musim orang pergi haji yang campur dengan penerbangan tambahan, campur dengan bukan sahaja ke KLIA bahkan campur penerbangan ke Subang.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Kita tidak kira, kita kira yang mari ke Terengganu melebihi 11 trip, dia cakap tidak ada.

YANG AMAT BERHORMAT TUAN GURU MENTERI BESAR: Ya, bahkan ada yang lebih daripada 11, Tuan Yang Dipertua lebih, bukan 11.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Ini masalah nak mempertahankan yang tidak betul.

YANG AMAT BERHORMAT TUAN GURU MENTERI BESAR: Saya tidak mempertahan, itu suatu hakikat. Bahkan saya difahamkan bahawa pada hari menyambut Hari Kemerdekaan ada permohonan 17 penerbangan tetapi tidak boleh dipenuhi kerana tak cukup negeri lain. Adakah saudara daripada Yang Berhormat daripada pembangkang marah dengan orang ramainya datang ke Terengganu. Apa boleh buat dia nak datang.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Penjelasan Tuan Yang Dipertua, kita tidak menimbulkan isu ini Yang Amat Berhormat kita menghormati kerajaan dan Ketua pimpinan kerajaan, kita tidak mahu membawa polimik ini lebih jauh. Tapi Exco ataupun kerajaan yang bertanggungjawab bila cakap ada, tarikhnya bila saya tanya jelas ... tidak boleh berdolak dalih dalam soal ni dan diucapkan di istana. Jadi ini yang kita nak persoalkan janganlah bawa jauh mengelirukan rakyat seperti mana usul yang dibawa di Dewan yang mulia ini.

YANG AMAT BERHORMAT TUAN GURU MENTERI BESAR: Tak jauh Tuan Yang Dipertua baru 9 bulan, baru 9 bulan yang dijawab oleh Exco tadi ialah berdasarkan kepada kenyataan yang baru dan yang saya sebut dalam istana itu adalah ucapan berdasarkan kepada yang ditulis oleh pegawai kita, dua-duanya daripada pegawai.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tulisan Yang Dipertua, kena betul bacaanpun kena betul. Jangan kelirukan orang ramai, kenyataan seorang pemimpin negeri mewakili rakyat .....

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, yang dikatakan tak betul tu dia tahu mana. Tahu mana kata dok betul, mu duduk di hulu.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Dia beritahu tadi, nak jadi Menteri Besar ke?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Bahasa budak buncit ni, dia tidak tahu percaturan politik perbahasan dalam Dewan jadi hak semua dalam Dewan. Kalau mu dok reti, mu balik duduk di hulu nu.

YANG AMAT BERHORMAT TUAN GURU MENTERI BESAR: Saya nak tanya Yang Berhormat tunggu di lapangan terbang bilang, tunggu ... jaga di lapangan terbang.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya bertanya Yang Berhormat .....

YANG AMAT BERHORMAT TUAN GURU MENTERI BESAR: Saya tak jaga, saya berdasarkan kepada laporan daripada pegawai dan laporan daripada mereka yang bertanggungjawab .....

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Inilah sikap .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Minta tadi Wakil .....

YANG AMAT BERHORMAT TUAN GURU MENTERI BESAR: Dan kita melihat tindakan yang dilakukan oleh Kerajaan Pusat terhadap Terengganu akhir-akhir ini adalah luar biasa. Singapura suatu ketika dalam Malaysia, pernah diperintah oleh parti Petir yang dipimpin oleh Lee Kuan Yew, adakah Kerajaan Pusat pernah bertindak seperti ini. Pulau Pinang dalam tahun 60-an pernah diperintah parti Gerakan yang juga parti pembangkang, Sabah pernah diperimah oleh parti PBS yang kita tahu semangat kristiannya terlalu tinggi; mengapa mereka tidak bertindak sebagaimana yang diambil kepada Kelantan dan Terengganu. Di mana ucapan mereka yang mengatakan nak mempertahankan hak keistimewaan orang Melayu, nak mempertahankan Islam di mana ucapannya. Adakah ini satu sandiwara, ini yang kata sandiwara. Nak mempertahankan hak keistimewaan orang Melayu dan kita melihat bagaimana ucapan yang berdegar-degar yang menyatakan bahawa sanggup bermandi darah untuk mempertahankan hak istimewa orang Melayu. Kepada mereka yang seperti ini saya kata tak usah mandi darahlah pergi derma darah di hospital. Hospital banyak tak cukup darah.

Dan di sana ada tuduhan-tuduhan yang rambang seolah-olah Kerajaan Negeri belanja tak betul, tadi sudah dijawab oleh Ahli Yang Berhormat, di mana Audit telah melakukan tindakan mereka bila cukup tahun bahkan mengikut Akta Audit Negara di mana dibenarkan dalam tempoh 7 daripada penutupan kira-kira kewangan. Ini mengikut Akta Audit Negara, dia tidak berlaku tiap-tiap bulan, tiap-tiap hari buat audit. Dan kalau Kerajaan Pusat nak buat tiap-tiap bulan kita sanggup, kalau Kerajaan Pusat nak mari audit tiap-tiap bulan apa yang dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu, saya mengatakan bersedia dan pegawai-pegawai kewangan kita bersedia untuk memberi laporan tiap-tiap bulan, kalau mereka nak tiap-tiap bulan. Tapi ini bercanggah dengan apa yang mereka tetap dalam peraturan dalam perlembagaan, dalam Akta yang berkait dengan Audit Negara.

Apa yang saya rasakan kerana langkah-langkah yang kita ambil menyebabkan kebimbangan daripada kepimpinan Barisan Nasional yang telah diberi tempoh 20 tahun lebih untuk mengendalikan wang royalti petroleum yang menjadi sumber yang penting bagi Negeri Terengganu dan kita melihat sendiri bagaimana boleh berlaku apabila kita menerima alih pemerintahan negeri dibebankan dengan beratus-ratus juta hutang. Beratus juta hutang, di mana perginya duit royalti ini dan Jawatankuasa Hisbah telah membongkar beberapa penyelewengan yang saya kata berlori-lori. Saya mempertahankan bahawa ada berlori-lori fail. Dan ini dikaji oleh Jawatankuasa Hisbah, di sana ada anak-anak syarikat yang sengaja ditubuhkan untuk menadah duit royalti bukan untuk beri kepada rakyat, untuk menadah duit royalti untuk masuk poket orang-orang yang tertentu yang mengambil daripada berkuasa di dalam negeri ini. Dan kita mempunyai bukti-bukti yang terang, ada anak syarikat yang menyewa rumah di Kuala Lumpur sebagai satu contoh, kedai yang patut disewa RM7,000 jadi empat lima enam belas ribu. Di mana untuk menyewa empat lima enam belas ribu ni buat satu syarikat untuk tadah duit sewa dan syarikat yang tadah inilah sewa rumah daripada tuan rumah. Ini sebagai satu contoh, dan kita ada bukti dan saya sendiri merasa hairan saya berjumpa dalam fail, saya sudah sebut dalam sidang Dewan yang lalu tetapi kebetulan ada Perhimpunan Agung UMNO di Kuala Lumpur, Yang Berhormat pembangkang tidak ada, ada fail diunjuk kepada saya ada resit-resit tuntutan-tuntutan khidmat seks. Saya sanggup berucap di luar Dewan, khidmat seks, khidmat-khidmat meminum minuman keras, tak patut dilakukan oleh negeri yang bergelar Darul Iman. Ini adalah di antara contoh-contoh yang tidak sihat.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tuan Yang Dipertua penjelasan, saya minta Yang Amat Berhormat sebagai Ketua Kerajaan bertanggungjawab mendedahkan perkara dan bawa kepada Jawatankuasa Hisbah ataupun Jawatankuasa Disiplin di mana-mana. Sekarang ni di bawah kerajaan Yang Berhormat, jangan duduk cakap saja.

YANG AMAT BERHORMAT TUAN GURU MENTERI BESAR: Hisbah sudah buat kerja, Tuan Yang Dipertua. Hisbah sudah menjalankan tugas dan saya tengok pun daripada Hisbah ada di tangan dia, pihak Hisbah dapat dulu daripada saya. Tapi sebagai contoh, ...

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Penjelasan Yang Berhormat .....

YANG AMAT BERHORMAT TUAN GURU MENTERI BESAR: ..... bagaimana royalti ini dibelanjakan, bagaimana berlakunya penyelewengan. Dan insya Allah, saya juga kebetulan Yang Berhormat daripada Pengkalan Berangan sebagai Ahli Parlimen, kami akan bawa perkara ini di Parlimen, berdepan dengan orang yang lebih besar daripada Yang Berhormat pembangkang.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Penjelasan Yang Amat Berhormat, bukan soal besar kecil. Kalaulah seorang Menteri Besar macam ni cara, penghormatannya kepada pemimpin yang kecil saya rasa dari segi *integriti*nya kita persoalkan, kewibaannya sangat-sangat rendah sebagai pemimpin Islam.

YANG AMAT BERHORMAT TUAN GURU MENTERI BESAR: Saya tahu bagaimana cara saya nak buat. Tuan Yang Dipertua, di masa saya jadi pembangkang di Parlimen dan sekarang pun pembangkang lagi di Parlimen, bahkan ketika pembangkang di Dewan Negeri ini dan pembangkang di Parlimen beberapa kali saya menjadi pembangkang di dalam Parlimen, kami sering kali menyampaikan ucapan di Parlimen mendesak Kerajaan Pusat supaya menambah royalti petroleum walaupun yang memerintah Negeri Terengganu pada masa itu ialah Barisan Nasional dan saya jadi pembangkang saya berucap di Parlimen mendesak supaya Kerajaan Pusat menambah royalti kalau boleh sampai 20 peratus memandangkan jumlah kadar kemiskinan yang tinggi bagi Terengganu, Sabah dan Sarawak. Bila saya berucap di Parlimen, Wakil Sabah dan Sarawak pun berteliur juga nak mendesak bagaimana kemiskinan boleh berlaku di negeri-negeri yang berkenaan pada hal negeri ini dikatakan mendapat royalti petroleum. Kita menunaikan tanggungjawab sebagai anak Negeri Terengganu di Parlimen, sebagai rakyat Negeri Terengganu yang mempunyai hak daripada Negeri Terengganu di mana kita menghilangkan perasaan kepartian. Taksub kepartian dihapus, ini sikap yang kami tunjuk dalam negara yang masih lagi mengamalkan demokrasi berparlimen. Dan insya Allah, kita akan telus dengan sikap kita, dengan semangat demokrasi berparlimen, dengan mencari cara yang baik dan kita mengharapkan supaya pihak Kerajaan Pusat menunjukkan sikap yang baik, sikap yang bersaudara, sikap yang berperpaduan, yang berkesatuan, semangat demokrasi dan *federalisma* dalam mengendalikan isu yang hangat diperkatakan di seluruh negara pada hari ini. Saya rasa sekadar itulah penyertaan saya dalam perbahasan ini. Sekian, terima kasih.

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

USUL INI DITERIMA.

YANG BERHORMAT YANG DIPETUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, persidangan Dewan diteruskan mengikut Tertib Pekerjaan Dewan yang telah ditetapkan.

USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS

Anggaran Pembangunan (Tambahan Bil. 1) 2000

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa menurut seksyen kecil (3) kepada seksyen 4 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan Undangan Negeri ini membuat KETETAPAN bersetuju meluluskan tambahan peruntukan yang pertama daripada Kumpulan Wang Pembangunan untuk perbelanjaan Rancangan kemajuan Negeri Bagi Tahun 2000 bagaimana ditentukan dalam JADUAL di bawah ini:

JADUAL

Maksud	Tajuk	Tambahan RM
P.02	Menteri Besar & Setiausaha Kerajaan Terengganu	13,010,000.00
	JUMLAH:	13,010,000.00"

Penjelasan lanjut boleh dilihat di dalam Kertas Dewan Bil. 8/2000. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Oleh kerana tidak ada Ahli Yang Berhormat yang hendak berucap, Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

USUL INI DITERIMA.

12 September 2000

RANG UNDANG-UNDANG

ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (2000) (NO. 1) 2000

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2000 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu bagi tahun ini, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2000 DAN MEMPERUNTUKKAN WANG ITU BAGI MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya memohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi tahun 2000 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberikan kuasa berkanun supaya pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan awam negeri dalam tahun 2000 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Enakmen Perbekalan (2000) 1999.

YANG BERHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Oleh kerana tidak ada Ahli Yang Berhormat yang hendak berucap, cadangan supaya Rang Undang-Undang ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2000 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU BAGI MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2000 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU BAGI MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU TELAH DITIMBANG DARI SATU SEKSYEN KE SATU SEKSYEN DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

12 September 2000

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2000 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU BAGI MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Bilangan 2 Tahun 2000**.

12 September 2000

ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU (PINDAAN) 2000

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Bismilllahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu 1360, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu 1360, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu 1360 supaya PUSAT PEMERIKSAAN KENDERAAN BERKOMPUTER SDN. BHD. (PUSPAKOM) menjadi badan yang kepadanya tanah orang-orang Melayu boleh dipindahmilik, digadai atau dipajak.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya pohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Oleh kerana tidak ada Ahli Yang Berhormat yang hendak berucap, cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU, 1360 TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU SEKSYEN KE SATU SEKSYEN DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya pohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT ENCIK MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya memohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersertujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU, 1360 DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Bilangan 3 Tahun 2000.**

12 September 2000

ENAKMEN TABUNG AMANAH WARISAN NEGERI (PINDAAN) 2000

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Tabung Amanah Warisan Negeri 1990, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT DR. HAJI SULAIMAN BIN ABDULLAH (Wakil Ladang): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN TABUNG AMANAH WARISAN NEGERI 1990, DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Baru Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Tabung Amanah Warisan Negeri 1990, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Enakmen Tabung Amanah Warisan Negeri 1990 yakni "Enakmen 2/90".

Fasal 1 Rang Undang-Undang mengandungi tajuk ringkas dan tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda perenggan 4(2)(e) Enakmen 2/90 untuk memperkukuhkan keanggotaan Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri dengan menambah bilangan anggota Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri daripada dua kepada tiga.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya pohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT DR. HAJI SULAIMAN BIN ABDULLAH (Wakil Ladang): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya memohon menyokong cadangan itu.

Oleh kerana tidak ada Ahli Yang Berhormat yang hendak berucap, cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN TABUNG AMANAH WARISAN NEGERI 1990, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN TABUNG AMANAH WARISAN NEGERI 1990 TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU SEKSYEN KE SATU SEKSYEN DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Dipertua, saya memaklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT DR. HAJI SULAIMAN BIN ABDULLAH (Wakil Ladang): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN TABUNG AMANAH WARISAN NEGERI 1990, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Bilangan 4 Tahun 2000.**

Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, pegawai dan kakitangan, tuan-tuan dan puan-puan sekalian, saya berhasrat untuk menangguhkan Dewan ini dan akan disambung semula pada hari esok, jam 2.30 petang. Saya ulangi balik, Dewan akan disambung balik besok hari Rabu, 13 September tahun 2000 pada jam 2.30 petang. Dengan ini marilah kita tangguh dengan *tasbih khifarak* dan surahtul 'Ashr.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 4.30 PETANG.

PERSIDANGAN

PADA HARI RABU, 13 SEPTEMBER 2000

PADA HARI RABU, 13 SEPTEMBER 2000

PERSIDANGAN

Hari Rabu,
13 September, 2000

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli [Muka 84]

2. Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:
   - Soalan Lisan [Muka 88]

3. Rang Undang-Undang:

   4. Enakmen Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (Pindaan) 2000 [Muka 104]

4. Tangguhan [Muka 114]

Lampiran A
Soalan-soalan Bagi Jawapan Bertulis [Muka 115]

13 September 2000

PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA PADA PUKUL 2.30 PETANG

H A D I R

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Haji Husain bin Awang, JP

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR
Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Haji Awang
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Haji Harun bin Taib
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong
WAKIL BATU BURUK

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Chik
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Tun Dato' Dr. Haji Mohd Salleh bin Abas,
SSM.,PMN.,SPMT.,
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Encik Yahaya bin Ali, PJC.
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Abdullah, PJC.
WAKIL TEPUH

Yang Berhormat Haji Awang bin Jusoh, JP.,PJK.
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Encik Wan Hassan bin Mohd Ramli
WAKIL SURA

Yang Berhormat Haji Ismail bin Haji Mamat, PJK.
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Haji Nik Muhammad Zawawi bin Salleh
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Abdullah bin Mat Dan
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Dr. Haji Mamad bin Puteh
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Haji Azman Shapawi bin Abdul Rani
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Dr. Haji Sulaiman bin Abdullah
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Haji Mohamad bin Hitam
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Encik Shaharizukirnain bin Abd. Kadir
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Haji Ismail bin Harun
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Hassan bin Mohd Salleh
WAKIL BUKIT PAYUNG

Yang Berhormat Haji Abdul Aziz bin Haji Abas
WAKIL KAMPUNG RAJA

Yang Berhormat Haji Mehamad bin Sulong
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Haji Roslan bin Haji Ismail
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Encik Rozali bin Muhammad
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Encik Md. Azmi bin Lop Yusof
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah,
SPMT.,DSMT.,PJN.,JSM.,PJC.,PPN.,PJK.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Mulia Tengku Putera bin Tengku Awang
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali,
DPMT.,AMN.,PJK.

Yang Berhormat Encik Rosol bin Wahid
WAKIL AJIL

13 September 2000

HADIR MENURUT FASAL XIII (3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Senara Muda (Dato' Haji Mazlan @ Nanri bin Hashim),
DPMT.,ASM.,KMN.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Dato' Ab. Karim bin Ab. Rahman, DPMT.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Y.M. Dato' Ku Abdul Azah bin Syed Alwee,
DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik Osman bin Muda, PJK.

PUKUL 2.30 PETANG

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan pegawai-pegawai kerajaan, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Dewan diambung semula dan marilah sama-sama kita membuka persidangan ini dengan membaca umul Quran, AL-FATIHAH.

Dewan dimulakan dengan Soalan-soalan Lisan. Dijemput dan dipersilakan Yang Berhormat Wakil Kemasik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang pertama --

> *Adakah benar Pengerusi-Pengerusi Lembaga Pengarah Syarikat-syarikat anak, Syarikat-syarikat Bersekutu dan Kumpulannya, dan Sub-subsidiari Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu serta Agensi-agensi Kerajaan milik Kerajaan Negeri, tidak menerima elaun bulanan?*

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, daripada 98 buah syarikat-syarikat anak, syarikat-syarikat bersekutu dan kumpulannya dan sub-subsidiari PMINT, hanya 29 orang Pengerusi menerima elaun bulanan. Kesemua Pengerusi syarikat yang terdiri daripada ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri tidak menerima elaun bulanan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dalam persidangan Dewan yang lalu Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada mengatakan bahawa semua Pengerusi-pengerusi anak syarikat tidak diberi elaun dan berkhidmat secara sukarela. Hari ini kita dengar bahawa sebahagian daripada Pengerusi-pengerusi syarikat tersebut menerima elaun bulanan.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, barangkali Wakil Kemasik tak dengar betul dalam persidangan yang lepas. Apa yang disebut bahawa Exco-exco yang menjadi Pengerusi syarikat-syarikat yang tidak menerima elaun. Tidak semua sekali, Exco saja. Itulah yang ditekankan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan kedua --

> *Adakah Kerajaan sedar bahawa kegiatan pengambilan pasir di sekitar kawasan Lapangan Terbang Kerteh telah mengakibatkan kerosakan muka bumi yang teruk?*

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sehingga kini Pentadbir Tanah Kemaman telah meluluskan 4 permohonan pengalihan pasir darat dan 1 permohonan pengalihan tanah merah di sekitar kawasan Lapangan Terbang Kerteh. Daripada 4 permohonan pengalihan pasir darat yang telah diluluskan tersebut hanya 2 permohonan sahaja dan 1 permohonan pengalihan tanah merah yang telah beroperasi. Setiap kelulusan yang diberikan adalah berdasarkan kepada keadaan rupa bumi yang berbukit atau berbonggol dan syarat-syarat pengambilan yang dikenakan ialah pada paras jalan sedia ada atau pada paras kawasan sekitar, di samping syarat-syarat yang ditetapkan.

Walaupun demikian, pentadbiran tanah sentiasa menjalankan kerja-kerja pemantauan ke atas kerja-kerja yang dijalankan supaya syarat-syarat pengambilan dipatuhi sepenuhnya oleh pemohon-pemohon berkenaan. Bagi memperkuatkan kerja-kerja pemantauan, pentadbiran tanah hanya meluluskan permit pengalihan bagi tempoh sebulan ke sebulan. Tiap-tiap sambungan yang akan diluluskan adalah memerlukan kepada pematuhan syarat-syarat sepenuhnya. Kebenaran akan dibatalkan dan deposit akan dirampas sekiranya pemohon gagal mematuhi syarat-syarat pengambilan yang dikenakan. Sehingga ini, didapati semua kerja-kerja pengalihan tersebut telah mematuhi syarat-syarat tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan yang diberi kepada Soalan Bertulis, bilangan pengusaha pasir yang diluluskan hanya 4 di daerah Kemaman. Dan pengusaha pasir di sekitar Lapangan Terbang Kerteh tidak tercatat di dalam kelulusan yang diberi dalam jawapan bertulis ini. Adakah kawasan yang diusahakan sekarang di sekitar Lapangan Terbang Kerteh tidak mendapat kelulusan ataupun lesen pengusaha pasir.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Kerteh termasuk di dalam daerah Kemaman jadi jawapan secara menyeluruh daerah Kemaman. Di mana yang telah diberikan, inilah yang telah diberi kelulusan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Tapi jawapan, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, jawapan yang diberi kepada saya melalui Soalan Bertulis tidak terdapat kawasan Lapangan Terbang Kerteh, 4 kawasan. Betul daerah Kemaman ... ada dengan saya.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Tuan Yang Dipertua, saya dah menyebut tadi bahawa dalam daerah Kemaman itu termasuk sekitar Lapangan Terbang Kerteh. Jadi bila disebut Kemaman, itulah jawapannya. Dan suka saya menyebut bahawa sehingga ini kita belum menerima satu laporan yang menyatakan adanya suatu yang didakwa oleh Yang Berhormat itu bahawa kejadian yang teruk di sekitar Lapangan Terbang Kerteh.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Tuan Yang Dipertua, penjelasan. Kelulusan yang dalam jawapan bertulis ... izinkan saya baca: Kawasannya yang pertama di Pulai Putih, Mukim Tebak, yang kedua Kampung Batu 14, Mukim Tebak, kelulusan yang ketiga Batu 13, Mukim Tebak dan kelulusan yang keempat Kampung Pak Saman Mukim Banggul. Tak ada kawasan di Kerteh tapi kawasan di sekitar Lapangan Terbang Kerteh diambil tanah sebegitu teruk. Tidak sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi dikawal dan sebagainya sebab saya ada bukti, yang pengambilan pasir tersebut merosakkan muka bumi. Saya ada gambar-gambar yang diambil di sekitar kawasan tersebut.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih kepada Yang Berhormat Kemasik, saya harap Yang Berhormat Kemasik tolong bagi gambar tu kepada kita insya Allah kita ambil perjalanan berhubung dengan perkara ini. Dan kita mintalah agensi yang berkenaan tu akan mengambil perjalanan, insya Allah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya serahkan 20 keping gambar tersebut kepada Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Berapa keping?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Dua puluh.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Bila jadi jurugambar tu Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Tak tahulah, takut hari ini pergi baiki dah.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, berkenaan dengan pengambilan pasir. Saya difahamkan pengambilan pasir ini tidak dibenarkan pada hari Jumaat dan Sabtu. Pohon penjelasan, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Saya tidak dapat menjelaskan secara tepat hari-hari yang tidak dibolehkan itu saya kena minta notislah berhubung dengan perkara ini. Tapi kalau peraturan itu ada menyebut demikian dalam surat yang diluluskan dan kalau mereka buat juga, ertinya melanggar peraturan dan agensi, jabatan berkenaan akan mengambil tindakan berhubung dengan perkara ini.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, hal ini diberi sungutan oleh pengusaha-pengusaha kilang bata blok yang mana dikatakan bahawa ini menyekat peluang ataupun tambahan pendapatan bagi mereka yang bercuti hari Sabtu dan hari Jumaat. Jadi saya mohon penjelasan.

Dan satu lagi Yang Dipertua, berkenaan dengan cukai pemindahan bata-bata ini. Adakah ini juga dikenakan kepada pengusaha-pengusaha bata ini?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kita akan semak balik perkara yang dibangkitkan itu dan kita akan mengambil perjalanan, insya Allah.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya difahamkan berkenaan dengan masalah ini ada Exco yang kerjanya tahan lori yang curi pasir.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, ini satu ... kalau benar perkara ini minta laporlah kepada kita. Kalau misalnya, Exco ini melakukan di luar daripada bidang kuasa yang ada pada dia, minta dilaporkan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan saya tadi tak jawab lagi Yang Berhormat berhubung dengan kawasan Lapangan Terbang Kerteh sama ada mendapat kelulusan ataupun tidak?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, selain daripada apa yang disebut dalam jawapan bertulis dan lisan, ertinya yang lain tu tak ada yang diberikan kelulusan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Jadi, bermakna sahihlah bahawa pengusaha pasir di sekitar Lapangan Terbang Kerteh tidak mendapat kelulusan daripada pihak yang bertanggungjawab. Jika tidak mendapat kelulusan, apakah tindakan yang sepatutnya diambil oleh pihak kerajaan?

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Itulah apa yang telah saya jelaskan tadi, kita akan *check* balik dengan pihak jabatan yang berkenaan dan kita akan ambil perjalanan, insya Allah.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Penjelasan, Yang Dipertua. Saya minta Wakil daripada Yang Berhormat Kemasik, bolehkah menyebut siapa nama yang pengusaha pasir di kawasan Kerteh.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. kawasan tersebut diambil pasir begitu teruk, siapa yang ambil saya tak tahu. Itu terpulanglah kepada pihak kerajaan untuk menyiasat sebab dikendalikan secara haram. Takkan Pejabat Tanah tidak mengambil tindakan berhubung dengan perkara ini, sedangkan beratus-ratus lori pasir telah diangkut daripada kawasan tersebut dan jual kepada syarikat-syarikat yang mengendalikan pembinaan jalan keretapi.

Satu lagi Yang Berhormat Yang Dipertua, tadi saya beri 20 keping gambar, ada gambar yang sama. Boleh saya minta untuk simpanan saya.

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Kita beri baliklah.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Tuan Yang Dipertua, mengikut maklumat yang dapat saya tahu pengusaha yang dijalankan di kawasan Kerteh yang diluluskan oleh kerajaan dahulu, setakat yang saya tahu adalah salah seorangnya adalah wakil peribadi Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Amar, Menteri Besar yang lalu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, itu soal dia. Soal saya sekarang pasir di kawasan tersebut tidak mendapat kelulusan daripada pihak berkenaan. Itu siapa nak ambil, dulu ke ... sekarang, itu terpulang kepada pihak berkenaan. Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Dipersilakan Yang Berhormat Wakil Telemong.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Saya pertama saya yang saya soal mengenai perbandingan kadar jenayah, ditolak. Soal kedua –

> *Berapa anak syarikat kerajaan atau syarikat yang berkepentingan Kerajaan Terengganu, setelah dibuat kajian yang tanya ditutup/perlu ditutup.*

YANG BERHORMAT HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Soalan yang sama telah saya jelaskan semalam waktu saya menjawab salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat dan perkara ini perkara yang sama.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tuan Yang Dipertua, soalan ketiga saya mengenai apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri demi untuk merapatkan hubungan dengan Kerajaan Pusat .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Soalan tak perlu dibaca, sebut nombor soalan tu.

YANG BERHOMRAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): .... maksud saya telahpun dijawab .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sebut nombor soalan.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): .... dan dizahirkan oleh kerajaan semalam, saya tidak perlu jawapan kepada soalan ini. Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT TUAN GURU MENTERI BESAR: Yang Dipertua, berhubung dengan soalan yang ketiga, hubungan Kerajaan Negeri, Kerajan Pusat adalah sebagaimana diperuntukkan di bawah Perlembagaan Malaysia. Sekiranya Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat menghayati dan mengikuti sepenuhnya, kuasa-kuasa dan peruntukan-peruntukan Perlembagaan Malaysia maka persoalan Ahli Yang Berhormat adalah tidak berbangkit. Sekiranya apa yang ada dalam Perlembagaan tidak dihormati maka sudah tentulah menimbulkan perkara-perkara yang dibangkitkan dan Kerajaan Negeri telah melakukan usaha, walaupun sebelum ini ada belum timbul isu-isu yang boleh menimbulkan ketegangan di mana Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa yang berkenaan telah mengadakan kunjungan kepada Menteri-Menteri Pusat. Dan ada Menteri Pusat yang berkunjung ke sini dan mengadakan perbincangan dengan Pengerusi-Pengerusi yang berkenaan. Suka saya menegaskan juga bahawa ... kita tidak mengambil kira adanya Menteri-Menteri yang melawat melalui pintu belakang. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah yang dimaksudkan *melawat ikut pintu belakang?*.

YANG AMAT BERHORMAT TUAN GURU MENTERI BESAR: Tuan Yang Dipertua, antaranya ialah melakukan lawatan di atas nama parti tapi menggunakan kapal terbang kerajaan dan menggunakan alat-alat kerajaan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya tidak bersetuju dengan istilah *pintu belakang* cuma jenis lawatan itu berbeza, bukan lawatan rasmi yang dimaksudkan itu lawatan parti. Jadi tidaklah boleh Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya katakan ... saya anggap sebagai *lawatan pintu belakang*. Pintu belakang boleh membawa makna, kalau dipersetujui oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, bahawa lawatan itu dibuat secara sulit dengan tujuan-tujuan yang tertentu dan kadang-kadang mengandungi tujuan yang jahat, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Lebih kuranglah tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Tuan Yang Dipertua, lebih kurang macam mana maksudnya tu? Saya rasa tentulah Yang Berhormat yang berkenaan mesti bertanggungjawab jangan cakap sebarang saja, mesti bertanggungjawab.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya nak tanya ... penjelasan saja. Banyak benda hak dok setuju tapi orang buat juga.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya rasa serupalah lawatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Terengganu keluar negara melalui *pintu belakang*. Kalau diistilahkan *pintu belakang*. Terima kasih. atas jawapan yang diberi.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Wakil Telemong ni daripada kelmarin lagi dok berapa reti bahasa sedikit. Sebenarnya memang ada Menteri di peringkat Pusat yang melawat Terengganu bagi tujuan parti UMNO tetapi menggunakan agensi Kerajaan Negeri.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya lebih pada reti bahasa, saya menjawab kepada soalan orang yang tidak reti bahasa. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, memang sebenarnya Yang Berhormat daripada Telemong bercakap apa yang dia fikir dia nak tetapi dia tidak tahu apa yang sebenarnya dia bercakap.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya dibenarkan mengeluarkan soalan. Saya kata tadi soalan yang ketiga dah dijawab semalam, tak perlu jawapan. Tapi Yang Amat Berhormat Menteri Besar jawab, jawapan tidak menyenangkan kita. Jadi adakah salah pada kita menjawab balik .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Jadilah, cukup dengan perkara itu. Kita tamatkan sekadar itu dan saya minta Wakil daripada Ajil mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang pertama

Apakah rasional atau justifikasi kerajaan menutup kedia-kedai Yayasan Pembangunan Keluarga?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahatullahi taala wabarokatuh, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Wakil Ajil yang bertanya apakah rasional atau justifikasi kerajaan menutup kedai-kedai Yayasan Pembangunan Keluarga.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa Yayasan Pembangunan Keluarga tidak ada kedai yang ada ialah Kedai Keluarga iaitu salah satu aktiviti Permodalan YPK salah sebuah syarikat, anak syarikat kepada Yayasan Pembangunan Keluarga. Rasional yang dibuat, menjual kedai keluarga ialah untuk memenuhi hasrat kerajaan baru yang dipilih oleh rakyat yang tidak mahu ada persaingan dalam perniagaan yang boleh dijalankan oleh rakyat terutamanya bumiputera, orang-orang Melayu. Dan yang keduanya, rasional kedai ini ditutup kerana kedai keluarga ini terus menerus menanggung kerugian. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan Tuan Yang Dipertua. Berapa ramaikah kakitangan yang terlibat apabila proses penutupan ini dilaksanakan.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan Tuan Yang Dipertua. Berapa ramaikah kakitangan yang terlibat apabila proses penutupan ini dilaksanakan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sebenarnya istilah tutup tu maksudnya dijual bukan tutup terus. Jadi antara syarat penjualan kedai-kedai ini ialah pemilik baru mengambil kesemua pekerja-pekerja yang bekerja dengan kedai-kedai tersebut. Jumlah pekerja yang terlibat seramai 54 orang dan semuanya diserapkan dalam syarikat baru yang mengambil alih dan tidak seorangpun yang dibuang kerja. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, tadi ada Ahli Yang Berhormat menyatakan penutupan kedai ini ataupun penjualan kedai-kedai keluarga ini adalah untuk mengelak persaingan. Jadi, soalannya bagaimana dengan syarikat-syarikat lain yang menggangu ataupun mengadakan persaingan dengan syarikat-syarikat bumiputera yang lain.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Tuan Yang Dipetua, semalam telah diberi jawapan oleh Yang Berhormat Wakil daripada Pengkalan Berangan. Kita sedang mengkaji keseluruhan syarikat-syarikat ataupun anak-anak syarikat yang kerajaan ada kepentingan, melihat prestasi kedudukan mereka dan mana yang perlu diambil tindakan akan diambil tindakan dari masa ke semasa. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Tuan Yang Dipertua. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan kedua --

> *Kerajaan Pusat telah menubuhkan Majlis Perundingan Belia Negara. Apakah tindakan dan perancangan Kerajaan Negeri?*

YANG BERHORMAT ENCIK WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua soalan daripada Wakil Ajil bertanyakan tentang Majlis Perundingan Belia Negara dan apakah tindakan dan perancangan Kerajaan Negeri.

Majlis Perundingan Belia Negara telah lama diwujudkan oleh Kerajaan Persekutuan tetapi ianya tidak aktif di peringkat negeri. Exco Kerajaan Negeri telah dijemput menghadiri Persidangan Majlis Belia Negara pada 22 Jun 2000 di Kuala Lumpur yang mana antaranya membincangkan mengenai Majlis Perundingan Belia Negara.

Oleh kerana Jawatankuasa Belia, Sukan, Kebudayaan dan Pelancongan Negeri Terengganu sedang di dalam proses penyediaan Kertas Konsep Dasar Belia Negeri dan selepas daripada itu akan melihat konsep dasar tersebut dengan perlembagaan Majlis Perundingan Belia Negara bagi diambil tindakan selanjutnya. Terima kasih Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan Tuan Yang Dipertua. Berapa lamakah kajian ataupun konsep itu akan disiapkan.

YANG BERHORMAT ENCIK WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Sebelum 31 Disember 2000. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Aijl): Terima kasih Tuan Yang Dipertua. Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan ketiga -

Apakah kriteria dasar pemutihan bantuan Kebajikan Masyarakat yang digunapakai oleh Kerajaan Negeri?

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Kerajaan Negeri begitu bersungguh sekali untuk membantu golongan yang benar-benar miskin dengan menaikkan kadar bantuan am kepada golongan tersebut. Bagi memastikan keadilan dapat dilaksanakan kepada mereka yang benar-benar berhak mendapat bantuan dan supaya tidak berlaku kezaliman, maka Kerajaan Negeri meminta Jabatan Kebajikan Masyarakat membuat penyiasatan kaji semula yakni Program Pemutihan kepada semua penerima bantuan am bagi mengenal pasti bantuan ini hanya diberi kepada golongan yang betul-betul layak dan golongan yang tidak layak ditamatkan.

Kriteria dasar pemutihan bantuan am adalah seperti berikut:

(a) Pendapatan Ketua keluarga tidak melebihi RM400.00 sebulan
(b) Kedudukan sosio-ekonomi dan pendapatan diri atau keluarga telah melebihi garis kemiskinan
(c) Anak penerima bantuan telah mendapat pekerjaan dan mendapat pendapatan yang baik
(d) Ibu tunggal telah berkahwin dan suami mempunyai pendapatan yang baik
(e) Penerima bantuan yang telah mendapat bantuan Felda ataupun Felcra
(f) Mempunyai harta atau aset yang baik yang dapat menampung keperluan keluarga
(g) Menunaikan ibadat Haji
(h) Orang-orang yang sakit yang sudah pulih dan sudah boleh bekerja semula
(i) Isteri banduan yang suami telah tamat penahanan ataupun pemulihan yang telah kembali kepada keluarga
(j) Orang tua yang dikesan mempunyai harta pendapatan dan anak-anak mempunyai pendapatan yang baik dan mampu menanggung
(k) Orang cacat atau kurang upaya yang dikesan mempunyai harta pendapatan yang cukup dan kedudukan anak-anak mereka yang mampu membantu dan menanggung mereka
(l) Orang yang mempunyai pekerjaan tetap dan mendapat pencen dan pampasan serta lain-lain harta yang diperolehi semasa tempoh menerima bantuan dan pendapatan tersebut melepasi garis kemiskinan

Untuk maklumat Yang Berhohmat, semua maklumat yang diperolehi adalah dari sumber yang jelas dan sah, seperti dari anak keluarga sendiri dan mereka yang terlibat, di mana mereka yang menepati kriteria ini ditamatkan pemberian bantuan dan bukanlah kerajaan bertindak sesuka hati tetapi kerajaan bertindak secara telus, beramanah dan bertanggungjawab. Dan diharapkan tidak ada mana-mana pihak yang mempertikaikan tindakan yang baik ini. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Dinyatakan tadi bahawa maklumat yang diterima adalah dari fakta yang jelas dan sah. Ada atau tidak maklumat-maklumat ini diterima daripada laporan JSR yang mempunyai prasangka buruk terhadap penerima-penerima ini?

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Tidak ada daripada JSR sebagaimana yang dianggap oleh Yang Berhormat itu. Laporan semua kita ambil daripada Pegawai Kebajikan Masyarakat yang ditugaskan untuk membuat penyiasatan. Dan untuk maklumatnya, pegawai ini jugalah pegawai semasa Kerajaan Barisan Nasional dulu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Apa yang berlaku di kawasan saya Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, maklumat-maklumat ini dikumpulkan oleh Pengerusi JSR yang pergi dari rumah ke rumah. Dan yang paling menyedihkan Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, ada mereka yang layak tidak diberi dan mereka yang tidak layak diberi. Soalan seterusnya Tuan Yang Dipertua, tambahan - Ada atau tidak data-data berapakah yang menjadi kesan pemutihan mendapat bantuan daripada anak-anak mereka.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Apa yang dibangkitkan oleh Wakil Ajil tadi saya mahu laporan. Kalau ada laporan sila kemukakan kepada kita di sini. Kemudian berhubung dengan yang kedua tadi sebagai tambahan, saya minta soalan sekali lagi.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Saya tanya, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, data anak-anak yang membantu mereka atau ibu bapa yang dikecuali, yang terlibat dengan pemutihan ini. Ada data atau tidak?

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Ajil): Berhubung dengan data ini kena beri notis kepada saya.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kelmarin Yang Berhormat yang berkenaan ada mengatakan bahawa seramai 1,492 orang penerima bantuan am ditamatkan bantuannya. Adakah ini bermakna, jumlah ini 1,492 ini yang telah dikeluarkan daripada golongan orang miskin?

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Ya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan dalam masa tidak sampai setahun telah dapat mengangkat darjat seramai 1,492 orang daripada orang miskin kepada orang yang tidak lagi miskin. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, untuk maklumatnya sekarang ni kita dalam proses 4,000 lagi yang memohon bantuan ni yang tersisih dalam masa pemerintahan Barisan Nasional dulu.

YANG BERHORMAT HAJI SAIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Hak tinggallah tu zaman UMNO dulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya sukalah menambah sedikit lagi pertanyaan. Adakah ini bermaksud bahawa pemutihan ni bermakna mengeluarkan orang-orang yang selama ini disifatkan sebagai orang miskin ataupun kerja-kerja membersihkan orang PAS, orang UMNO atau dengan perkataan mudah orang Terengganu, menyisihkan orang PAS daripada orang UMNO dalam menerima bantuan ini.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya dak sangka Wakil Seberang Takir membuat andaian yang tidak begitu baik dalam Dewan ini. Jadi oleh kerana kita sekarang ni melaksanakan dasar pemerintahan Islam yang berasaskan kepada keadilan Ilahi, jadi saya beri jaminan di sini bahawa sesungguhnya kita akan bertindak mengikut keadilan sebagaimana yang dikehendaki oleh al-Quran dan sunnah. Itu apa yang saya nyatakan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, bukti-bukti jelas dalam amalan pemutihan ini berlaku kezaliman atau ketidakadilan. Kalau ini dapat diselesaikan oleh pihak yang berkenaan sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kata pemimpin adil, telus, berhemah ikut sunnah tapi hak bawah nu Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, tolong selesaikan.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Tuan Yang Dipertua, hak bawah mana tu?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Peringkat pimpinan kampung, JSR, berebut tongkat masjid dan sebagainya.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Tu atas dah tu bukan bawah.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Dipersilakan Yang Berhormat Wakil Seberang Takir.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan yang pertama –

> *Apakah rasionalnya Kerajaan Negeri Terengganu melarang Pegawai dan kakitangannya bertugas di dalam Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung?*

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sejak kerajaan baru Barisan Alternatif pimpinan PAS mengambil alih kuasa, JKKK telah dimansuhkan. Oleh itu tidak timbul soal apakah rasional kerajaan melarang kakitangan kerajaan daripada bertugas di dalam Jawatankuasa JKKK ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah kerajaan sebenarnya membatalkan lantikan ke dalam JKKK yang telah lalu ataupun memansuhkan JKKK itu sendiri di Terengganu?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya dah kata tadi dalam kamus kerajaan baru, tak dok JKKK. Jadi kalau adapun hak haramlah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat mengakui masih ada lagi JKKK di Terengganu?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Tak dok Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.
YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat, soalan belum habis lagi saya rasa.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Silakan –

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Soalan yang kedua Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua –

> *Tidakkah larangan kepada Pegawai dan kakitangan Negeri Terengganu menjadi Ahli JKKK menafikan hak seseorang rakyat daripada terlibat sama dalam kegiatan pentadbiran Negeri yang boleh ditafsirkan sebagai bercanggah dengan Hak-hak Asasi Manusia?*

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, seperti mana yang telah saya jelaskan tadi tetapi nampaknya Wakil Seberang Takir tak faham. Soalannya, saya bacalah biar orang dengar: *Tidakkah larangan kepada Pegawai dan Kakitangan Negeri Terengganu menjadi Ahli JKKK menafikan hak seseorang rakyat daripada terlibat sama dalam kegiatan pentadbiran negeri yang boleh ditafsirkan sebagai bercanggah dengan Hak-hak Asasi Manusia?*

Jawab ringkasnya tidak, Yang Berhormat Yang Dipertua dan JKKK tidak lagi wujud di Negeri Terengganu tetapi mendukacitakan Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, UMNO dan Barisan Nasional cuba menghidupkan yang telah mati dengan harapan menjadi *ayam gila mengeram*. Yang

kedua, tidak tahu nak terima hakikat bahawa bahtera dia dah tenggelam. Yang ketiga, tindakan angkuh dan sombong ini di luar undang-undang dan tidak berperlembagaan. Ianya juga di luar dari lunas-lunas pentadbiran kerana Jawatankuasa JKKK itu tidak berada di bawah perlembagaan tetapi ciptaan pentadbiran untuk menyokong pentadbiran Kerajaan Negeri. Yang keempatnya, niat jahat untuk mengekalkan perpecahan ekoran daripada kerja-kerja JKKK dulu. Yang kelimanya, ialah niat jahat supaya rakyat terus berpecah belah. Wallahualam.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Yang Dipertua, terima kasih atas jawapan yang begitu panjang. Tapi mengikut satu Pekeliling yang ditandatangani oleh Setiausaha Kerajaan, saya baca tajuknya Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua: Pekeliling Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu Bilangan 11 Tahun 2000 - Larangan Menyertai Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), ertinya kerajaan mengaku adanya JKKK. Tadi Yang Berhormat berkenaan mengatakan JKKK tidak ada lagi. Saya tak reti di sini. Sebab itu saya bertanya bersungguh-sungguh tadi, adakah Kerajaan Negeri membatalkan pelantikan orang dalam JKKK ataupun memansuhkan JKKK?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, dia macam empat nombor ekor haram juga. Ada orang buat kerja-kerja hodoh ni jadi Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan terpaksa mengeluarkan edaran itu kerana menghalang, takut-takut ada pegawai-pegawai ni masih mabuk lagi, tak kenal lagi JKKK ni dah mampus dah jadi dia kena buat arahan begitu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya rasa Yang Berhormat yang berkenaan dan mungkin juga pihak pentadbiran Setiausaha Kerajaan tidak sedar sama ada, ada ataupun tidak sebab *circular* ini sendiri, pekeliling ini sendiri mengakui wujudnya JKKK jadi dilarang, dicegah pegawai-pegawai kerajaan menjadi anggota JKKK. Bagaimana Yang Berhormat nak menafikan adanya benda ini?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya tak nafikan *circular* itu dan memang *circular* itu arahan kerajaan kerana kita tahu bahawa UMNO dan Barisan Nasional ada hidupkan pertubuhan haram ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya tidak setuju sama sekali dikatakan pertubuhan haram. Kalau betul-betullah pertubuhan haram JKKK itu, saya cabar Kerajaan Negeri Terengganu mengadili atau membawa ke mahkamah pertubuhan haram ini seperti juga pertubuhan-pertubuhan yang lain.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Tak payah cabar Yang Berhormat Yang Dipertua, kita tak iktiraf - macam mana nak iktiraf empat nombor ekor haram itu, tak boleh bawa ke mahkamah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Tidak bermakna yang kita tidak iktiraf itu haram. Mungkin kerana tabiat kita tidak mengiktirafkan sesuatu yang baik kepada orang kerana tabiat jahat kita Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Minta penjelasan Tuan Yang Dipertua, dah hak haram tu ada sungguh ke JKKK tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): JKKK yang ada halal bukan haram.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dah ada lagi ke JKKK tu, saya nak kepastian juga.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Memang ada sebab itulah ada Pekeliling daripada Kerajaan Negeri.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dah masa mana pula dia hidup, kan tak dohkan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Tuan Yang Dipertua, beri saya peluang menerangkan kerana adalah maka Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan melarang pegawai-pegawai kerajaan untuk masuk.

YANG BERHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Yang Dipertua, biarlah saya beri sedikit penjelasan mengenai kedudukan JKKK ini. Kita mempunyai perlembagaan sebagaimana yang dikatakan tadi, Kerajaan *Federal* ada hak dia dan Kerajaan *State* ada hak dia. Mengenai JKKK ni Jawatankuasa Kampung dan juga apa nama sekalipun kita nak panggil jawatan apapun JSR ke, JKKK ke itu adalah kepunyaan Kerajaan Tempatan iaitu di bawah Kerajaan Negeri. Jadi di sini biarlah saya baca sedikit Perlembagaan Artikel 80 Clause No. 2, dia kata: *The Executive Authority of the Federation dose not exstand to any matter in the inumerated State List.* Di antara perkara-perkara yang di*inumerated* yang disebutkan dalam *State List* ialah Kerajaan Tempatan. Dan Kerajaan Tempatan itu ialah JKKK, JSR dan sebagainya. Jadi jikalau Kerajaan Persekutuan masih lagi mengadakan JKKK, ini sudah *interprence with the soverity of the state,* itu saja. Dan jikalau lagi ... macam mana jikalau UMNO tidak buat tak usahlah bubuh nama JKKK, bubuhlah nama lain itu lebih senang. Dan siapakah yang membiayai JKKK ini, Kerajaan Pusat ke ataupun parti lawan kita, itu saja. Jadi arahan tadi kepada pegawai-pegawai itu seimbang apa yang dikehendaki oleh perlembagaan bahawa pegawai-pegawai kerajaan mesti berkecuali, mengambil sikap berkecuali mengenai dengan hal ehwal politik meskipun dia ada simpati kepada mana-mana parti dia mesti diam kalau dia nak bekerja dengan kerajaan. Kalau tidak lebih baik dia berhenti seperti saya kata semalam. Wallahualam, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya tidak bersetuju kalau mengatakan bahawa pegawai kerajaan berkecuali dalam politik. Kalau pegawai Kerajaan Negeri digalakkan menyertai JSR kemudian dilarang pula untuk masuk JKKK, saya rasa ini tidak berkecuali itu berat sebelah Yang Berhormat Yang Dipertua. Saya tidak boleh terima alasan ataupun ulasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Tun.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Seberang Takir pembangkang, dia tidak ada hak untuk tidak bersetuju dengan kerajaan. Ini adalah arahan kerajaan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, mengatakan atau menafikan hak saya, menegah ataupun tidak menyokong kerajaan ataupun langkah-langkah yang akan dijalankan oleh kerajaan, itu menafikan hak saya sebagai seorang Ahli Dewan Undangan Negeri. Ini Yang Berhormat Wakil Batu Buruk ni barangkali tidak faham betul-betul kedudukan dan hak sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri. Masalah bangkangan saya diterima atau tidak, itu soal kerajaan. Jadi kerajaan tidak boleh nak mengawal saya daripada menyatakan larangan atau bantahan ataupun sebarang perkara, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Tuan Yang Dipertua, dia boleh bangkang, 100 hari bangkang tak apa. Tetapi tidak boleh berkata bahawa dia tak setuju dengan hak kerajaan buat. Ini hak kita memang dia tak setuju.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Membangkang ertinya mengatakan tidak setuju dalam bahasa yang lain. Saya tidak faham Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, seorang peguam tidak tahu perbezaan antara tidak setuju dengan membangkang.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, semata-mata untuk mengganggu pentadbiran negeri dan inilah saluran yang dibuat oleh JKKK, inilah yang kita tidak setuju.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, jawapannya kasar tadi. Sebenarnya gangguan daripada pihak Kerajaan Pusat tidak timbul, Pekeliling dikeluarkan oleh Kerajaan Pusat sebagaimana juga penubuhan agensi serta jabatan Kerajaan Pusat yang berada di Dewan yang mulia ini. Bagi mewakili Kerajaan Pusat dan di peringkat bawah .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Penjelasan Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, ini bercakap tak tahu hal perlembagaan. Kita kena tahu mana *state list* mana *federal list*, mana peraturan-peratuan yang diberi perlembagaan kepada negeri. Penubuhan jabatan-jabatan ini mengikut perlembagaan tetapi JKKK saya katakan tidak ada dalam perlembagaan ianya sokongan kepada perkhidmatan, pentadbiran yang ditubuhkan oleh negeri. Negeri tidak mengiktiraf lagi JKKK yang lama.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya tertarik apa yang diperkatakan JKKK dan empat nombor ekor tadi. Apakah hukumnya sama masuk JKKK dengan empat nombor ekor?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Sama saja Yang Dipertua, pertubuhan haram sama saja.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, minta maaf saya masih tak boleh terima kenyataan Yang

Berhormat Wakil Batu Buruk mengatakan JKKK haram. Dan kalau benarlah haram saya cabar seperti yang saya katakan tadi dan saya ulangi supaya kerajaan bertindak ke atas badan ataupun lembaga yang haram ini.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, tak perlu cabar dan memang kita akan cabar Kerajaan Persekutuan kerana mengacau-ganggu kepada Kerajaan Negeri mengikut perlembagaan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan yang ketiga –

> *Adakah perlu Jawatankuasa Syura Rakyat (JSR) diiktiraf oleh Kerajaan Persekutuan?*

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan terakhir datang daripada Wakil Seberang Takir berbunyi: *Adakah perlu Jawatankuasa Syura Rakyat (JSR) diiktiraf oleh Kerajaan Persekutuan?* Jawabnya – tidak, kerana ini adalah khusus bagi sokongan pentadbiran Negeri.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Soalan tambahan Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Saya meminta penjelasan ini kerana ada waktu-waktunya, tempat-tempatnya yang tertentu dalam kehidupan kita sehari-hari, borang-borang, kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh rakyat mesti disahkan, diperakukan oleh badan-badan tertentu dan salah satu daripadanya ialah Ketua Kampung ataupun Pengerusi JSR. Kalau tidak mendapat mengesahan daripada Kerajaan Persekutuan ertinya JSR ataupun Ketua Kampung atau Pengerusinya tidaklah berhak ataupun pengesahannya tidak boleh diterima oleh badan-badan Persekutuan, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, bukan sekadar borang-borang yang Persekutuan tak terima hak kita di bawah royalti petroleum pun tak diterima oleh Persekutuan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Dengan soalan yang ditimbulkan oleh Wakil daripada Seberang Takir itu, selesailah kita dalam sesi soalan-soalan lisan.

13 September 2000

ENAKMEN KOLEJ UGAMA SULTAN ZAINAL ABIDIN (PINDAAN) 2000

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin 1981, dibaca pada kali yang pertama.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN KOLEJ UGAMA SULTAN ZAINAL ABIDIN 1981, DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin 1981, dibaca bagi yang kedua.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Enakmen Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin 1981 ("Enakmen 3/82").

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai mula berkuat kuasanya Enakmen yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan mentakrifkan istilah "tarikh yang ditetapkan" yang bererti tarikh mula berkuat kuasanya Enakmen ini.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 2 Enakmen 3/81 untuk menggantikan takrif tertentu dan untuk memasukkan takrif baru tertentu untuk ungkapan yang digunakan dalam Enakmen 3/81 berikutan pindaan lain yang dicadangkan kepada Enakmen itu.

Fasal 4 bertujuan membuat pindaan am kepada teks bahasa kebangsaan Enakmen 3/81 untuk menggantikan perkataan "Meteri", "meteri" dan "dimeterikan" masing-masing dengan perkataan "Meterai", "meterai" dan "dimeteraikan" dan perkataan "pelajaran" dengan perkataan "pendidikan".

Fasal 5 bertujuan meminda seksyen 4 Enakmen 3/81 untuk memberi Kolej kuasa, antara lain, untuk menganugerahkan kurniaan kehormat, untuk memberi pinjaman atau pendahuluan kepada

kakitangan Kolej, dan memberi pinjaman atau bantuan kewangan kepada pelajar yang patut menerimanya atas apa-apa had dan syarat yang diluluskan oleh Majlis.

Fasal 6 bertujuan memasukkan seksyen baru 4A ke dalam Enakmen 3/81, yang memberi Kolej kuasa tambahan. Antara lain, ia termasuklah, kuasa untuk meminjam wang, menubuhkan syarikat dan perbadanan. Jika suatu perbadanan ditubuhkan oleh Majlis, ia hendaklah mematuhi peruntukan Jadual baru kepada Enakmen.

Fasal 7 bertujuan meminda seksyen 7 Enakmen 3/81 untuk membolehkan Majlis menubuhkan dan menyenggarakan Cawangan atau Cawangan-cawangannya di luar Negeri Terengganu.

Fasal 8 bertujuan meminda subseksyen 8 (1) Enakmen 3/81 untuk memotong keperluan, di pihak Majlis, untuk terlebih dahulu mendapat persetujuan Raja Dalam Mesyuarat dalam menentukan bahagian Jabatan dan pusat-pusat Kolej.

Fasal 10 bertujuan meminda seksyen 23 Enakmen 3/81 bagi menjelaskan bahawa Pendaftar ialah pegawai utama Pejabat Pendaftaran Kolej.

Fasal 12 bertujuan meminda Enakmen 3/81 untuk memasukkan seksyen baru 24A, 24B, 24C dan 24D. Seksyen baru 24A dan 24B berhubung dengan tatatertib kakitangan Kolej. Seksyen baru 24A memberi Majlis kuasa untuk melantik jawatankuasa tatatertib yang berlainan dengan kategori kakitangan yang berlainan. Seksyen baru 24B bertujuan untuk memberi kuasa kepada Raja Dalam Mesyuarat membuat kaedah bagi mewujudkan kesalahan tatatertib dan hukuman.

Seksyen baru 24C bertujuan mengadakan peruntukan mengenai penamatan perkhidmatan kakitangan Kolej demi kepentingan awam. Seksyen baru 24D berhubung dengan pengenaan surcaj terhadap bekas kakitangan Kolej atau kakitangan Kolej yang sedang berkhidmat berkenaan dengan apa-apa pembayaran yang tak patut, kekurangan atau pemusnahan harta, kegagalan menyimpan akaun atau rekod yang sewajarnya kegagalan atau kelewatan membuat pembayaran, jika tiada penjelasan yang memuaskan bagi tindakan sedemikian diberikan. Amaun surcaj itu hendaklah menjadi suatu hutang yang kena dibayar kepada Kolej.

Fasal 13 bertujuan meminda Enakmen 3/81 untuk memasukkan Bahagian baru IVA berhubungan dengan tatatertib pelajar Kolej.

Fasal 14 bertujuan mengadakan peruntukan peralihan berhubungan perubahan pihak berkuasa rayuan tatatertib pelajar Kolej.

Fasal 15 mengandungi peruntukan peralihan berhubung dengan kaedah-kaedah tatatertib yang sedia ada yang dibuat di bawah seksyen 38 Enakmen 3/81.

Fasal 16 bertujuan meminda seksyen 27 Enakmen 3/81 untuk membolehkan seorang pegawai Kolej yang diberi kuasa secara bertulis oleh Majlis menandatangani cek Majlis.

Fasal 18 bertujuan memasukkan Jadual baru ke dalam Enakmen 3/81. Jadual baru mengandungi peruntukan yang berhubung dengan perbadanan yang ditubuhkan oleh Majlis.

Pindaan-pindaan lain yang tidak disebut dengan nyata adalah pindaan-pindaan yang kecil dan berbangkit.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua. Sekarang saya buka untuk perbahasan. Dipersilakan ... sila Yang Berhormat Seberang Takir.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon izin untuk bercakap dalam Enakmen (Pindaan), Enakmen Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (Pindaan) 2000.

Yang pertama saya mengalu-alukan pindaan ini dengan harapan mudah-mudahan perkara-perkara yang menjadi halangan kelicinan kepada pentadbiran Kolej Sultan Zainal Abidin dapat kiranya diatasi dengan pindaan-pindaan yang agak besar yang didatangkan ke Dewan ini. Tapi dalam hal ini saya suka mengingatkan, ada terdapat pindaan-pindaan yang saya memberi kuasa yang terlalu banyak kepada Majlis dan seterusnya Ketua Kerajaan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar tanpa dirujukkan ataupun diminta kelulusan ataupun diteliti oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan. Misalnya terdapat secara umum, minta maaf Tuan Yang Dipertua, seksyen 8(1) Enakmen ibu dipinda dengan memotong perkataan "dengan persetujuan terlebih dahulu daripada Raja Dalam Mesyuarat". Jadi maksudnya persetujuan daripada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri tidak lagi diperlukan di sini. Kita berharap pindaan-pindaan yang dibuat ini selain daripada apa yang saya sebutkan tadi untuk melicinkan pentadbiran dan mempercepatkan matlamat penubuhan kolej ini tercapai, ia juga dapat kiranya menjadi semacam dengan izin Yang Berhormat Yang Dipertua, *check dan balance*. Saya bimbang kalau-kalau Majlis menjadi satu badan pentadbir yang begitu kuat dan tidak dapat di*check* oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Tambah-tambah pula Yang Amat Berhormat tidak mempunyai masa yang cukup untuk meneliti sesuatu cadangan ataupun sesuatu langkah yang dibuat oleh Majlis bagi pihak kolej terutamanya dalam hal-hal yang memerlukan kesegeraan. Jadi, di sini perlu Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya rasa diberi perhatian kepada perkara yang seumpama ini.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, secara umumnya izinkanlah saya menyampaikan pemerhatian saya mengenai kolej ini akhir-akhir ini. Kolej yang telah kita tubuhkan telah mengeluarkan ramai lulusan-lulusan dalam berbagai-bagai bidang, setengah-setengahnya Alhamdulillah kalau dapat menyambung pendidikan mereka ke IPT luar dan dalam negeri telah mengangkat nama Kolej. Ertinya sekarang kita telah sampai ke peringkat yang kedua, iaitu menaikkan taraf KUSZA bukan lagi sebagai satu institusi pendidikan tinggi yang hanya mengeluarkan Diploma atau menyediakan pelajar-pelajar lulusan Diploma dengan harapan mereka dapat menyambung pelajaran ijazah di beberapa IPT. Walaupun saya sedar ada beberapa kursus tidak banyak sebenarnya, tidak begitu penting yang telah diberi ijazah ataupun dapat disebut satu masa dulu sebagai *Advance Diploma* dalam hal ini. Kalau saya tidak salah keputusan sebenarnya telah dibuat di akhir tahun 1999, dua tiga bulan sebelum pilihan raya untuk mengangkatkan taraf Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin daripada apa yang ada sekarang kepada satu peringkat yang dapat kiranya disebut sebagai Kolej Universiti ataupun universiti penuh dengan beberapa langkah

yang tertentu. Saya berharap cadangan-cadangan ini tidak mati begitu saja kerana kita percaya bahawa kita mampu untuk menjadi Kolej Sultan Zainal Abidin ini sebuah IPT, IPTA ... IPTS yang berwibawa, yang boleh memberi peluang yang sebaik-baiknya kepada anak-anak kita dan juga kepada anak-anak daripada negeri-negeri jiran dan sebagainya.

Satu pemerhatian saya Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, ialah berhubung dengan perkembangan di Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin akhir-akhir ini yang saya nampak terlalu menjurus kepada menjadikan kolej ini sebagai satu tempat menanam fahaman politik. Ini jelas yang pertama-pertamanya Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kalau kita perhatikan kegiatan-kegiatan di Masjid KUSZA dengan khutbah-khutbah yang setiap minggunya boleh dikatakan membawa nada politik sepenuhnya berbeza sekali dengan khutbah-khutbah yang pernah disampaikan sebelum ini. Dan masjid ini juga dijadikan tempat propaganda parti PAS, saya kalau boleh menjemput Yang Berhormat yang tidak pernah berpeluang bersembahyang di masjid ini untuk pergi ke masjid ini dan memerhatikan satu sudut daripada masjid itu telah digunakan sebagai tempat untuk menampalkan poster, ceramah PAS dan lain-lain material atau bahan-bahan propaganda PAS.

Selain daripada apa yang berlaku di masjid, di dalam kelas-kelas juga terdapat pensyarah-pensyarah yang bukan hanya menyampaikan kuliah tapi menyampaikan mesej-mesej politik. Apa yang saya bimbangkan Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, bahawa yang pertama kolej ini akan dipandang oleh orang luar dan juga orang-orang Terengganu, anak-anak Terengganu yang mempunyai fikiran yang sederhana, yang terbuka, bahawa bukan lagi suatu kolej, bukan lagi suatu tempat untuk mendidik anak-anak Terengganu dalam berbagai-bagai bidang tetapi adalah tempat mendidik kader-kader politik PAS, yang pertama. Dan yang kedua, saya bimbang kalau-kalau lulusan Diploma kolej ini akan berat diterima masuk oleh IPT-IPT yang lain tujuan untuk menyambungkan pendidikan. Kerana mereka memikirkan bahawa lulusan Diploma daripada Kolej Sultan Zainal Abidin bukan saja masuk ke IPTA mereka dengan membawa ijazah, dengan membawa kelulusan Diploma tertentu dalam bidang tertentu tetapi membawa juga bersama-samanya fahaman-fahaman yang fanatik, yang keterlaluan, *extremism* dan sebagainya. Jadi saya rasa Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, elok kalau boleh sama-sama kita pastikan bahawa kolej ini terbuka, kolej ini menjadi satu tempat untuk mendidik anak-anak Negeri Terengganu dalam erti kata yang sebenarnya.

Saya telah mendengar beberapa sungutan pelajar-pelajar daripada luar Negeri Terengganu yang merasakan tidak lagi tertarik, tidak lagi rasa ingin seperti yang pernah disebut-sebut dulu untuk datang ke Kolej Agama Sultan Zainal Abidin. Kerana mereka tahu bahawa bila mereka dididik di sini mereka akan dididik sekali gus dengan faham-faham politik yang tertentu.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, terima kasih sumbangan saya dalam hal ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Seberang Takir. Dipersilakan ... Wakil Kuala Besut.

YANG BERHORMAT HAJI NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut): Bismillhi rahmni rahim. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, menyentuh masalah pindaan Enakmen Kolej Agama Sultan Zainal Abidin, bagi saya, saya merasakan ini adalah satu pindaan Enakmen yang sekali gus

memberi laluan yang seluas-luasnya bagi pihak Kolej untuk meningkatkan prestasi-prestasi ilmu pengetahuan yang sudah tentulah soal ilmu pengetahuan ini adalah satu benda yang tidak ada batasan yang kalau ditingkat maka dia memerlukan kepada peningkatan-peningkatan yang lebih jauh. Maka hasil daripada penelitian yang telah dibuat berdasarkan kepada Enakmen-enakmen yang sedia ada maka terlalu perlu Enakmen-enakmen ini mesti dibuat pindaan-pindaan .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, saya rasa Dewan ini terganggu dengan bunyi sama ada telefon ataupun mainan. Pada pemerhati sila ambil perhatian, tutup telefon anda. Teruskan.

YANG BERHORMAT HAJI NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, penelitian-penelitian yang telah dibuat bukan saja melalui mesyuarat-mesyuarat tetapi melalui tinjauan-tinjauan ilmiah bahawa pengwujduan KUSZA kepada suatu peningkatan yang boleh membawa kepada taraf IPT ataupun yang disebut pendidikan tinggi yang bukan saja ianya dikenali di dalam negara kita tetapi insya Allah dengan usaha yang gigih, kita harapkan semoga KUSZA akan menjadi sebuah universiti ataupun sebuah pusat pendidikan yang tinggi yang menjadi contoh ataupun model di dalam negara bahkan di dalam dunia. Kerana ekoran daripada kita melihat pusat-pusat pendidikan yang mengeluarkan pakar-pakar di dalam sesebuah negara kadangkala kita lihat satu pusat pendidikan umpamanya Pusat Pendidikan Islam walaupun ianya diiktiraf oleh sebahagian, umpamanya daripada LAN dan daripada universiti-universiti lain tetapi kita merasakan bahawa keluaran ataupun *graduate* daripada universiti ini kalau melahirkan ulama kadangkala ulama-ulama yang tidak ada ketegasan, ulama-ulama yang tidak berwibawa dan kalangkala ulama-ulama yang asyik menunjuk telunjuk, mengikut telunjuk yang ditunjuk oleh pihak-pihak tertentu. Jadi ini adalah sebahagian besar daripada kegagalan IPTA ataupun universiti-universiti yang ada sama ada dalam negara kita mahupun di luar daripada negara.

Bagi Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada pembangkang jangan kita risau soal kita mewujudkan sebuah universiti yang contoh ataupun kita mendidik pelajar-pelajar ini bukan kita didik mereka ini melalui elemen-elemen PAS ataupun UMNO dan sebagainya tetapi kita meletakkan asas pendidikan di kolej insya Allah, iaitulah pendidikan Islam yang akan menerima siapa saja yang kena dan betul dengan Islam dan akan menolak siapa saja yang tidak kena dan tidak betul dengan Islam itu sendiri. Apa yang berlaku seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Seberang Takir, kebimbangan daripada pelajar-pelajar di luar daripada Negeri Terengganu. Umpamanya bila sebut KUSZA maka dia nampak ini menyebabkan kurangnya sambutan adalah satu tanggapan yang saya rasa tidak berasas kerana permintaan pelajar-pelajar ini memasuki KUSZA adalah satu peningkatan di luar daripada dugaan kita iaitulah sambutan yang begitu hangat bukan saja pelajar-pelajar dari Negeri Terengganu tetapi daripada pelajar-pelajar di luar daripada Negeri Terengganu dan insya Allah kita akan cuba buka kepada pelajar-pelajar di peringkat antarabangsa.

Apa yang suka saya sebut bahawa pendekatan, soal mata pelajaran yang mesti dipelajar di satu-satu pusat institusi pendidikan tinggi mestilah difokuskan kepada Islam. Dalam erti kata yang lain, banyak institusi pendidikan-pendidikan dan saya sendiripun terlibat dengan pengkajian-pengkajian ini didapati bahawa pusat-pusat pendidikan mereka ini mempelajari perkara-perkara yang tidak menyentuh isu-isu yang menjadi isu yang sensitif di dalam satu-satu negara. Soal, sekarang ini tidak timbul kepada KUSZA, sekarang ini KUSZA insya Allah, kita akan wujudkan satu sistem pendidikan, satu sistem pendidikan yang *syamil*, yang *mutakamil* yang akan menilai sesuatu

perkara itu mengikut neraca agama, mengikut neraca Islam, kalau PAS yang tidak betul, tidak betullah, kalau UMNO yang tidak betul, tidak betullah. Begitulah yang berlaku di Masjid KUSZA umpamanya, tidak ada seorangpun yang menyampaikan khutbah Jumaat sebut PAS ataupun UMNO. Apa yang kita sebut soal keadilan, soal kezaliman tapi yang pelik bila kita sebut zalim orang lain tak berasa, UMNO yang berasa. Sayapun tak tahu, makan lada rasa pedas. Apa ini yang berlaku .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, penjelasan. Sebab itulah yang ditujukan kepada orang UMNO dengan perkataan zalim yang selalu disebut di dalam khutbah-khutbah yang disampaikan oleh pemimpin-pemimpin PAS. Kalau disampaikan oleh orang lain, tidak Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua sebagai makluman kepada Yang Berhormat yang pernah bekerja dengan KUSZA.

YANG BERHORMAT HAJI NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut): Itu masalah Yang Berhormat terasa. Dalam khutbah Jumaat kita tak pernah sebut UMNO ini zalim, kita tak pernah sebut. Kita sebut batas-batas kezaliman, siapa saja yang masuk batas kezaliman ini zalimlah. Tak kira orang baca khutbah sendiri ataupun saya berkhutbah, kalau saya sebut sifat-sifat orang zalim tiba-tiba saya termasuk sifat orang zalim, zalimlah, tak kira siapa. Jadi sekarang ini jangan kita mudah terasa apabila orang sebut zalim kita berasa. Jadi inilah masalah, sekarang ini tak payah ragu, tak payah bimbang soal sekarang ini kita nak mewujudkan satu kaedah ataupun satu budaya di dalam masyarakat kita supaya mereka kenal siapa dia zalim, siapa dia adil, siapa dia baik, siapa dia tidak baik kemudian dinilai sendiri secara realiti. Jadi sebab itulah, saya rasa soal masjid ini saya tidak nak bercakap lebih panjang cuma saya nak bagi penekanan-penekanan soal IPT, soal mewujudkan sebuah universiti yang bertaraf antarabangsa yang diiktiraf oleh dunia di dalam Negeri Terengganu Darul Iman ini di mana kita lihat sekian lama pemerintahan UMNO dan Barisan Nasional yang tidak berjaya kita rasakan mewujudkan sebuah universiti yang diiktiraf oleh dunia. Dan kita mengharapkan dengan usaha-usaha gigih yang akan dibuat oleh Kerajaan Alternatif yang baru ini akan mewujudkan satu imej yang baru untuk kita memperkenalkan sistem pendidikan yang betul, sistem pendidikan yang benar yang boleh memberi ... yang mengeluarkan *graduate-graduate* daripada universiti yang benar-benar mengenali hakikat kebenaran yang sebenarnya yang berlaku di dalam dunia dan di dalam negara kita pada hari ini.

Jadi, Tuan Yang Dipertua, saya rasa sekadar itu. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Besut. Saya terus buka, silakan ... Bukit Besi.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAL (Wakil Bukit Besi): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Tuan Yang Dipertua, saya cuma menyambung sedikit terhadap pindaan ini. Yang pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada KUSZA yang telah berjaya mengeluarkan *graduate* yang ramai setakat ini daripada anak-anak Negeri Terengganu dan juga daripada rakyat Malaysia seluruhnya. Cuma apa yang menjadi isu sedikit di sini apabila Wakil daripada Seberang Takir menyebut tentang kebimbangan beliau kalau-kalau anak-anak yang dilahirkan, pelajar-pelajar yang dilahirkan KUSZA pada masa akan datang menjadi perwatakan PAS. Bagi saya, saya melihat KUSZA telah melahirkan orang-orang yang berwatak PAS ini bukan semasa pemerintahan PAS sekarang, sebenarnya KUSZA telah melahirkan orang-orang yang berwatakkan PAS kerana PAS ini berpegang kepada Islam. Dia telah melahirkan sejak sekian lama dan saya adalah orang yang dilahirkan oleh KUSZA, saya adalah orang kedua, generasi kedua

KUSZA. Dan beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat kita di sini termasuk Ahli Yang Berhormat ADUN Paka adalah warisan hasil keluaran KUSZA. Dan kalau tuan-tuan ... Yang Dipertua sendiri juga adalah Pensyarah KUSZA.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih ADUN Bukit Besi.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Jadi tidak pelik, bukanlah satu perkara yang pelik jika KUSZA melahirkan orang-orang berjiwakan PAS kerana KUSZA telah mendidik kami, mendidik saya sebagai orang yang mengenal Islam dan akhirnya kita membangunkan PAS menjatuhkan orang yang membangunkan KUSZA sendiri. Dan saya harap tidak perlu dirunsingkan selagi mana KUSZA berpegang kepada ajaran Islam, mendidik anak-anak di atas jalan Islam dan inilah yang telah kita bangun hari ini untuk melihat kelangsungan KUSZA, melihat kelicinan KUSZA dengan adanya pindaan-pindaan ini saya harap pihak KUSZA akan lebih lancar dalam menjalankan pentadbirannya. Dan saya harap KUSZA akan lebih banyak lagi melahirkan orang-orang yang berjiwa PAS insya Allah pada masa yang akan datang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ya, ada lagi siapa yang nak bercakap? Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, perbahasan mengenai Rang Enakmen KUSZA ini telah selesai dan saya berpuas hati setelah perbahasan itu diambil peluang oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Maka sekarang cadangan bacaan kedua ini telahpun mendapat sokongan, saya sekarang menjalankan undian. Minta maaf, gulungan daripada pihak kerajaan belum dibuat lagi, minta maaf. Saya minta daripada pihak kerajaan membuat penggulungan.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan .....

YANG BERHORRAT YANG DIPERTUA: Saya kena puji sekejap tu terlupa habis dah.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): ..... saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas pandangan-pandangan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap tadi berkaitan dengan pindaan Enakmen. Pertama sekali sahabat kita daripada Seberang Takir atas niat baik beliau memberi pandangan dan peringatan kepada kita, kita mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih. Jadi oleh kerana itu perkara-perkara yang dibimbangkan kuasa Majlis lebih, insya Allah kita akan membuat pengawasan supaya Majlis tidak bertindak sewenang-wenangnya. Dan saya percaya Ahli-ahli Majlis itu akan mengikut dasar dan polisi kerajaan di dalam bidang pendidikan. Memang hasrat kerajaan baru dalam bidang pendidikan ialah untuk melahirkan tenaga-tenaga mahir ataupun untuk melahirkan tenaga-tenaga mahir yang mengerti dan menghayati Islam di dalam kehidupannya dan seterusnya membekalkan tenaga-tenaga mahir ni kepada Kerajaan Negeri Terengganu demi untuk memimpin dan membantu pimpinan Kerajaan Negeri Terengganu pada masa akan datang sehingga nama manja Terengganu Darul Iman itu akan terus mantap dan akan terus subur pada masa-masa yang akan datang.

Saya tertarik juga dan saya ucap terima kasih atas pandangan yang diberi oleh Wakil Seberang Takir supaya KUSZA tidak dijadikan markas atau pusat latihan kader-kader PAS. Kita tidak pernah berniat dan jika sahabat-sahabat kita daripada UMNO ada untuk menjadi KUSZA juga sebagai tempat perkaderan dia maka kita persilakan. Walaupun terdapat hari ini ada khatib-khatib pelawat yang datang ke KUSZA yang berkhutbah, itu semua bukan atas permintaan khatib-khatib tersebut tapi ini adalah atas permintaan keluarga KUSZA itu sendiri. Saya pun tidak faham

KUSZA yang menjadi anak manja, anak emas kerajaan yang lalu begitu mesra dengan kerajaan yang baru, itu saya tidak tahu.

Dan untuk saya menyambung ucapan sokongan yang diberi oleh Wakil Bukit Besi, saya mengakulah saya sebagai seorang aktivis parti PAS dan saya rasa KUSZA telah banyak berjasa kepada PASlah. Anak didik daripada KUSZA sokong PAS ramai sekali, yang sokong UMNO saya tak bilang, saya bilang yang sokong PAS saja. Dalam Dewan ni ada tiga, Wakil Paka, Permaisuri dan Bukit Besi ini semua yang cerdik-cerdik belaka ... ah Jabi maaf, ini semua yang pandai-pandai suruh bersyarah boleh, suruh ceramah boleh, suruh mengajar agama boleh dan dia menyokong PAS Alhamdulillah, yang tidak habis satu duitpun yang kita belanja, yang tolong belanja Kerajaan Barisan Nasional yang lalu. Kita mengucap terima kasih banyak di atas segala usaha yang dilakukan.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, bertujuan untuk melahirkan manusia-manusia yang boleh mengerti Islam dalam semua bidang dan aspek. Kita tidak berniat untuk melatih kader PAS kerana PAS ini sebuah parti politik kita tak perlu kepada pusat-pusat pengajian tinggi seperti ini melatihkan kader-kader, kita ada pusat pengkaderan di Rusila ada, di KL ada (Lubang Lembik) dan sebagainya, banyak tempat pengkaderan. Selama inipun kita boleh menang Negeri Terengganu ini tidak menggunakanpun pusat-pusat ini, tempat pengkaderannya tempat-tempat kita diri sendiri, di rumah-rumah buruk atau di bangunan-bangunan yang kurang selesa maka lahirlah para pejuang yang berjuang untuk menegakkan syariat Allah s.w.t. di atas muka bumi. Jadi kita mahu pelajar-pelajar kita boleh memahami Islam dalam semua aspek dan sudut, dia belajar Islam dari aspek politik, dari aspek ekonominya, pentadbirannya dan buka kursus baru bahagian pentadbiran Islam dan lain-lain perkara lagi. Dan insya Allah, kita diizin Allah bila kita berjaya kita pindaan Enakmen ini mungkin perubatan cara Islam juga akan kita lahirkan, pusat rawatan atau pengajian perubatan akan kita buat insya Allah dan dengan itu lebih luas lagilah pengajian yang diperolehi ataupun dapat kita adakan di KUSZA ini. Tujuannya biar mereka faham, kalau mereka dah faham politik Islam, faham undang-undang Islam dia nak sokong UMNO, Alhamdulillah dia sokonglah nak buat macam mana, moga-moga dia boleh bawa fahaman Islam dalam UMNO. Tapi jangan jadi Dato' Seri Anwar Ibrahim sudahlah, bawa faham Islam jadi fesyen lain pula, umpamanya. Itu yang kita mahu.

Oleh sebab itu Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kita boleh lihat pimpinan baru, kita berhasrat nak buka universiti langkah awalnya menyediakan pensyarah yang layak iaitu kita buka seluas-luasnya kepada pensyarah untuk menyambung pelajaran ke peringkat PhD dengan tak kira, kita tak tanyapun awak parti apa. Kita tanya awak sudah dapat tempat atau tidak, dapat tempat di dalam negara dulu sebab luar negara, luar negara di Timur Tengah boleh tapi luar negara di sebelah barat, sebelah Amerika, sebelah British belum kita dapat hantar lagi kerana Kerajaan Malaysia belum dapat memulihkan nilai ringgit kita, maka kalau kita hantar ke sana kita terpaksa berbelanja wang yang banyak. Jadi usaha kita untuk menjadikan Negeri Terengganu dapat dibekalkan dengan tenaga mahir dalam semua bidang , kita cuba menaik tarafkan KUSZA sehingga ia menjadi IPTA ataupun IPTS. Kerajaan dulu kata, banyak kali dalam Dewan kata KUSZA akan dijadikan universiti, itu banyak kali bercakap tapi tak ada. Yang dikatakan tahun 1999 ada mesyuarat itu pun, saya mula-mula mesyuarat jadi Pengerusi Majlis KUSZA minit mesyuarat 99 dulu kita baca, tapi tak adapun satu keputusan dalam minit tersebut yang nak menjadikan KUSZA sebagai pusat pengajian tinggi. Saya dok jumpa, kalau pengurusan KUSZA tak bagi tahu kepada saya, wallahualamlah saya tak tahu. Jadi oleh kerana itu, dakwaan yang mengatakan bahawa ini kita jadikan pusat, tuan-tuan jangan bimbang, tuan-tuan boleh minta supaya tuan-tuan boleh masuk

KUSZA, boleh ceramah boleh buat permohonan. Benar tak benar tak tahu lagi buat permohonan dulu.

Yang keduanya, ada prasangka katakan bahawa dengan KUSZA baru ni, KUSZA nama dulu kita dok ubah, nama lama KUSZA itu dan KUSZA di bawah pentadbiran baru dia bimbang takut tak dok orang minta, tak dok orang nak belajar. Tahun ni, tahun 2000 ni orang minta 10,000 tapi kita boleh terima baru 800 nak terima banyak lagi tapi bangunan tak berapa memuatkan. Insya Allah, kita akan perbesarkan lagi bangunan dan kita terima permohonan-permohonan baru. Nampaknya ramai ... dan ramai jugalah, dulu ramai lagi, tapi saya tanya pernahkah jadi 10,000 ni, rupanya bisik-bisik dok rajin 10,000 orang minta ni tapi macam mana tahun 2000 ni jadi orang minta sampai 10,000 permohonan. Itulah daripada 10,000 boleh lulus 800, mungkin penerimaan kedua ni beberapa ratus lagi akan kita ambil.. Jadi buat masa ni saya rasa tidak perlu bimbang lagi.

Adapun kerjasama dengan IPTA dalam negeri, itu terpulanglah kepada pihak unversiti, kita sentiasa menjalin, membuat hubungan secara dekat dan secara baik di antara unversiti-unversiti yang ada dalam negeri supaya mereka boleh menerima kita, pelajar-pelajar yang lulus dalam apa-apa bidang pengajian yang ada di KUSZA mereka boleh menerima di bidang-bidang yang ada dalam unversiti-unversiti masing-masing. Kita harapkan sebelum daripada kita berjaya mengeluarkan ijazah ataupun Ijazah Pertama seterusnya ijazah kedua dan ketiga di KUSZA ini. Walau bagaimanapun kita tidak berdiam diri, kita juga membuat hubungan dengan pusat-pusat pengajian tinggi di luar negara supaya mereka dapat bekerjasama dengan kita. Dan dengan itu di antaranya kita pergi ke beberapa buah negara, luar daripada Malaysia ini kita buat hubungan dan setakat ini Alhamdulillah sambutan adalah baik daripada mereka dan kita harapkan impian rakyat Negeri Terengganu melihat sebuah universiti tertubuh dan tertegak secara sempurna di Negeri Terengganu ini akan tercapai, sama ada dalam bentuk IPTA ataupun IPTS.

Sekian, Yang Dipertua.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG ENAKMEN BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN KOLEJ UGAMA SULTAN ZAINAL ABIDIN 1981, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN KOLEJ UGAMA SULTAN ZAINAL ABIDIN 1981 TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU SEKSYEN KE SATU SEKSYEN DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya memaklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UDNANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN KOLEJ UGAMA SULTAN ZAINAL ABIDIN 1981, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Bilangan 5 Tahun 2000.**

TANGGUHAN

YANG AMAT BERHORMAT TUAN GURU MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya tangguhkan Persidangan Dewan ini kepada suatu masa dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian. Marilah kita tangguh dengan sama-sama membaca *tasbih khifarak* dan surahtul 'Ashr.

PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 4.20 PETANG.

LAMPIRAN

LAMPIRAN

LAMPIRAN A

SOALAN-SOALAN BERTULIS

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI WAKIL KEMASIK

SOALAN 1 : Berapakah jumlah kawasan balak yang telah diluluskan oleh pihak Kerajaan Negeri kepada rakyat, secara tawaran dan secara pemberian, semenjak Kerajaan PAS memerintah Negeri Terengganu Darul Iman dan sila senaraikan nama-nama mereka yang berjaya mendapat kawasan tersebut ?

JAWAPAN : **Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 2 : Sila senaraikan nama-nama mereka yang telah diberi Lesen atau Permit Mengusaha Pasir di Daerah Kemaman.

JAWAPAN : Senarai nama-nama mereka yang telah diberi lesen atau permit mengusaha pasir di Daerah Kemaman adalah sebagaimana berikut:-

Bil.	Nama Pengusaha	Kawasan Yang Diluluskan	Tempoh Kelulusan
1.	Hazish bin Maidin	PT.2137 & 2161 Kg. Air Putih, Mukim Tebak	1/1/1999 - 31/12/2000 (2 tahun)
2.	Awang b. Sulong	PT.2171 & 2170 Kg. Batu 14, Mukim Tebak	1/1/1999 - 31/12/2000 (2 tahun)

3.	Mohamad Rahim b . Hussin	PT.1390 & 1391 Kg. Batu 13, Mukim Tebak	1/1/1999 - 31/12/2000 (2 tahun)
4.	Zainiwati bt. Abd. Ghani	PT.3099 Kg. Pak Saman, Mukim Banggul	1/1/1999 - 31/12/2000 (2 tahun)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. ENCIK ROSOL BIN WAHID
WAKIL AJIL

SOALAN 1 : Senaraikan Ahli Lembaga Pengarah TDM.

JAWAPAN : **Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26(2)(n) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH
WAKIL SEBERANG TAKIR

SOALAN 1 : Daripada 446 buah rumah Kos Rendah di Taman Permint Perdana, Kampung Batin, Kuala Terengganu seberapa banyak telah diperuntukkan kepada pemohon-pemohon dari kampung-kampung dibawah ini ?

i. Kampung Batin.
ii. Kampung Hulu Takir.
iii. Kampung Banggol Pauh.
iv. Kampung Seberang Takir.
v. Kampung Baru Seberang Takir.
vi. Kampung Bukit Tok Beng.

JAWAPAN : Daripada 446 buah rumah, sebanyak 289 telah diperuntukkan dan baki 157 buah masih di peringkat penilaian oleh Jawatankuasa Pemilih.

Berdasarkan kepada alamat permohonan, pecahan peruntukan mengikut kampung-kampung bagi 289 buah yang telah diperuntukkan adalah sebagaimana berikut:-

Bil	Nama Kampung	Jumlah
1.	Kampung Batin	3
2.	Kampung Hulu Takir	2
3.	Kampung Banggol Pauh	2
4.	Kampung Seberang Takir	10
5.	Kampung Baru Seberang Takir	20
6.	Kampung Bukit Tok Beng	1
7.	Lain-lain Kampung	251
	JUMLAH BESAR	**289**

SOALAN 2 : Berapa ramai daripada pembeli-pembeli Rumah Kos Rendah di Taman Permint Perdana Kampung Batin yang berbuat seperti di bawah ini ?

i. Membayar tunai harga rumah itu RM28,000.00 ?
ii. Memohon pinjaman bank dan bank-bank mana ?
iii. Memohon pinjaman Perumahan Kerajaan ?

JAWAPAN : Jumlah rumah yang dibina : 446 unit

Jumlah yang ditawarkan : 289 unit

CARA BAYARAN:

Berdasarkan kepada maklumat yang dinyatakan dalam Borang Permohonan, cadangan pembelian oleh 289 pemohon yang ditawarkan adalah seperti berikut:-

i. Bayar Tunai RM28,000 : 9 (*)

ii. Pinjaman Bank : 229

iii. Pinjaman Kerajaan : 51

Baki unit belum dibahagi : **157 unit**

(*) Tiga orang pembeli secara tunai telah menjelaskan pembayaran RM28,000.00.

SOALAN 3 : Di dalam pemilihan Jawatankuasa Masjid yang telah berlangsung di Negeri Terengganu terdapat beberapa cara atau kaedah yang diamalkan. Cara atau kaedah yang mana satu yang diterima pakai oleh Kerajaan ?

JAWAPAN : 1) Kaedah yang diterima pakai dalam lantikan Jawatankuasa Masjid adalah berdasarkan Kaedah-kaedah Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Pentadbiran Masjid-Masjid) Pindaan 2000 ialah berdasarkan syor anak mukim.

2) Ada masjid-masjid dimana JSR mengemukakan cadangan Ahli Jawatankuasa Masjid. Dalam kes ini, cadangan daripada JSR adalah dianggap sebagai sebahagian daripada syor anak mukim.

3) Sekiranya ada cadangan lain, selain daripada syor JSR, ia hendaklah diputuskan dan dibuat pemilihan oleh anak mukim di masjid.

SOALAN 4 : Sejauh manakah senarai cadangan Ahli Jawatankuasa Masjid yang dikemukakan oleh JSR boleh diterima pakai sedangkan pelantikan JSR itu sendiri dipertikaikan ?

JAWAPAN : Pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu menganggap cadangan AJK Masjid yang disyorkan oleh JSR sebagai satu cadangan sahaja dan keputusan muktamadnya adalah diputuskan oleh anak mukim semasa proses pemilihan di masjid.

SOALAN 5 : Sila terangkan kelemahan-kelemahan kaedah pemilihan Jawatankuasa Masjid yang sekian lama diamalkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu ?

JAWAPAN : Antara kelemahan-kelemahan kaedah lama ialah:-

i) Tidak memberi kuasa pemilihan kepada anak mukim kerana 6 daripada 9 ahli adalah dilantik. 3 orang dilantik oleh Pesuruhjaya dan 2 orang dilantik oleh Kerajaan Negeri dan satu orang oleh Yang Di Pertua MAIDAM. Hanya 3 orang sahaja dipilih oleh anak mukim.

ii) Ramai yang dilantik selalunya terhad kepada satu golongan sahaja yang akhirnya menguasai pentadbiran masjid tersebut.